

AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN **2010**



KANDUNGAN

Perutusan Ketua Pengarah	2	Cawangan Operasi Udara	67
MAKLUMAT KORPORAT	3	Sistem Pengawasan Maritim (Laut) SWASLA	71
Pengurusan Tertinggi	4	Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM)	79
Carta Organisasi	6	Cawangan Perisikan	83
Kronologi	8	BAHAGIAN LOGISTIK	85
Visi, Misi dan Matlamat Strategik	8	BAHAGIAN PENGURUSAN	93
Objektif Strategik	9	Cawangan Sumber Manusia	94
Nilai Murni (Nilai Individu / Individu Organisasi)	9	Cawangan Pentadbiran Dan Keurusetiaan	100
Ikrar	12	Cawangan Kewangan Dan Belanjawan	104
Undang-Undang dan Peraturan APMM	12	Cawangan Naziran / Tim Perintisan Pengurusan Aset	105
BAHAGIAN PEJABAT KETUA PENGARAH	13	Cawangan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	106
Pusat Latihan APMM	14	LAMPIRAN	117
Pasukan Tindakan Khas Dan Penyelamat	20	Lawatan Kerja Dan Kunjungan Hormat	118
Cawangan Perancangan Strategik	24	Aktiviti Sosial Dan Kebajikan	126
Cawangan Dasar Maritim Dan Perhubungan Antarabangsa	27	Peristiwa Penting	134
Unit Latihan Operasi	32	Penarafan Bintang Agensi Kerajaan 2010	140
Unit Perhubungan Awam	35	Keratan Akhbar	141
BAHAGIAN OPERASI	41	Diari Pelawat Tempatan Dan Luar Negara	142
Pusat Operasi Maritim	42	Aktiviti Pameran	143
Cawangan Carilamat Dan Bantuan Bencana	54	Program Media Khas Elektronik 2010	148
		Rencana Khas	149



PERUTUSAN KETUA PENGARAH

“...Maritim Malaysia sedang merangka perancangan menjadikan APMM sebagai agensi tunggal penguatkuasaan maritim di negara ini menjelang bulan Ogos 2011.”

Laksamana Maritim Datuk Mohd Amdan bin Kurish
Ketua Pengarah



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat NYA, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia telah berjaya menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2010 seperti yang telah dirancang.

Dalam usia melangkah ke-6 tahun, Maritim Malaysia telah menzahirkan beberapa kejayaan yang membanggakan di dalam menguatkuasakan undang-undang di Zon Maritim Malaysia. Ini termasuk mengurangkan kadar jenayah di laut dan pelanggaran undang-undang oleh rakyat asing dan tempatan. Kejadian rompakan di laut dan pelanunan di kawasan perairan negara juga telah menurun secara mendadak. Peningkatan jumlah kes yang didakwa di mahkamah juga telah memberi impak besar kepada usaha Maritim Malaysia mencegah perlakuan jenayah di masa hadapan. Selain itu, Maritim Malaysia juga telah dapat menyelamatkan banyak nyawa dan harta benda di laut. Secara tidak langsung semua hasil tindakan ini, telah memberi banyak keselesaan kepada pengguna-pengguna di dalam Zon Maritim Malaysia.

Pada masa ini, Maritim Malaysia sedang merangka perancangan menjadikan APMM sebagai agensi tunggal penguatkuasaan maritim di negara ini menjelang bulan Ogos 2011. Walaupun bakal menjadi agensi tunggal penguatkuasaan di laut, perlu diperjelaskan di sini bahawa fungsi dan kuasa yang berkaitan dengan penggubalan dasar, kuasa, kawal selia, pelesenan, penyelidikan, pembangunan, pemeliharaan sumber dan tugas-tugas lain yang tidak berkaitan dengan penguatkuasaan serta operasi mencari dan menyelamatkan di laut masih dikekalkan kepada agensi-agensi maritim yang sedia ada di negara ini. Dalam pelaksanaan tugas di laut, Maritim Malaysia masih memerlukan bantuan dan kerjasama agensi-agensi terbabit berdasarkan kepakaran yang dimiliki dalam bidang-bidang tertentu.

Akhir kata, saya berharap seluruh warga Maritim Malaysia akan dapat meneruskan kecemerlangan perkhidmatan dan sentiasa bersiap sedia dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan pantas, tegas dan adil dengan menerapkan budaya maritim serta nilai-nilai individu dan organisasi.

Terima kasih.

DATUK MOHD AMDAN BIN KURISH
LAKSAMANA MARITIM



MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUSAN TERTINGGI

KETUA PENGARAH

LAKSAMANA MARITIM
DATUK MOHD AMDAN BIN KURISH





TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)

LAKSAMANA MADYA MARITIM
DATO' NOOR AZIZ BIN YUNAN



TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)


Y.M DATO' RAJA HYDAR BIN
RAJA ISKANDAR



TIMBALAN KETUA PENGARAH (LOJISTIK)

LAKSAMANA MUDA MARITIM
DATO' MOHD KHALID BIN LENGANG





CARTA ORGANISASI



AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA



**TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PENGURUSAN)**

**PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK
UTAMA B (KUP)**

Y.M. DATO' RAJA HYDAR BIN
RAJA ISKANDAR



**CAWANGAN PENTADBIRAN DAN
KEJURUTERAAN**

PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK M54
PUAN MAIMON BINTI K.A. RAMULLAN



CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT F54

ENCIK MUSTAFA BIN ABDULLAH



CAWANGAN PEROLEHAN
PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK M48

ENCIK MOHD ZAID BIN IDRIS



CAWANGAN SUMBER MANUSIA
PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK M54

TUAN HAJI MD. MISRON BIN YUSOF



CAWANGAN KEWANGAN & BELANJAWAN
PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK M54

TUAN HAJI WAN YUSOF BIN
WAN ABD RAHMAN



**CAWANGAN PENDIDIKAN &
LATIHAN**

**PEGAWAI PENGUATKUASA
MARITIM X26**

LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATO' ISMAIL BIN HAMZAH



CAWANGAN UNDANG-UNDANG

PEGAWAI UNDANG-UNDANG L64

PUAN IDAH BINTI ISMAIL



**CAWANGAN NAZIRAN & AUDIT
DALAMAN**

**PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK
M54**

TUAN HAJI KHALID BIN A. HAMID



**CAWANGAN PERANCANGAN
STRATEGIK**

**PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM
X24**

KEPTEN MARITIM
HJ. MAMU BIN SYED ALEE



PASUKAN TINDAKAN KHAS

**PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM
X22**

KEPTEN MARITIM
ABIM AK SUNGOM



WILAYAH MARITIM UTARA

PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM X26

LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
MUHAMAD BASAR BIN TAJI



WILAYAH MARITIM TIMUR

PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM X26

LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
NASIR BIN ADAM



WILAYAH MARITIM SELATAN

PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM X26

LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
ZULKIFILI BIN ABU BAKAR



WILAYAH MARITIM SARAWAK

PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM X26

LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
ISMAILI BIN BUJANG PIT



WILAYAH MARITIM SABAH & LABUAN

PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM X26

LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
MOHD TAHA BIN IBRAHIM

Visi

“Menjadi antara agensi penguatkuasaan maritim yang terbaik di dunia”

Misi

“Menguatkuasakan undang-undang serta menyelamatkan nyawa dan harta benda di laut bagi memastikan kesejahteraan perairan negara”

Matlamat Strategik

- Menentukan Zon Maritim Malaysia aman dan terkawal;
- Menguatkuasakan undang-undang maritim dengan berkesan;
- Mengurangkan kehilangan nyawa dan harta benda di laut;
- Meneraju dalam hal ehwal penguatkuasaan maritim; dan
- Menjadi penanda aras (*benchmark*) kepada agensi penguatkuasaan maritim luar negara.

Kronologi Penubuhan APMM

Tarikh	Perkara
21 April 1999	Kajian bagi mewujudkan sebuah agensi <i>Coast Guard</i> di Malaysia.
21 Ogos 2002	Kabinet telah meluluskan penubuhan APMM.
16 April 2003	Tim Nukleus ditubuhkan dan ditugaskan untuk menjalankan segala usaha yang perlu bagi mewujudkan APMM.
15 Februari 2005	Akta APMM (Akta 633) dikuatkuasakan.
10 Oktober 2005	Y.A.B. Dato Sri' Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan majlis memperkenalkan APMM.
30 Oktober 2005	APMM memulakan operasi di Zon Maritim Malaysia.
21 Mac 2006	APMM telah dilancarkan secara rasmi oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Objektif Strategik

- Membentuk sebuah angkatan yang seimbang dan serba boleh bagi mendokong misi APMM;
- Memenuhi semua keperluan tugas penguatkuasaan APMM bagi memastikan pematuhan semua Undang-undang Persekutuan dan Undang-undang Antarabangsa di Zon Maritim Malaysia;
- Memenuhi keperluan sebagai peneraju koordinasi Mencari dan Menyelamat Maritim Kebangsaan dan Penyelaras Bantuan Bencana (*National Maritime Search and Rescue and Disaster Relief Coordination*);
- Memenuhi semua keperluan logistik sejajar teknologi semasa;
- Memantapkan sistem pengurusan dalam mengoptimumkan sumber-sumber;
- Membangun, mengurus dan mengekal tenaga kerja yang terampil;
- Meningkatkan dan memperluaskan persefahaman, kerjasama dan rakan kongsi dengan *stakeholders* dan pelanggan;
- Mewujud dan membangun Pasukan Simpanan Sukarelawan APMM (PSS APMM) dan Pasukan Bantuan APMM (PB APMM MMEA / *Auxilliary Unit*) dalam membantu tugas-tugas tertentu APMM;
- Menjadi peneraju dan rujukan dalam aspek keselamatan bagi aktiviti rekreasi maritim kebangsaan dan;
- Menjadi sebuah agensi peneraju penguatkuasaan maritim yang dicontohi.

Fungsi dan Tanggungjawab

1. Menguatkuasaan undang-undang dan ketenteraman di bawah mana-mana undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia;
2. Melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan maritim di Zon Maritim Malaysia dan di lautan lepas;
3. Mencegah dan menyekat pelakuan kesalahan di Zon Maritim Malaysia;
4. Memberikan bantuan dalam apa-apa perkara jenayah atas permintaan negara asing sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Bantuan bersama dalam perkara Jenayah 2002 (Akta 621);
5. Menjalankan pengawasan udara dan pantai;
6. Menubuhkan dan menguruskan institusi maritim bagi latihan pegawai Agensi;
7. Melaksanakan apa-apa kewajipan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan maritim atau melakukan segala perkara yang bersampingan dengannya;
8. Di lautan lepas;
 - Melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan maritim;
 - Mengawal dan mencegah pencemaran maritim di lautan lepas;
 - Mencegah dan menyekat pelanun serta mencegah dan menyekat pengedaran haram dadah narkotik;
9. Semasa darurat krisis khas atau perang, agensi ini atau mana-mana bahagian agensi diletakkan di bawah kawalan perintah am Angkatan Tentera Malaysia.

Nilai Murni

Nilai Individu

BENAR

Memelihara dan melaksanakan tugas serta tanggungjawab mengikut agama, undang-undang dan peraturan tanpa mengambil kesempatan untuk faedah atau kepentingan diri.

AMANAH

Rela dan berusaha menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab dalam batas kuasa yang ditentukan. Gigih dan ikhlas untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Mempunyai sifat luhur dan murni, jujur kepada diri sendiri, rakan dan organisasi. Mempunyai sifat kerahsiaan untuk menjamin kejayaan misi/operasi penguatkuasaan. Memelihara dan melaksanakan tugas serta tanggungjawab mengikut agama, undang-undang dan peraturan tanpa mengambil kesempatan untuk faedah atau kepentingan diri.

TELUS

Menyampaikan sesuatu melalui perbuatan (termasuk penulisan dan percakapan) kepada yang sepatutnya dengan jelas dan terbuka tanpa berselindung.

BIJAKSANA

Bertindak dengan penuh hemah dan rasional dengan menggunakan segala sumber yang ada ke arah pencapaian matlamat dan hasil yang berkualiti.

ADIL

Membuat sesuatu keputusan serta melaksanakan tindakan mengikut kehendak undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dengan berani tanpa pilih kasih dan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

BERANI

Tidak takut dan tabah menghadapi bahaya atau cabaran semasa menjalankan tugas. Tidak teragak-agak untuk bertindak untuk menegakkan undang-undang dan sedia berkorban demi agensi, bangsa dan negara. Bersedia menghadapi krisis dengan tenang dan tidak berbelah bahagi. Digeruni dengan sikap berani dan ketegasan, serta disegani kerana sikap adil dan saksama.

Nilai Organisasi

Kerja Berpasukan

- Mengutamakan kerja berpasukan sebagai budaya kerja.
- Mengiktiraf setiap warga APMM sebagai anggota yang sama penting dalam organisasi.
- Sentiasa bersatu padu dan menghormati, menyokong dan mematuhi keputusan pasukan.
- Sentiasa bekerjasama antara ahli pasukan, antara jabatan, dengan pelanggan, pembekal dan rakan-rakan dari agensi lain yang berkaitan.
- Menggalakkan kreativiti, inisiatif, maklum balas, cadangan dan kritikan membina.
- Percaya dan saling menghormati setiap anggota pasukan.
- Mengamalkan kepimpinan yang berkesan.
- Menetapkan standard yang tinggi serta menuntut pencapaian standard ini bukan sahaja bagi diri sendiri malah dari orang lain yang berkaitan langsung dengan pelaksanaan fungsi APMM.
- Bertanggungjawab terhadap tindakan sendiri.

Beretika

- Mempamerkan kesetiaan kepada APMM, bangsa dan negara.
- Komited kepada tugas dan perkhidmatan APMM.
- Menerap, mengekal dan memperkasakan nilai-nilai kerohanian yang jitu.
- Mempunyai keperibadian yang berintegriti serta dicontohi.
- Bertanggungjawab ke atas tindakan sendiri dan menggalakkan yang sama dari rakan setugas.
- Mengaku kesilapan yang dibuat dan mengambil ikhtibar darinya.
- Telus dan ikhlas.
- Gerak laku yang beretika.
- Tutur kata yang sopan.

Penyayang

- Memupuk dan mengekal sikap kasih sayang sebagai sebuah keluarga.
- Mewujud dan mengekalkan persekitaran kerja yang harmoni dan disenangi.
- Menyedia dan mempertingkatkan kualiti hidup warga melalui dorongan, bimbingan dan sokongan individu dan keluarga.
- Prihatin terhadap masyarakat.
- Memupuk semangat kemasyarakatan dan kebajikan keluarga.
- Mementingkan pemeliharaan alam sekitar.

Keunggulan

- Menggalak, merangsang dan mengekalkan tenaga kerja terampil.
- Menumpukan kepada mutu penghasilan dan pencapaian kerja yang tinggi.
- Beriltizam untuk penambahbaikan berterusan dan mampu menyesuaikan diri kepada perubahan persekitaran.
- Mempamerkan kebanggaan sebagai seorang warga APMM menerusi paparan kecekapan dan disiplin diri yang tinggi.
- Menjadikan APMM sebagai organisasi penguatkuasaan pilihan.
- Buat kerja dengan betul pada kali pertama setiap kali.
- Mengamalkan fleksibiliti kerja dan persekitaran.

Kepatuhan

- Mematuhi peraturan, prosedur dan proses kerja.
- Sentiasa menepati masa.
- Fokus kepada kecerdasan bertindak bagi mencapai kewibawaan.
- Mewujudkan komunikasi terbuka, ringkas dan lancar.

Piagam Pelanggan

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) adalah sebuah agensi keselamatan yang ditubuhkan untuk menguatkuasakan undang-undang bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan Zon Maritim Malaysia. Agensi juga bertanggungjawab mengkoordinasi tugas Mencari dan Menyelamat Maritim.

Selaras dengan fungsi yang ditetapkan, kami berjanji akan memberi perkhidmatan dan pelaksanaan berikut:

1. Sekurang-kurangnya 4 vesel beroperasi di laut pada setiap hari di setiap Wilayah Maritim;
2. Menggerakkan aset tersedia dalam tempoh 30 minit aduan atau permohonan bantuan;
3. Berada di lokasi dalam masa 2 jam selepas menerima panggilan kecemasan maritim;
4. Memberi laporan status penyiasatan kesalahan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh penerimaan permintaan; dan
5. Memberi maklum balas aduan awam dalam tempoh 15 hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan.

Kod Tata Laku

1. Kejujuran dan Integriti (*Honesty and Integrity*). Adalah amat penting bagi orang ramai mempercayai kejujuran dan integriti Pegawai Penguat Kuasa Maritim. Oleh itu, semua Pegawai Penguat Kuasa Maritim perlu menjalankan tugas dengan terbuka, jujur, berintegriti dan tidak dipengaruhi oleh sesiapa samada orang perseorangan mahupun institusi.
2. Kesaksamaan dan Toleransi (*Fairness and Tolerance*). Pegawai Penguat Kuasa Maritim mempunyai tanggungjawab untuk bersikap adil dan saksama semasa berurusan dengan orang ramai dan rakan sekerja disamping sentiasa menunjukkan rasa hormat

dan budi bahasa yang baik. Elakkan menyebelahi mana-mana pihak atau membeza-bezakan mereka.

3. Penggunaan Kekerasan dan Penyalahgunaan Kuasa (*Use of Force and Abuse of Authority*). Pegawai Penguat Kuasa Maritim tidak sekali-kali secara sedar dibenarkan menggunakan kekerasan yang berlebihan dan tidak boleh menyalahgunakan kuasa.
4. Prestasi Tugas (*Performance of Duties*). Pegawai Penguat Kuasa Maritim hendaklah melaksanakan tugas dengan ikhlas, rajin dan bersungguh-sungguh. Melaksanakan tugas yang diberikan secepat mungkin dan tidak bertangguh. Jika tidak hadir tugas kerana sakit atau kecederaan jangan melakukan aktiviti yang memburukkan lagi keadaan sehingga berpanjangan. Disamping itu mereka juga perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dan tahap profesionalisma masing-masing.
5. Arahan Yang Sah Di Sisi Undang-Undang (*Lawful Orders*). Kecuali mempunyai sebab yang kukuh, Pegawai Penguat Kuasa Maritim mesti mengikut semua arahan yang sah dan mematuhi semua perintah dan peraturan Jabatan. Mereka perlu menyokong rakan dalam melaksanakan tugas yang sah di sisi undang-undang dan melaporkan jika berlaku salah laku.
6. Penyimpanan Maklumat (*Confidentiality*). Semua maklumat yang diperolehi oleh Pegawai Penguat Kuasa Maritim adalah sulit dan rahsia. Tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan membocorkan maklumat tersebut kepada pihak lain kecuali untuk digunakan dalam pelaksanaan undang-undang yang sah. Pegawai Penguat Kuasa Maritim juga harus peka bahawa maklumat mengenai polisi dan operasi agensi adalah juga sulit dan rahsia dan tidak boleh dibocorkan kecuali dibenarkan semasa melaksanakan tugas. Komen yang berbentuk peribadi yang menjejaskan kepercayaan orang ramai juga perlu dielakkan.
7. Kesegakkan (*Appearance*). Pegawai Penguat Kuasa Maritim hendaklah kelihatan segar, kemas dan bersih berpakaian seragam atau awam semasa bertugas atau di luar tugas.
8. Tingkah Laku Umum (*General Conduct*). Semasa bertugas atau di luar tugas, Pegawai Penguat Kuasa Maritim tidak boleh berkelakuan yang boleh mencemarkan nama baik Maritim Malaysia.

Misi Perkhidmatan Pelanggan

APMM merupakan agensi penguatkuasa undang-undang di Zon Maritim Malaysia dan peneraju operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) Maritim. Menerusi misi perkhidmatan pelanggan Pantas, Tegas, Adil, semua warga APMM akan memberi khidmat dengan mengutamakan kepentingan pelanggan dalam konteks menjamin keselamatan dan kesejahteraan mereka.

Ikrar

Bahawasanya kami, warga Maritim Malaysia dengan ini berikrar akan:

1. Melaksanakan tugas dengan penuh disiplin, jujur, beretika, berintegriti, saksama dan tanpa prejudis.
2. Menghormati dan melindungi maruah dan hak asasi individu semasa menjalankan tugas.
3. Menghormati dan menegakkan kedaulatan undang-undang serta dengan tegas memastikan kepatuhan.
4. Tidak akan menggunakan kekerasan yang berlebihan kecuali sekadar yang benar-benar perlu bagi menguatkuasakan undang-undang.
5. Memastikan rahsia negara dan Maritim Malaysia sentiasa dipelihara.
6. Tidak terjebak dalam kegiatan rasuah dan sentiasa membendung sebarang kegiatan rasuah di dalam Maritim Malaysia.
7. Sentiasa memelihara imej dan nama baik Maritim Malaysia dan negara.

Undang-Undang dan Peraturan

1. APMM telah diperuntukkan Akta yang dipanggil Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 (Akta 633).
2. Dalam Seksyen 5 Subseksyen 5(2) Akta APMM 2004, Yang Dipertuan Agong boleh, dalam perintah yang dibuat di bawah sub-sub subseksyen (1), menentukan bahawa pangkat pegawai yang dilantik itu hendaklah dikira sebagai setara dengan pangkat:
 - 2.1. Pegawai Polis sebagaimana yang dinyatakan dalam atau di bawah Akta Polis 1967 (Akta 344).
 - 2.2. Pegawai Kastam sebagaimana yang dinyatakan dalam atau di bawah Akta Kastam 1967 (Akta 235).
 - 2.3. Mana-mana pegawai lain yang pangkatnya dinyatakan dalam atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, dan Kanun 2.4 Tatacara Jenayah (Akta 593) dan undang-undang yang dinyatakan dalam subseksyen 7(3) – Kuasa Agensi hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.
3. *Areas of Jurisdiction* / Bidang kuasa APMM bermula dari *internalwaters* hingga ke batas luar ZEE dan Pelantar Benua dengan meliputi juga ruang di atas Zon Maritim Malaysia serta perairan Had Pelabuhan.
4. APMM diperuntukkan kuasa penyiasaan bagi menyegerakan semua siasatan dan pendakwaan.
5. APMM diperuntukkan kuasa penguatkuasaan bagi semua kesalahan yang dilakukan di Zon Maritim.

“Moto”

Mengawal, Melindung, Menyelamat.



BAHAGIAN PEJABAT KP

PUSAT LATIHAN APMM

Pusat Latihan APMM (PLAPMM) ditubuhkan bagi menjalankan fungsi dan kuasa agensi sesuai di Bahagian III Seksyen 6 (1) (g) Akta APMM 2004 (Akta 633) iaitu menubuhkan dan menguruskan institusi maritim bagi latihan pegawai agensi.

PLAPMM berada di bawah pemerintahan Pengarah Pendidikan dan Latihan yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah bagi semua aspek dasar. Bagi melicinkan pentadbiran dan pengurusan, Komandan Pusat Latihan dilantik bertanggungjawab ke atas keseluruhan pentadbiran dan bantuan latihan di PLAPMM. Komandan Akademi pula berperanan bagi mengendalikan serta mentadbir latihan asas dan lanjutan termasuk urusan keperluan jurulatih. Pengarah Latihan Khusus/Kompetensi/Kawalan Mutu bertanggungjawab memastikan latihan dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan.

PLAPMM dianggotai oleh 9 orang pegawai dan 35 orang anggota lain-lain pangkat (LLP). Di samping itu, terdapat 5 orang pegawai guna sama yang menjalankan tugas pentadbiran dan kewangan.

Tugas dan tanggungjawab hakiki pegawai dan anggota LLP dan staf sokongan adalah sebagai jurulatih. Pada dasarnya, semua jurulatih yang terlibat menjalankan dwi tugas iaitu sebagai jurulatih dan pengurusan pentadbiran. Bebanan tugas ini dipikul bagi mengoperasikan PLAPMM disebabkan kekangan sumber manusia mengikut perjawatan yang diluluskan. Mengimbangi kekurangan tenaga pakar dan melicinkan pengurusan pentadbiran, sistem *coaching and mentoring* dilaksanakan dengan mewujudkan sistem pemerintahan dan struktur kawalan organisasi yang lebih praktikal. Organisasi Dalaman yang dibentuk seperti di Rajah 1.



Rajah 1: Organisasi Dalaman

Pencapaian

Pengoperasian

Penunjuk Indeks Prestasi (KPI) dan Sasaran Kerja Tahunan. Cawangan ini adalah di bawah Bahagian Pengurusan. Daripada 5 inisiatif strategik yang digariskan di bawah penetapan KPI Bahagian Pengurusan, terdapat 1 inisiatif strategik yang tidak mencapai peratusan sasaran. Ketidakaapaian ini adalah disebabkan oleh kekangan peruntukan kewangan iaitu melibatkan program pelayaran dalam dan luar negara sebanyak 3 kali sepanjang 2010. Bagi Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2010, PLAPMM berjaya mencapai 97.5% sasaran iaitu sebanyak 39 daripada 40 aktiviti yang disasarkan. Bilangan 1 aktiviti yang tidak tercapai adalah sepertimana yang dinyatakan melalui inisiatif strategik KPI Bahagian Pengurusan.

Senarai Kursus dan Pencapaian

Kursus Asas Pelatih Pegawai. Semua pegawai skim X yang baru dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam perlu mengikuti Kursus Asas Pegawai Maritim yang merupakan kursus mandatori yang mesti diikuti. Sepanjang penubuhan PLAPMM, APMM telah berjaya melatih pegawai sebanyak 330 orang dan 27 daripadanya adalah wanita dalam 4 siri pengambilan. Pelatih pegawai yang berpangkat Leftenan Muda (LtM) Gred X13 dan Leftenan (Lt) Gred X17 telah diambil mulai Oktober 2007. Keempat-empat siri pengambilan pelatih pegawai dilatih PLAPMM Bandar Indera Mahkota.

Kursus Asas Pelatih Pegawai Siri 3/2009 yang berpangkat Leftenan Muda (LtM) Gred X13 dan Leftenan (Lt) Gred X17 bermula pada 5 Oktober 2009 dan tamat latihan pada 2 Julai 2010. Manakala, bagi Pelatih Pegawai Siri 4/2010 telah bermula pada 4 Oktober 2010 dan dirancang tamat latihan pada 2 Julai 2011. Kursus asas bagi kedua-dua siri pengambilan ini dijalankan di PLAPMM Bandar Indera Mahkota, Kuantan. Statistik Pengambilan Pelatih Pegawai adalah seperti di Jadual 2.

BIL	SIRI	LELAKI		WANITA		JUM
		Lt	LtM	Lt	LtM	
1	3/2009	50	40	2	3	95
2	4/2010	33	48	6	2	89
JUMLAH KESELURUHAN		83	88	8	5	184

Jadual 2 : Statistik Pengambilan Pelatih Pegawai

Kursus Asas LK II. Kursus ini juga merupakan kursus mandatori bagi anggota LLP sebelum disahkan dalam perkhidmatan. Seramai 1451 orang dan 110 daripadanya adalah wanita dalam 8 siri pengambilan pelatih Laskar Kelas II (LK II) Gred X1 telah dilatih di PLAPMM. Pengambilan Pelatih LK II telah bermula pada Jun 2006. APMM telah bekerjasama dengan TLDM menghantar ke semua pelatih baru bagi 8 siri pengambilan menjalani latihan asas di Pusat Latihan Rekrut (PULAREK) TLDM atau lebih dikenali sebagai KD SULTAN ISMAIL selama 17 minggu bagi menjalani latihan Fasa 1.

Selepas latihan asas di PULAREK, pelatih meneruskan latihan di PLAPMM. Pelatih LK II Siri 7/2009 mula menjalani latihan Fasa 1 pada 13 Jul 2009 di KD Sultan Ismail Johor (KDSI) seterusnya menjalani latihan Fasa 11 dengan disertai oleh Siri 7A/2009 yang merupakan bekas anggota beruniform di PLAPMM Bandar Indera Mahkota pada 22 Dis 2009. Pelatih LK II Siri 7/2009 dan 7A/2009 telah menamatkan latihan 30 Apr 2010 seterusnya menjalani Latihan Sambil Kerja (LSK). Manakala bagi pelatih Siri 8/2010 telah memulakan latihan di KDSI mulai 11 Jan 2010. Memulakan latihan Fasa 11 bersama Siri 8A/2010 di Pusat Latihan pada 22 Jul 2010 dan merupakan siri terakhir yang menjalani latihan Fasa 1 di KDSI. Pelatih menamatkan latihan pada 19 Nov 2010 dan menjalani LSK sehingga 22 Mac 2011. Statistik Pengambilan Pelatih LK II seperti di Jadual 3.

BIL	SIRI	LELAKI	WANITA	JUMLAH
1.	7/2009	176	5	181
2.	7A/2009	5	-	5
3.	8/2010	153	9	162
4.	8A/2010	3	1	4
JUMLAH KESELURUHAN		337	15	352

Jadual 3 : Statistik Pengambilan Pelatih LK II

Koordinasi Latihan Luar. Selain dari tugas utama mengendalikan kursus asas dan lanjutan, PLAPMM juga membantu mengkoordinasi latihan luar yang dianjurkan oleh Ibu pejabat APMM atau mana-mana unit APMM kepada peserta-peserta di antaranya ialah Latihan Bersama MMEA/JCG Boarding dan Kursus Undang-undang dan Penyiasatan.

Kursus Sedang Dilaksanakan. Kursus Asas Pegawai Maritim Siri 4/2010 sedang dalam pelaksanaan. Kursus ini melibatkan Modul Umum, Induksi Khusus/Umum, Biro Tatanegara, Undang-Undang, *Basic Safety Training (BST)*, Ceramah Peningkatan Kerjaya dan Latihan Laut.

Modul Latihan. Pada akhir tahun 2010, pakej dan program Kursus Asas Pegawai dan LK II Maritim telah diubahsuai untuk keperluan tugas di lapangan. Pengubahsuaian ini melalui proses *Training Need Analysis (TNA)* atau Analisa Keperluan Latihan berdasarkan profil tugas dan tanggungjawab seseorang pegawai dan pegawai LLP. TNA ini juga menekankan dimensi pengetahuan (*knowledge*), kemahiran (*skill*) dan sikap (*attitude*) yang bersesuaian, melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan. Modul latihan bagi pelatih pegawai dan pelatih LK II hampir sama tetapi berbeza silibus mengikut tahap profil tugas. Antara kandungan kursus asas seperti berikut:

- Modul Undang-undang
- Modul Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual (JERI)
- Modul Umum
- Kawad Kaki
- Modul Navigasi
- Modul Asas Kejuruteraan Maritim
- Modul Taekwondo
- Biro Tata Negara
- Kursus Induksi
- Renang
- Latihan Laut Fasa 1 – Sekitar Perairan
- Latihan Laut Fasa 2 – Luar Perairan
- Sukan

Latihan Sambil Kerja (LSK). LSK ialah latihan praktikal yang dilaksanakan di unit-unit maritim (kapal atau bot) di seluruh Malaysia selama 4 bulan dengan diawasi oleh pegawai dan staf unit berkenaan. Sementara itu PLAPMM akan melakukan pemantauan melalui tugas

validasi dan juga pemeriksaan mengejut secara rawak bagi memastikan pematuhan standard LSK sentiasa dipatuhi. Pelatih juga dibekalkan dengan buku tugas tentu untuk sebagai panduan latihan dan akan dinilai oleh Unit Latihan Khusus/Kompetensi/Kawalan Mutu dari PLAPMM. Penambahbaikan akan dilaksanakan dari masa ke semasa berdasarkan keperluan semasa dan pembangunan latihan. Berikut adalah Pelaksanaan Validasi dan Pemeriksaan Mengejut Sepanjang 2010 seperti di Jadual 4.

BIL	TARIKH	PERKARA
1.	7 hingga 11 Febuari 2010.	Lawatan mengejut Sempena Ekseksis Maritim Perkasa 1/2010
2.	6 Oktober 2010	Lawatan mengejut ke kapal-kapal di Daerah Maritim Kuantan.
3.	1 hingga 12 November 2010	Validasi bagi Pelatih Pegawai Siri 3/2009 dan LK II Siri 7/2009

Jadual 4 : Statistik Pengambilan Pelatih LK II

Kemudahan Latihan. Kemudahan latihan akan disalurkan ke pihak kontraktor (yang mengendalikan penginapan dan sajian pelatih-pelatih) apabila ada keperluan. Memandangkan kontraktor terbabit menyewa beberapa kemudahan dari pihak luar, adakalanya jadual latihan terpaksa dipinda bagi menyesuaikan kekosongan kemudahan latihan yang diberikan, contohnya lapang sasar, kolam renang serta dewan.

Pembangunan Latihan

Pusat Latihan telah menganjurkan Kursus Motivasi dan Pelaksanaan MBTI pada 22 hingga 23 Januari 2010 yang di PLAPMM, Kuantan. Kursus ini melibatkan peserta Asas Pegawai Siri 3/2009 dan LK II Siri 7/2009.

Bagi merealisasikan pembelajaran yang berterusan bagi mengimbangi kekurangan tenaga pengajar yang pakar dalam sesuatu subjek, PLAPMM juga melantik sumber tenaga pengajar luar dalam mengendalikan latihan kepada pelatih asas. Kursus yang melibatkan tenaga pengajar sumber luar ialah:

- Kursus *Basic Safety Training (BST)*.
- Kursus Navigasi.
- Kursus Undang-undang.
- Kursus Komputer.
- Kursus Kepimpinan.
- Kursus Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek (JERI).

Kursus yang Dihadiri Oleh Jurulatih

Sepanjang tahun 2010, sebanyak 20 kursus termasuk 1 kursus luar negara telah disertai oleh pegawai dan jurulatih Pusat Latihan. Kursus-kursus ini telah diadakan di Pusat Latihan dan di luar seperti berikut:

BIL	KURSUS	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
1.	Kursus Pemikiran Kreatif & Penyelesaian Masalah Bil 1/2010	23 - 25 Feb 2010	INTAN, Bukit Kiara	1 x Pegawai
2.	<i>Maritime Criminal Investigation Course</i>	1 - 3 Mac 2010	Teluk Batik Resort	2 x Jurulatih
3.	Kursus Pengurusan Senggaraan Kenderaan	24 - 26 Mei 2010	Ibu Pejabat APMM	1 x Jurulatih
4.	Bengkel Kemahiran Pengurusan Aduan Yang Efektif	06 April 2010	Pusat Latihan APMM	2 x Jurulatih
5.	Kursus Pegawai Penyelaras Pengurusan Aduan Siri 1/2010	6 - 8 April 2010	Pusat Latihan APMM	2 x Jurulatih
6.	Kursus <i>Civil Military Response To Terrorism</i>	10 April - 2 Mei 2010	California, USA	1 x Pegawai
7.	Kursus Excel 2003	20 - 23 April 2010	KDSI Tg Pengelih	1 x Jurulatih
8.	<i>Basic Safety Training</i>	17 - 21 Mei 2010 24 - 28 Mei 2010	Pelita Akademi, Kuala Kubu Bharu, Selangor	2 x Pegawai dan 1 x Jurulatih
9.	Kursus Asas Fotografi dan Asas Penulisan APMM Siri 1/2010	12 - 14 Julai 2010	Institut KWSP, Bangi	2 x Jurulatih
10.	Taklimat Klasifikasi Fail	11 - 16 Julai 2010	Hotel Sri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan	1 x Jurulatih
11.	Kursus Pengucapan Awam Bil 3/2010	2 - 5 Ogos 2010	INTAN, Kampus Wilayah Selatan	1 x Jurulatih
12.	Kursus Asas Mengeledah	2 - 6 Ogos 2010	Pusat Latihan APMM	3 x Jurulatih
13.	Bengkel Pembangunan Silibus Pakej Latihan	27 - 30 Sep 10	Hotel Allson Putra Nilai	4 x Pegawai dan 21 x jurulatih
14.	Kursus Perhubungan Awam dan Komunikasi Berkesan	27 - 29 Sep 2010	INTAN Wilayah Timur	1 x Staf
15.	Program Pemantapan Rohani, Moral dan Etika APMM	28-Sept 2010	WILTIM, Kuantan	2 x Pegawai dan 8 x Jurulatih
16.	Bengkel Pengubalan Soalan dan Jawapan Skema KPSL	19 - 22 Okt 2010	Allson Hotel Putera Nilai,	5 x Pegawai
17.	Latihan Aplikasi Media Atas Talian	22 Okt 2010	Ibu Pejabat APMM	2 x Jurulatih
18.	Merchant Vessel Search " <i>Train The Trainer Course</i> "	3 - 12 Nov 2010	Cititel Hotel Pulau Pinang	1 x Jurulatih
19.	Penghayatan Kepimpinan	14 - 15 Dis 2010	Hotel Allson Putra Nilai	5 x Pegawai dan 10 x Jurulatih
20.	Kursus Undang-Undang Rendah Pemangkuan Pangkat LK Maritim Siri 1/2010	22 Nov - 21 Dis 2010	Hotel Allson Putra Nilai	4 x Jurulatih

Jadual 6 : Senarai Kursus dan Statistik Penyertaan

Coaching and Mentoring

Pusat Latihan telah merintis struktur dan program *coaching and mentoring* bagi setiap pelatih asas dan juga warga Pusat Latihan mulai 1 Mac 2010. Program ini berperanan memberi bimbingan, sokongan dan bantuan secara professional oleh mentor (terlatih, berkemahiran dan beretika) bagi pembangunan diri mentee (warga dan pelatih yang memerlukan bimbingan). Ia dilaksanakan bagi tujuan memantapkan tahap kecekapan pegawai di samping mengatasi kebimbangan disebabkan kurang keyakinan dan pengetahuan dalam melaksanakan tugas. Melalui program ini, ilmu dan kemahiran dapat dikongsi bersama. Di samping itu, secara tidak langsung mereka yang berpengalaman dan terlatih diberi pengiktirafan sebagai mentor.

Pengurusan Kualiti

Hari Keluarga. Pusat Latihan telah mengadakan sambutan Hari Keluarga Pusat Latihan pada 24 dan 25 Disember 2010 di Sempurna Resort Kuantan. Beberapa acara sukaneka dilaksanakan bagi memeriahkan sambutan hari berkenaan dengan dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan dan Latihan. Acara yang dianjurkan ini berupaya mengeratkan lagi perhubungan di antara warga dan pengurusan atasan di samping memenuhi keperluan membentuk pengurusan sebuah organisasi yang berkualiti.

Projek Pembangunan PLAPMM Gebeng

Menyedari keperluan peningkatan pembelajaran yang berterusan, kerajaan telah memutuskan untuk membina sebuah pusat latihan baru di Gebeng, Pahang bagi menggantikan PLAPMM sementara di Bandar Indera Mahkota, Kuantan. Pengoperasian PLAPMM Gebeng dijangka dapat menampung dan melatih lebih ramai warga APMM selain lokasinya yang strategik serta berupaya memenuhi keperluan meningkatkan keupayaan APMM. PLAPMM Gebeng yang serba lengkap ini terletak lebih kurang 20 km dari PLAPMM sementara di Bandar Indera Mahkota dan berkeluasan 200 ekar.

Pusat latihan ini boleh menampung seramai 700 pelatih dalam sesuatu masa iaitu 300 pelatih pegawai dan 400 pelatih pegawai LLP. Ia dilengkapi dengan kemudahan



yang bersesuaian untuk latihan yang telah dirancang. PLAPMM Gebeng ini akan menempatkan Akademi Maritim Malaysia dan Institut Latihan Maritim Malaysia. Selain dari bangunan pentadbiran, asrama dan fasiliti-fasiliti latihan yang berkaitan, ia juga menempatkan rumah keluarga bagi pegawai dan staf. Pusat latihan yang serba lengkap ini dijangka berupaya melatih anggota baru APMM, kursus-kursus lanjutan serta kursus-kursus lain yang bersesuaian termasuk latihan maritim di rantau ini di masa hadapan.

Projek Pembangunan PLAPMM Gebeng terbahagi kepada 2 fasa iaitu Projek Fasa I dan Projek Fasa II.

Projek Fasa I. Projek Fasa I telah bermula pada 28 Januari 2009. Nilai projek pembangunan ini berjumlah RM 218 juta dan dijadualkan siap pada 27 Januari 2011 iaitu selama 730 hari.

Projek Fasa II. Projek Fasa II dijadualkan pada 4 Januari 2010 bermula lewat pada 1 Jun 2010 kerana pemasalahan faktor tanah. Nilai kontrak bagi projek pembangunan ini berjumlah RM 66.3 juta. Projek pembangunan ini dijadualkan siap pada 24 Mei 2011 dalam tempoh 505 hari (72 minggu).

Kemajuan Projek Pembangunan PLAPMM Gebeng

Projek Fasa I. Secara keseluruhan kemajuan fizikal sebenar bagi Projek Fasa I berakhir 31 Dis 2010 telah mencapai 92.98% berbanding dengan jadual 96.10%. 0.05% mendahului peratus jadual. 62 hari (8.49%) bagi proses siap sepenuhnya. Kemajuan fizikal yang ketara ialah pembinaan blok asrama lelaki dan wanita, gimnasium, lapang sasar, fleet kenderaan dan blok Pusat Latihan siap 100% dan sedang menjalani proses menutup kecacatan (NCR). Begitu juga dengan kemajuan pembinaan blok Markas Pentadbiran yang 98% siap, masjid 88.25%, dewan serbaguna 99.30% dan theatre 93%. Kemajuan pembinaan bangunan yang lain sedang giat disiapkan dan telah melepasi peratusan jadual pembinaan dan dijangka siap mengikut jadual pada 27 Jan 2011.

Bekalan Elektrik. Merujuk kepada Mesyuarat Tapak Pembinaan Projek Pembangunan PLAPMM bagi Projek Fasa I pada 9 November 2010, pembekalan kuasa elektrik oleh pihak TNB melalui Gebeng Industrial Area memerlukan peruntukan tambahan. Anggaran asal telah meningkat dari RM 2.1 juta kepada RM 5.9 juta. Pihak TNB hanya dapat membekalkan kuasa 11KVA mulai 15 November 2010. Manakala bekalan kuasa 33KVA hanya sedia dibekalkan pada Mei 2011. Walaubagaimana pun kerja-kerja pembekalan kuasa elektrik ini dijangka akan berlaku kelewatan. Pembekalan kuasa 11 KVA hanya tertumpu kepada bangunan secara terpilih di Projek Fasa I. Lebih beban kuasa elektrik akan memberi kesan kepada keseluruhan pengguna di Sg Ular, Kuantan, Pahang.

Perabot. Kelengkapan perabot iaitu perabot pasang siap (*built in furniture*) dan perabot mudah alih (*loose furniture*) bagi keperluan pejabat dan perumahan yang diperuntukan mengikut kontrak asal ialah sebanyak RM 4.0 juta. Bagaimanapun harga perabot telah melebihi peruntukan iaitu RM 4.9 juta. Perolehan kelengkapan perabot untuk kegunaan pejabat dan perumahan hanya akan dibekalkan oleh kontraktor Projek Fasa II bermula Mac 2011. Bagi menyesuaikan jumlah perabot mengikut peruntukan yang diberi, pengurangan sebanyak 200 perabot untuk kegunaan tempat kediaman pelatih pegawai lain-lain pangkat telah dipersetujui semasa mesyuarat bersama BHEPMM, JKR dan kedua-dua kontraktor terbabit. Ini bermakna pada satu-satu masa kekuatan untuk latihan bagi pelatih Kursus asas LK II adalah seramai 400 orang sahaja berbanding 600 orang mengikut rancangan asal.

Rumah Keluarga. Rumah keluarga yang diperuntukkan dalam projek ini lebih dari mencukupi mengikut perjawatan sekarang. Pembinaan rumah keluarga dijangkakan siap pada akhir Jun 2011, kelewatan mungkin berlaku mengikut tarikh siap Projek Fasa II.

Telekomunikasi. Kabel telefon telah dipasang mulai 2 Disember 2010 di semua bangunan dalam Projek Fasa I. Talian telefon dijangka boleh beroperasi pada akhir bulan April 2011.

Projek Fasa II. Kemajuan pembinaan fizikal Projek Fasa II sehingga 4 November 2010 masih kebelakang iaitu pada (-4.08%) daripada jadual iaitu 36.10% berbanding kemajuan sebenar 32.02%. Bilangan hari sehingga berakhir 4 November 2010 ialah 304 hari (60.20%) dan bilangan hari yang tinggal ialah 201 hari (39.80%) Berpanduan kepada statistik kemajuan fizikal, terdapat sedikit peningkatan dalam pembinaan sejak akhir September 2010. Berdasarkan kepada mesyuarat yang muktakhir, jangka siap bagi Projek Fasa II telah dijanjikan ke tarikh baru iaitu pada 31 Disember 2011 berdasarkan penilaian kemajuan yang didapati bermasalah.

PASUKAN TINDAKAN KHAS DAN PENYELAMAT

Pasukan Tindakan Khas dan Penyelamat (PTK) atau *Special Task and Rescue Team (STAR)*, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ditubuhkan untuk membantu agensi di dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang dan peraturan di Zon Maritim Malaysia khususnya dalam melaksanakan operasi khas menyelamat dan operasi khas menggempur secara paksa (*forced boarding*).

Aktiviti Pasukan

Kursus/Bengkel. Di sepanjang tahun 2010, pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat Pasukan STAR telah berjaya menghadiri pelbagai kursus yang dikendalikan oleh pusat latihan di dalam negara. Pasukan STAR juga telah berjaya mengendalikan berberapa siri kursus dan latihan samada dikendalikan sendiri atau dengan kerjasama syarikat tempatan untuk anggota APMM serta juga anggota pasukan. Antara kursus-kursus adalah seperti berikut:

Kursus anjuran Pusat Latihan di luar APMM

- Ceramah Intan *Executive Talk* di IMATEC INTAN, Bukit Kiara pada 19 Januari.
- Latihan Pengendalian Peralatan *Running Gear Entanglement System (RGES)* di DM 4 Pelabuhan Klang pada 4 Februari 2010.
- Kursus Penggunaan IR Lasers and Illuminators dikendalikan oleh Syarikat Powertecs Marine Sdn. Bhd. Di Lapang Sasar PDRM Batu Hampar, Jugra, Banting pada 10 Mac 2010.
- Kursus Pendek *Training Of Trainers On Radiation Detection Techniques For Front Line Officer* di Ispra, Italy pada 14 hingga 24 Jun 2010.
- Kursus *Microsoft Certified Application Specialist (MCAS) - Microsoft Access 2007* di INTAN Wilayah Utara, Sg. Petani, Kedah pada 27 Jun hingga 2 Julai 2010.
- Kursus Latihan Untuk Jurulatih di INTAN Wilayah Sabah pada 6 hingga 8 Julai 2010.
- Kursus Klasifikasi Fail di Institut KWSP, Banggi pada 12 hingga 14 Julai 2010.



Demonstrasi pasukan tindakan khas dan penyelamat tebusan di atas kapal.

- Seminar *International Refugee Law* di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) Bandar Baru Banggi pada 5 hingga 6 Ogos 2010.
- Kursus *Counter Terrorism Course Enhancing Port Security* di Hotel Maytower, Kuala Lumpur pada 27 hingga 29 September 2010.
- Kursus *Awareness SAR Mission Coordinator (SMC)* di Hotel Emperor, Melaka pada 11 hingga 15 Oktober 2010.
- Kursus Perubatan Tempur di Batalion 3, Kem Mahkota, Kluang, Johor pada 4 Oktober sehingga 14 November 2010.
- Kursus Undang-Undang Rendah Siri 1/2010 di Hotel Allson Putra Nilai, Negeri Sembilan pada 22 November hingga 21 Disember 2010.
- Kursus USCG *MTT Port Physical Security* Siri 1 di Hotel Tiara Wilayah Persekutuan Labuan pada 29 November hingga 4 Disember 2010.
- Kursus Penyelenggaraan Jentera Bot Petir (*Fast Interceptor Craft*) di Panzer Company Sdn Bhd pada 30 November sehingga 3 Disember 2010.
- Kursus Asas Komando di KD PANGLIMA HITAM, Pangkalan TLDM, Lumut, Perak pada 2 Disember 2010 hingga 7 April 2011.

Kursus/Bengkel yang dikendalikan di Pusat Latihan APMM

- Kursus Pengurusan dan Senggaraan Kenderaan di Ibu Pejabat pada 24 hingga 26 Mei 2010.
- Kursus Lanjutan *International Ship and Port Facility Security Code (ISPS Code)* dan Kursus Lanjutan *International Safety Management (ISM)* di Ibu Pejabat pada 5 hingga 8 Julai 2010.
- Kursus Keselamatan Dokumen dan Keselamatan Fizikal di Ibu Pejabat pada 7 hingga 8 Julai 2010.
- Ceramah Keselamatan Kebakaran di Ibu Pejabat pada 5 Oktober 2010.
- Kursus Pengendalian Peralatan *Sabre 4000 Trace Detector For Explosives, Chemical Agents or Narcotic* oleh Unit Dasar Latihan & Pengurusan Kompetensi Cawangan Sumber Manusia di Ibu Pejabat pada 25 hingga 29 Oktober 2010.
- Kursus *Awareness SAR Mission Coordinator (SMC)* oleh Cawangan Carilamat Ibu Pejabat pada 22 hingga 26 November.



Latihan Force Boarding di laut.

Kursus yang dikendalikan oleh Pasukan STAR

- Ujian Pemilihan Calon Kursus Asas Komando bagi calon Pasukan STAR Siri 2/2010 di Pangkalan TUDM Kuala Lumpur pada 30 dan 31 Mac 2010.
- Ujian Pemilihan Calon Kursus Asas Komando bagi calon Pasukan STAR Siri 2/2010 di Kompleks Sukan Negeri, Likas, Sabah pada 13 dan 14 April 2010.
- Kursus Pra Asas Komando bagi calon Pasukan STAR Siri 1/2010 di Teluk Batik Motel, Lumut, Perak bermula 5 hingga 18 Julai 2010.
- Latihan Intensif calon Kursus Asas Komando Siri 04/ASAS/2010 di Teluk Batik Motel, Lumut, Perak bermula 7 hingga 28 November 2010.

Latihan. Sepanjang tahun 2010, pasukan STAR telah berjaya melaksanakan pelbagai jenis latihan berpandukan jadual latihan mingguan atau bulanan seperti yang telah direncanakan pada awal tahun untuk meningkatkan tahap kemahiran anggota. Latihan yang dilaksanakan adalah seperti latihan fizikal dan latihan perairan iaitu latihan berenang di kolam renang, latihan kemahiran, latihan refresher penggunaan peralatan operasi dan latihan medan. Latihan-latihan lain termasuklah Latihan dan demonstrasi *Fast Roping* dan *Rapelling*, terlibat dalam EKS MARITIM PERKASA 1/2010, Demonstrasi Agensi Keselamatan dan Latihan Menembak Senjata Api Kecil.

Sukan. Pasukan STAR juga terlibat di dalam pertandingan-pertandingan sukan melibatkan pertandingan antara agensi dan jabatan-jabatan luar. Antara penyertaan pasukan adalah seperti di bawah:

IPSC – Tim IPSC STAR telah menyertai Kejohanan IPSC Jemputan TLDM di Lapang Sasar KD PELANDOK, Pangkalan TLDM, Lumut pada 29 hingga 31 Januari 2010.

Rowing – Pasukan APMM Ibu Pejabat telah menyertai Kejohanan Rowing JPM 2010 di Kompleks Sukan Air, Presint 6, Putrajaya pada 26 dan 27 Jun 2010. Pasukan APMM telah diwakili oleh Pasukan STAR dan mendapat tempat ketiga di dalam acara mendayung 8 anggota.

Payung Terjun – Seorang anggota Stelah menyertai Kejohanan Payung Terjun ATM 2010 sempena *Melaka Challenge 2010* bermula pada 7 hingga 17 Jun 2010 dan telah mendapat tempat ketiga pasukan di dalam acara kerjasama di udara.

Bola Sepak - LK I (PKL) Nordin bin Masta telah menyertai Kejohanan Piala Mohd Zain di Pangkalan TLDM Lumut.

Penerimaan Peralatan. Sehingga ke akhir tahun 2010, penerimaan peralatan pasukan yang sepatutnya dibekalkan di bawah RMK 9 (v) diterima pada tahap 95%. Kebanyakan peralatan untuk tujuan latihan operasi, latihan medan dan bagi tujuan kursus telah berjaya dibekalkan dan telah pun digunakan. Kenderaan, bot getah F 470 dan RHIB masih belum diterima.

Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2010. Pasukan STAR telah menetapkan sebanyak 12 SKT untuk dilaksanakan pada tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, pasukan telah berjaya mencapai tahap 100%. Bagaimanapun, pencapaian SKT 2010 bagi Pasukan STAR adalah 90%. Di antara SKT yang tidak dapat dicapai sepenuhnya adalah latihan menembak senjata kecil yang sepatutnya dilaksanakan sekali setiap bulan tetapi tidak dapat dilakukan disebabkan kekangan pegangan peluru.

CAWANGAN UNDANG-UNDANG

Visi

Menjadi Cawangan terunggul dalam memperkasakan undang-undang Zon Maritim Malaysia

Misi

Membudayakan perundangan dalam melahirkan warga maritim yang berpengetahuan tinggi berpaksikan sumber undang-undang dan nas yang benar.

Misi

1. Nasihat Perundangan (Bertulis dan Lisan)
2. Menderaf atau menyemak dokumen undang-undang
3. Menggubal atau membuat pindaan kepada perundangan yang sedia ada
4. Menyemak dan mengkaji kertas siasatan
5. Menyelaras atau mewakili Kerajaan Malaysia dalam prosiding guaman



Penggeledahan dan pemeriksaan ke atas bot-bot nelayan.

Statistik Kertas Siasatan dan Pendakwaan

Statistik Kertas Siasatan dan Pendakwaan pada tahun 2010 adalah seperti berikut :

NO	STATUS KS MASUK	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
1	KOMPAUN	-	26	32	18	8	13	20	16	13	20	31	25
2	PENDAKWAAN	-	4	4	21	11	5	10	18	19	13	19	19
3	NFA	-	5	3	10	8	0	12	6	4	0	8	5
4	PELUPUSAN// LUCUTHAK	-	5	1	8	0	0	1	3	0	4	7	24
5	SIASATAN LANJUT	-	4	11	11	11	7	15	13	22	7	22	11
6	SERAH AGENSI LAIN	-	1	17	13	23	12	34	27	22	30	0	12
7	AMARAN	-	2	0	3	5	2	6	10	0	3	0	0
8	BEBAS	-	0	0	0	0	0	2	0	0	4	0	0
9	USIR	-	1	5	0	0	0	0	1	1	2	0	0
	JUMLAH KS MASUK	0	48	73	84	66	39	100	94	81	83	87	96

CAWANGAN PERANCANGAN STRATEGIK

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah diamanahkan untuk melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan undang-undang dan juga mencari dan menyelamatkan (SAR) di Zon Maritim Malaysia (ZMM). Seksyen 6 Akta 633 telah menggariskan pelbagai fungsi yang perlu dilaksanakan oleh APMM. Antara lain Akta 633 menetapkan bahawa semua hal berkaitan kesejahteraan dan keselamatan di ZMM adalah di bawah tanggungjawab APMM. Justeru, bagi membolehkan APMM melaksanakan fungsinya dengan berkesan, salah satu aspek penting yang perlu diambil kira dalam merangka hala tuju masa depan APMM ialah pelan pembangunan jangka pendek dan jangka panjang APMM. Ini termasuklah keperluan perolehan peralatan canggih dan terkini bagi menyokong operasi yang bakal dilaksanakan.

Dalam aspek ini Cawangan Perancangan Strategik telah memainkan peranan yang amat penting bagi memastikan APMM dibekalkan dengan peralatan yang bersesuaian untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan samada di darat, laut mahupun udara. Cawangan ini terlibat secara langsung dalam mencorakkan kekuatan armada APMM yang ada pada masa kini meliputi

perolehan vesel, pangkalan dan juga pesawat udara. Di awal penubuhannya cawangan ini bukan sahaja perlu melaksanakan pelbagai program perolehan aset, bahkan pada masa itu ia juga bertanggungjawab melaksanakan pelbagai tugas berkaitan dasar dan hal ehwal antarabangsa APMM. Walau bagaimanapun fungsi tersebut telah diambilalih oleh Cawangan Dasar Maritim dan Perhubungan Antarabangsa pada November 2008. Justeru, mulai tarikh tersebut Cawangan Perancangan Strategik dapat memberikan lebih fokus khususnya untuk meningkatkan keupayaan APMM melalui program pembangunan yang dirangka di bawah Rancangan Malaysia.

Organisasi dan Fungsi

Cawangan ini berada di bawah organisasi pejabat Ketua Pengarah dan diketuai oleh seorang pegawai kanan berpangkat Kepten Maritim iaitu Kepten Maritim Hj Mamu bin Said Alea. Buat masa ini, seramai 2 pegawai, 2 LLP dan seorang anggota awam ditugaskan di cawangan ini. Secara amnya antara fungsi utama Cawangan Perancangan Strategik ialah merangka dasar dan strategi makro pembangunan APMM. Cawangan



Perancangan Strategik bertanggungjawab merangka Belanja Pembangunan APMM di bawah program Rancangan Malaysia dan seterusnya menganalisis Belanja Pembangunan APMM tersebut. Dalam masa yang sama Cawangan Perancangan Strategik perlu memantau perjalanan projek pembangunan yang dilaksanakan di bawah program Rancangan Malaysia dan memajukan status perkembangan projek pembangunan APMM kepada Ketua Pengarah. Sehingga kini cawangan ini telah terlibat dalam merangka pelan pembangunan untuk 2 program Rancangan Malaysia iaitu RMK-9 dan RMK-10.

Peruntukan Belanja Pembangunan APMM diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim. Justeru, cawangan ini perlu menjalinkan kerjasama yang erat dengan agensi terbabit dan bertindak sebagai perantara di antara APMM dan BHEPMM dalam semua perkara berkaitan pembangunan projek APMM. Pengarah Cawangan ini juga merupakan ahli tetap di dalam Mesyuarat Pembangunan APMM yang dianjurkan oleh BHEPMM. Selain menghadiri mesyuarat terbabit cawangan ini juga perlu memantau dan menghadiri mesyuarat-mesyuarat lain yang berkaitan dengan projek pembangunan APMM seperti *progress meeting*, mesyuarat rundingan terma kontrak dan lain-lain mesyuarat yang berkaitan.

Cawangan Perancangan Strategik juga perlu merangka dan memantau dasar yang berkaitan dengan pembangunan APMM. Dari semasa ke semasa cawangan ini menjalankan kajian impak ke atas program pembangunan yang dilaksanakan oleh APMM serta menyediakan cadangan penambahbaikan untuk masa hadapan. Sehingga kini cawangan ini telah melaksanakan program berikut:

- Merangka Kertas Dasar Pelan Pembangunan Strategik Maritim Malaysia 2040.
- Merangka Kertas Dasar Agensi Tunggal Maritim Malaysia.
- Penerimaan hadiah peralatan daripada Kerajaan Australia.
- Perbincangan dengan Kerajaan Amerika Syarikat untuk mendapatkan kapal secara *Hot Ship Transfer* di bawah program *United States Excess Defense Articles (USEDA)*.



- Perbincangan dengan pelbagai syarikat swasta bagi perolehan kapal dan bot melalui program *Smart Partnership*.
- Merancang dan menyelaraskan kajian R&D APMM melalui kerjasama yang rapat dengan pihak *National Defense and Science Research Council (NDSRC)*.

Program pembangunan yang diusahakan oleh cawangan ini merupakan keperluan yang dimajukan oleh cawangan, wilayah dan lain-lain unit di dalam APMM. Cawangan ini perlu memberikan perhatian sewajarnya ke atas semua cadangan pembangunan yang diterima dan menyelaraskan semua kertas cadangan tersebut. Setiap cadangan yang diterima akan dikaji kesesuaiannya dan dimajukan ke pengurusan atasan APMM untuk kelulusan lanjut. Seterusnya cawangan ini akan menyediakan semua keperluan dokumentasi yang berkaitan dengan pembangunan sesebuah projek termasuk penyediaan *General Staff Requirement (GSR)*, spesifikasi, anggaran kewangan dan sebagainya.

Perkembangan teknologi semasa akan mewujudkan pelbagai produk di pasaran. Sehubungan itu, kajian berkaitan kesesuaian produk perlu dilakukan oleh cawangan ini agar APMM mendapat produk yang terbaik yang berada di pasaran. Justeru, Cawangan Perancangan Strategik perlu mewujudkan kerjasama yang baik dengan syarikat pembuat dan pembekal peralatan. Dalam masa yang sama cawangan ini bertanggungjawab untuk menyelaraskan semua aktiviti persembahan produk daripada syarikat luar. Seterusnya cawangan ini akan mendapatkan maklum balas daripada cawangan yang berkaitan tentang produk yang dibentangkan dan meneliti kesesuaian produk tersebut untuk digunakan di dalam APMM.

Pencapaian 2010

Program Pembangunan di Bawah RMK-9. Seperti yang telah dinyatakan, antara fungsi penting cawangan ini ialah merangka pelan pembangunan APMM di bawah program Rancangan Malaysia. Di bawah program RMK-9 yang berakhir pada tahun 2010 cawangan ini telah melaksanakan dengan jayanya 29 buah projek pembangunan. Antara projek penting yang telah berjaya dilaksanakan di bawah RMK-9 ialah seperti berikut:

BIL.	NAMA PROJEK
a.	Perolehan pesawat udara termasuk kapal terbang dan helikopter
b.	Pembinaan dan Perolehan Infrastruktur SWASLA Sabah
c.	Perolehan pelbagai jenis bot antaranya ialah 6 buah <i>Rigid Hull Fenders Boat (RHFB)</i> dan 18 buah FIC.
d.	Pembinaan dan Perolehan Infrastruktur Pusat Latihan APMM Kuantan
e.	Pembinaan dan Perolehan Infrastruktur Stesen Udara Subang
f.	Pembinaan dan Perolehan Infrastruktur Pejabat Daerah Maritim Tanjung Sedili dan Sandakan
g.	Perolehan pelbagai peralatan kapal serta peralatan bagi tujuan penguatkuasaan dan SAR.

Program Pembangunan di Bawah RMK-10. Penggal bagi Rancangan Malaysia ke 10 bermula pada tahun 2011 hingga 2015 iaitu untuk tempoh 5 tahun. Perbincangan dengan pihak agensi pusat khususnya Unit Perancang Ekonomi untuk pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMK-10 telah dilakukan sejak dari awal tahun 2010 lagi. APMM telah memohon untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan di bawah RMK-10. Antara projek penting yang telah dirancang untuk dilaksanakan oleh APMM di bawah RMK 10 ialah seperti berikut:

BIL.	NAMA PROJEK
a.	Projek perolehan pelbagai jenis kapal dan bot
b.	Projek peningkatan keupayaan SAR dan penguatkuasaan APMM
c.	Projek pembinaan dan pembelian pejabat
d.	Projek peningkatan keupayaan pengawasan udara
e.	Projek sistem pengawasan laut
f.	Pembinaan dan Perolehan Infrastruktur Pejabat Daerah Maritim Tanjung Sedili dan Sandakan
g.	Perolehan pelbagai peralatan kapal serta peralatan bagi tujuan penguatkuasaan dan SAR.

Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2010 Cawangan Perancangan Strategik telah berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik. Dengan jumlah keanggotaan yang terhad, Pelbagai aktiviti sama ada di peringkat dalam negara ataupun luar negara telah dapat dilaksanakan oleh cawangan ini dengan jayanya. Secara langsung ia telah memberikan impak yang besar dalam menaikkan nama APMM sebagai salah sebuah agensi keselamatan utama di rantau ini. Walau bagaimanapun usaha perlu diteruskan dan sokongan dari semua pihak adalah amat diharapkan agar cawangan ini berupaya melaksanakan tugasnya secara berterusan dengan efisien demi mendukung visi dan misi APMM.

CAWANGAN DASAR MARITIM DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

Cawangan Dasar Maritim dan Perhubungan Antarabangsa (DMPA) telah ditubuhkan pada November 2008 di bawah arahan Ketua Pengarah untuk mengambil alih tugas berkaitan perkara dasar dan juga hal ehwal antarabangsa APMM. Berpandukan kepada keperluan tersebut, usaha telah dilakukan untuk mewujudkan sebuah cawangan khusus yang dapat melaksanakan fungsi-fungsi tersebut. Pada November 2008, cawangan ini telah mewujudkan pejabatnya di tingkat 10 ibu pejabat APMM Putrajaya. Penubuhan cawangan ini adalah merupakan satu usaha berterusan dan proaktif yang dilakukan oleh APMM bagi memastikan agensi ini dapat terus melaksanakan fungsinya dengan baik. Langkah ini diambil atas kesedaran bahawa adalah penting untuk APMM terus menjalin dan meningkatkan hubungan kerjasama dengan pelbagai organisasi dari dalam dan luar negara.

Cawangan ini tidak mempunyai perjawatan hanya perjawatan tim perintis yang menggunakan perjawatan dari unit lain yang telah diluluskan. Cawangan ini di letakkan di bawah organisasi pejabat Ketua Pengarah dan diketuai oleh seorang pegawai kanan berpangkat Kepten Maritim. Walau bagaimanapun cawangan ini bekerja rapat dengan bahagian-bahagian lain dalam melaksanakan tugas hariannya terutama sekali dengan bahagian operasi di dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab. Buat masa ini, seramai 2 pegawai dan 1 LLP ditugaskan di cawangan ini.

Fungsi

- Bertindak sebagai staf penasihat kepada Ketua Pengarah dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Dasar, Hubungan Antarabangsa, Hidrografi dan Oseanografi serta Doktrin dan Publikasi.
- Menyediakan dasar kerjasama penguatkuasaan maritim dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim dari dalam serta luar Negara.
- Menilai dan mengkaji keberkesanan dasar penguatkuasaan sedia ada, program hubungan luar dan menyediakan cadangan penambahbaikan serta merangka hala tuju Penguatkuasaan Maritim dan hubungan luar APMM di masa hadapan.
- Mewujudkan kerjasama dengan pelbagai agensi berkaitan maritim di peringkat serantau dan antarabangsa.
- Bertanggungjawab membangunkan bidang Hidrografi dan Oseanografi dalam APMM serta menguruskan Hal Ehwal Persempadanan dan Penyelidikan Oseanografi di Zon Maritim Malaysia.
- Menyelaras, menyimpan dan mengemaskinikan semua publikasi APMM serta bertindak selaku pusat rujukan ke atas semua publikasi APMM.

Pencapaian

Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2010

Cawangan DMPA telah menetapkan sebanyak 4 SKT untuk dilaksanakan pada tahun 2010 dan telah pun berjaya melaksanakan 2 SKT daripada keseluruhan sasaran yang ditetapkan. Antara SKT tersebut ialah:

- Mewujudkan pangkalan data maklumat nombor perhubungan bagi kerjasama penguatkuasaan Selat Melaka dengan agensi penguatkuasaan maritim Indonesia, Thailand dan Singapura sebelum 30 April 2010. (status-telah dilaksanakan)

- Mewujudkan pangkalan data maklumat nombor perhubungan bagi kerjasama Laut Sulu dan Sulawesi dengan agensi penguatkuasaan maritim Indonesia dan Filipina sebelum 30 April 2010. (status-telah dilaksanakan)
- Mewujudkan format perkongsian maklumat bagi kerjasama penguatkuasaan Selat Melaka dengan agensi penguatkuasaan maritim Indonesia, Thailand dan Singapura sebelum 30 September 2010. (status-belum dilaksanakan: masih menunggu maklum balas daripada BAKORKAMLA & RTMP)
- Mewujudkan format perkongsian maklumat bagi kerjasama penguatkuasaan Laut Sulu dan Sulawesi dengan agensi penguatkuasaan maritim Indonesia dan Filipina sebelum 30 September 2010. (status-belum dilaksanakan: masih menunggu maklum balas daripada BAKORKAMLA & PCG)

Peningkatan Keupayaan

Di antara aktiviti antarabangsa yang telah diadakan oleh Cawangan ini sepanjang tahun 2010 ialah seperti berikut:

Seminar/Kursus/Bengkel Antarabangsa

Seminar Antarabangsa “Zon Ekonomi Eksklusif” anjuran APMM dengan kerjasama International and Commonwealth Training Unit, Maritime Warfare School, HMS Collingwood, Ministry of Defence United Kingdom yang diadakan pada 5 hingga 10 Disember 2010 di Hotel Grand Millennium Kuala Lumpur. Peserta seminar adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan Asia Tenggara yang berkaitan langsung dalam pengurusan dan penguatkuasaan keselamatan maritim. Seminar ini antara lain adalah bertujuan untuk memberi pendedahan, berkongsi maklumat, tatacara kerja berkesan dan penyelarasan serta menangani isu-isu cabaran dan ancaman di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE). Secara amnya, seminar ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya sebagaimana objektif yang telah ditetapkan.

Seminar Antarabangsa “*Western Pacific Naval Symposium (WPNS)*” anjuran Tentera Laut Republik Singapura di Singapura pada 16 Mei hingga 20 Mei 2011. Seminar telah dihadiri oleh Laksamana Madya Dato’ Aziz bin Yunan. Objektif utama menghadiri seminar ini ialah untuk mengambil bahagian dalam membincangkan isu-isu semasa dalam bidang maritim, bertukar pendapat serta

pengalaman dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan maritim, pencegahan penyeludupan manusia, operasi mencari dan menyelamatkan dan pengurusan pentadbiran. Disamping itu, seminar ini juga menjadi tempat untuk membincangkan isu seperti hubungan kerjasama antara negara bagi isu keselamatan maritim serantau serta pertukaran maklumat.

Kursus Antarabangsa “*Maritime Information Sharing Exercise (MARISX)*” anjuran Tentera Laut Republik Singapura di Singapura pada 16 Mei hingga 20 Mei 2011. Seminar telah dihadiri oleh Kepten Maritim Christopher Ravindran A/L W.D Dass, Ketua Penolong Pengarah C3I. Objektif utama kursus ini ialah untuk mengambil bahagian dalam kerjasama antara negara dalam pertukaran dan perkongsian maklumat, tatacara serta medium perantara yang digunakan untuk proses perkongsian maklumat. Latihan serta pemahaman ini penting dalam memastikan isu keselamatan maritim serantau terpelihara. Pembabit dalam kursus ini juga dapat membina hubungan dengan pegawai daripada Negaralain rantau ini yang terlibat dalam penguatkuasaan maritim.

Latihan/Eksesais Bilateral

Cawangan DMPA juga telah mengkoordinasi lawatan kapal daripada *Singapore Police Coast* dan *Maritime Security Task Force* ke Wilayah Utara. Dalam perjalanan ke kapal SPC telah melaksanakan ekseseis serta latihan komunikasi dan pertukaran maklumat dengan kapal APMM.

Mesyuarat/Persidangan Peringkat Antarabangsa HACGAM dan WLM

(*Working Level Meeting (WLM) of the Heads of Asian Coast Guard Agencies Meeting*) mesyuarat ini bakal menyentuh pelbagai skop kerjasama serta aktiviti bagi meningkatkan keselamatan maritim di rantau Asia. Mesyuarat ini merupakan inisiatif yang diambil di peringkat antarabangsa bertujuan untuk meningkatkan kerjasama multilateral di antara negara serantau bagi menjamin keselamatan pelayaran. Hasil daripada perbincangan akan diangkat ke *Heads of Asian Coast Guard Agencies Meeting (HACGAM)* yang dianggotai oleh ketua-ketua agensi penguatkuasaan di rantau Asia untuk dibincang dan diluluskan berbangkit hasil daripada perbincangan dan pembentangan WLM.



Offshore Petrol Vessel 2010

Seminar ini menyentuh skop kemampuan dan peranan serta kepentingan 'Offshore Petrol vessel' dalam kegunaannya dalam misi melaksanakan tugas-tugas pemantauan kawasan perairan negara. Ia juga bertindak sebagai platform kepada agensi-agensi penguatkuasaan serantau berkongsi pengalaman melalui pembentangan kertas dan sesi soal jawab. Agensi yang terlibat juga dapat memperoleh maklumat terbaru serta pendedahan pada teknologi terkini yang melibatkan OPV.

COASTAL Surveillance 2010

Seminar ini menyentuh skop pemantauan kawasan perairan negara. Pelbagai pihak dijemput untuk menjayakan persidangan yang meliputi agensi kerajaan dan swasta dari pelbagai negara. APMM telah dijemput untuk mengambil bahagian dengan membentangkan satu kertas semasa persidangan tersebut. Kertas yang akan dibentangkan bertajuk ***"Examining The Piracy Threat In The Malacca Straits And How Surveillance Can Help Tackle The Threat To Commercial Assets"*** yang menyentuh perkara seperti menganalisis bentuk ancaman pelanun dan tatacara yang diperlukan untuk memastikan keselamatan/pertahanan kapal; memahami peranan yang dimainkan oleh APMM, aktiviti pemantauan/pengawasan perairan serta kerjasama serantau dan juga menimbang punca terjadinya sesuatu ancaman dan risiko yang akan timbul jika ianya tidak di kendalikan dengan tepat.

Cawangan ini juga telah menyediakan kertas-kertas kerja untuk pembentangan di dalam pelbagai program antarabangsa. Cawangan ini juga berjaya mendapatkan tempat untuk pegawai-pegawai APMM menyertai program peningkatan kapasiti seperti seminar, persidangan, kursus, dan bengkel latihan sama ada di peringkat dalam negara mahupun luar negara. Antara kursus yang berjaya diusahakan ialah kursus-kursus anjuran pihak *United States Coast Guard (USCG)*, *Japan Coast Guard (JCG)*, *Japan International Cooperation Agency (JICA)*, *Maritime Institute of Malaysia (MIMA)* serta lain-lain agensi yang berkaitan.

Lawatan Kerja Rasmi ke Luar Negara

Cawangan DMPA telah mengkoordinasi Lawatan Kerja Rasmi oleh delegasi yang diketuai oleh Ketua Pengarah ke *Singapore Maritime Security Task Force (MSTF)* dan *Singapore Police Coast Guard (SPCG)*. Cawangan DMPA juga telah mengkoordinasi Lawatan Kerja Rasmi untuk Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan delegasi ke France dan Australia. Tujuan kesemua lawatan ini adalah untuk memperkukuhkan jalinan kerjasama antara agensi dan negara. Ia juga bagi memperamatkan struktur organisasi dan kebolehan agensi-agensi ini dalam kemampuan serta aset sedia ada yang digunakan untuk kerja-kerja penguatkuasaan.

Penyediaan Kertas Kabinet / Kertas Dasar

Sebanyak 3 buah *Memorandum of Understanding (MOU)* sudah dirangka dan sedang menunggu maklum balas agensi luar Negara berkaitan sebelum dibentangkan untuk kelulusan kabinet. MOU yang dimaksudkan itu ialah MOU di antara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dengan *United States of Coast Guard (USCG)*, *Philippines of Coast Guard (PCG)* dengan *Australia Border Protection Command (BPC)*. Dalam pada itu antara kertas kerja kabinet dan kertas dasar yang telah diluluskan dan yang sedang diselaraskan oleh Cawangan ini bagi tahun 2010 ialah seperti berikut:

- Pelaksanaan Seminar Antarabangsa EEZ Bagi Tahun 2010.
- Hadiah Peralatan Operasi oleh Kerajaan Australia.
- Pelan Ke arah Menjadi Agensi Tunggal pada tahun 2011.
- Penempatan Penolong Atase Pertahanan Perancis di APMM.

Peningkatan Hubungan Kerjasama APMM

Cawangan ini telah pun berjaya mencipta jaringan kerjasama yang lebih meluas dan erat melalui perancangan teliti dan pelaksanaan program lawatan Pegawai Kanan APMM termasuk Ketua Pengarah ke luar negara. Penyertaan di dalam program mesyuarat seperti HACGAM memberikan impak yang ketara dalam menjenamakan APMM di mata masyarakat dan secara tidak langsung di peringkat serantau dan antarabangsa.

Selain itu, beberapa siri lawatan dan kunjungan hormat pelbagai delegasi luar negara ke ibu pejabat APMM Putrajaya ialah:

- *Japan Coast Guard (JCG)*
- *Japan International Cooperation Agency (JICA)*
- *United States Coast Guard (USCG)*
- *US Embassy Office of Defence Cooperation*
- *Royal Malaysian Navy (RMN)*
- *Singapore Police Coast Guard (SPCG)*
- *Philippine Coast Guard*
- *Indian Coast Guard (ICG)*
- Badan Koordinasi Keamanan Laut Indonesia (BAKORKAMLA)
- *Royal Thai Marine Police (RMP)*
- *Australian Customs and Border Protection Service (ACBPS)*

- *Asia-Pacific Center For Security Studies (APCSS)*
- *Seaport Polittie Rotterdam Rijnmond*
- *High Commission of India*
- *Royal Canadian Mounted Police (RCMP)*
- *Embassy of France*
- *National Defense College of the Philippines (NDCP)*
- *Kreutz and Partner, Germany Market Research Company*
- *Korea Coast Guard (KCG)*

Cabaran dan Kekangan

Cawangan DMPA telah dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti dirancang dengan jayanya. Bagi meneruskan pelaksanaan tugas dapat dijayakan dengan lebih berkesan, beberapa kekangan dan cabaran yang memerlukan bantuan oleh semua pihak. Antaranya adalah ketiadaan waran perjawatan.

Cawangan ini ditubuhkan berdasarkan kepada keperluan semasa APMM yang memerlukan kepada satu unit khusus bagi mengendalikan semua perihal dasar dan hubungan antarabangsa APMM. Walau bagaimanapun sehingga kini cawangan ini beroperasi dengan menggunakan perjawatan yang dipinjam dari unit-unit lain di dalam APMM. Keadaan ini menyukarkan cawangan ini untuk melaksanakan fungsinya dengan sempurna. Bantuan dari cawangan lain juga sukar diperolehi ekoran ketiadaan waran yang menyukarkan peruntukan disalurkan kepada cawangan ini. Kebanyakan cawangan yang berkaitan begitu berhati-hati dalam membuat sebarang keputusan bagi mengelakkan teguran pihak audit.

Sungguhpun berhadapan dengan masalah kekurangan anggota, cawangan ini masih berjaya melaksanakan fungsinya dengan baik. Pelbagai bidang kerjasama baru dengan pihak agensi luar negara telah berjaya dibentuk hasil usaha cawangan ini. Walaupun peningkatan hubungan kerjasama ini merupakan sesuatu yang amat dialu-alukan, dalam masa yang sama keadaan ini menyebabkan keperluan kepada penambahan perjawatan bagi cawangan ini akan menjadi lebih kritikal. Dengan adanya platform kerjasama yang baru sudah pastilah ia memerlukan kepada penumpuan tugas yang lebih. Justeru, usaha akan terus dilakukan bagi memastikan penubuhan cawangan ini dapat direalisasikan dalam masa terdekat.

Secara keseluruhannya, cawangan DMPA telah berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik dan telah mencapai Sasaran Kerja Tahunan di tahap 100% bagi tahun 2010. Dengan jumlah keanggotaan yang terhad, pelbagai aktiviti sama ada di peringkat dalam negara ataupun luar negara yang telah dapat dilaksanakan oleh cawangan ini dengan jayanya. Secara langsung ia telah memberikan impak yang besar dalam menaikkan nama APMM sebagai salah sebuah agensi keselamatan utama di rantau ini. Walau bagaimanapun usaha perlu diteruskan dan sokongan dari semua pihak adalah amat diharapkan agar cawangan ini berupaya melaksanakan tugasnya secara berterusan dengan efisien demi mendukung visi dan misi APMM.



UNIT LATIHAN OPERASI

Unit Latihan Operasi (ULO) telah ditubuhkan pada September 2006 di bawah Arahan Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia untuk melaksanakan Penentuan Tahap Kecekapan Kapal (PTKK) terhadap kapal/bot APMM serta pemeriksaan mengejut di Daerah dan Pangkalan Maritim. Unit ini juga dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan *Mobile Team Training (MTT)* APMM untuk mengendalikan kursus menggeledah APMM kepada warga kapal dan bot setiap wilayah APMM. Selain itu juga, unit ini turut terlibat dalam mengkoordinasikan latihan melibatkan United State Cost Guard dan Japan Cost Guard.

Objektif

Memberi latihan kepada warga kapal dan bot berpandukan Perintah Tetap Ketua Pengarah dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan. Mencapai slogan Piagam Pelanggan APMM bagi kapal yang beroperasi serta memantau setiap arahan dan perintah dipatuhi oleh semua anggota APMM dan meningkatkan ilmu pengetahuan anggota dalam bidang penguatkuasaan.

Aktiviti

1. Penentuan Tahap Kecekapan Kapal (PTKK)
2. Pemeriksaan Mengejut.
3. Mobile Team Training (MTT).
4. Audit Kecekapan Dan Kesiapsiagaan *Watchstander* (ACC/MCC).
5. Kursus *Competency Enhancement*.
6. Mengkoordinasikan Latihan Menggeledah Bersama USCG.
7. Melaksanakan Latihan *Deck Landing Training*.
8. Tim Penilai Eksesais.
9. *Train The Trainer In Ship Search Anjuran Australian Customs And Border Protection Command*.

Penentuan Tahap Kecekapan Kapal (PTKK)

Latihan Penentuan Tahap Kecekapan Kapal (PTKK) telah dilaksanakan di semua wilayah APMM. Kapal yang terlibat PTKK pada tahun ini adalah seperti berikut:

WILSEL	KM DANGA KM KUKUP	1 - 5 MAC
WILTIM	KM JARAK KM LANG	12 - 16 APR
WILUTA	KM MARLIN KM GAGAH	17 - 21 MEI
WILSAB	KM BUDIMAN KM LABAS	12 - 16 JUL
	KM SERASAN KM TEBRAU KM RUMBIA	18 - 22 OKT
WILSEL	KM RAMUNIA KM MARUDU	2 - 6 OGOS

Ianya telah dilaksanakan dengan jayanya di setiap wilayah APMM. Terdapat 4 fasa ketika melaksanakan PTKK.

1. Pemeriksaan Kelengkapan dan Dokumen.
2. Pemeriksaan Fasa Pelabuhan
3. Pemeriksaan Fasa Laut.
4. Penilaian Kesiagaan Operasi.

Kapal yang terlibat di dalam PTKK ini juga diberi tunjuk ajar oleh staff unit ini dalam melaksanakan sesi pengeledahan yang betul mengikut Perintah Tetap Ketua Pengarah dan *Standard Operating Procedure*. Sesi ceramah praktikal dilaksanakan.

Pemeriksaan Mengejut

Pemeriksaan mengejut ini telah dilaksanakan di setiap wilayah APMM, ianya bertujuan menentukan setiap aset yang dimiliki oleh APMM sentiasa bersedia dalam menghadapi apa jua kemungkinan. Selain itu juga, pemeriksaan mengejut ini adalah untuk memastikan SOP dan piagam pelanggan dipatuhi.

WIL SEL	KILAT 15	4 MAC
WILTIM	KILAT 49	14 APR
WILUTA	KILAT 52	18 MEI
WILSAB	PENGAWAL 2	14 JUL
WILSEL	KILAT 18	4 OGOS

Mobile Team Training (MTT)

Pihak Pengurusan APMM telah memberi mandat kepada unit ini untuk menganjurkan kursus menggeledah APMM atau dikenali sebagai MTT. Sasaran setiap wilayah untuk menganjurkan satu kursus setiap tahun telah berjaya dilaksanakan. Sasaran utama peserta kursus ini adalah warga kapal dan bot yang sering melaksanakan pengeledahan. Seramai 12 orang telah dilantik sebagai jurulatih MTT dan bertanggungjawab untuk mengajar melalui sesi teori dan praktikal.

WILUTA	5 – 9 APR
WILSEL	14 – 18 JUN
WILTIM	2 – 6 OGOS
WILSAR	4 – 8 OKT
WILSAB	22 – 26 NOV

Audit Kecekapan dan Kesiapsiagaan Watchstander (ACC/MCC)

Audit ini telah dilakukan di *Area Control Centre (ACC)* Tanjung Piai pada 21 sehingga 22 Jul 2010. Pemeriksaan ini merangkumi pelaksanaan pengoperasian, pentadbiran, keselamatan dan dari segi teknikal. Beberapa pemerhatian dan teguran telah dilakukan dan dimajukan untuk tindakan pihak yang terbabit.

Kursus Competency Enhancement

Kursus ini telah dilaksanakan sebanyak 2 kali dengan jayanya iaitu pada 26 hingga 28 April 2010 bertempat di Ibu Pejabat APMM, Putrajaya melibatkan seramai 25 peserta. Untuk Wilayah Sarawak dan Sabah pula dilaksanakan pada 27 hingga 29 Julai 2010 di Kota Kinabalu juga melibatkan 25 peserta. Kursus ini telah dikendalikan oleh Syarikat ANQ Sdn Bhd. Ianya memberi pendedahan kepada peserta kursus mengenai pengoperasian kapal dagang, pemeriksaan kapal dagang. Ianya juga bertujuan mendedahkan peserta kepada system perundangan negara dan antarabangsa berkaitan dengan maritim.



Kapal Maritim Langkawi
(KM Langkawi)

Latihan Menggeledah Bersama *United State Coast Guard*

Latihan menggeledah ini telah dikoordinasikan bersama dengan Unit Dasar Latihan, Ibu Pejabat. Sebanyak 3 kali kursus telah dilaksanakan iaitu:

1. *Maritime Operations Planning and Management 2* – 6 Ogos 2010.
2. *Advance Boarding Officer Course 1* - 12 Nov.
3. *MTT Port Physical Security 2*-12 Nov.

Kesemua kursus dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan. Peserta kursus terdiri daripada warga kapal dan bot.

Latihan *Deck Landing Training (DLT)*

Latihan ini telah dilaksanakan dengan jayanya walaupun ini kali pertama dilaksanakan semenjak APMM menerima pesawat helikopter Dauphin. DLT ini telah dilaksanakan di atas Kapal Maritim Langkawi pada 6 – 12 Feb 2010 bersempena dengan Eksesais MARITIM PERKASA.

Tim Penilai Eksesais

Unit ini telah dilantik sebagai Tim Penilai untuk kesemua eksesais yang dilaksanakan di dalam organisasi APMM. Sepanjang tahun ini terdapat tiga Eksesais Penguatkuasaan Maritim dan satu Eksesais MARITIM PERKASA yang di nilai oleh unit ini.

Train The Trainer

Kursus *Train The Trainer In Ship Search* Anjuran *Australian Customs and Border Protection Command* ini melibatkan 20 peserta dan terdiri daripada jurulatih MTT seramai 12 orang dan 9 orang yang berpotensi untuk menjadi jurulatih MTT. Ianya telah dilaksanakan pada 1 – 12 Nov 2010 yang bertempat di Pulau Pinang.




Latihan Deck Landing Training (DLT)

UNIT PERHUBUNGAN AWAM

Pengurusan Publisiti dan Promosi

Dalam menyebarkan maklumat dan memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai fungsi-fungsi Maritim Malaysia, pelbagai langkah publisiti dan promosi telah dilaksanakan. Aktiviti publisiti dan promosi ini turut melibatkan penggunaan saluran media elektronik dan media cetak. Antaranya yang dijalankan termasuklah sidang media, wawancara (tv, radio, dan akhbar), penulisan artikel, liputan aktiviti rasmi dan operasi penguatkuasaan / carilamat, treler Hari Ulang Tahun APMM, di stesen TV tempatan dan program-program terbitan RTM, TV3 dan Astro.


Liputan Berita di Media Cetak dan Media Elektronik




Statistik Liputan Berita APMM Mengikut Agensi Media

Liputan media tertumpu kepada aktiviti operasi penguatkuasaan, carilamat, perkembangan semasa hal ehwal korporat dan khidmat komuniti. Jumlah berita disiarkan di media cetak ialah 1244 berita dan media elektronik ialah 433 kali. Selain itu, sebanyak 23 rancangan khas tentang APMM telah disiarkan menerusi program-program di media elektronik termasuk program dokumentari bertaraf antarabangsa yang disiarkan di stesen televisyen luar negara.


Media Elektronik




Akhbar Bahasa Melayu




Akhbar Bahasa Inggeris




Akhbar Bahasa Cina



Akhbar Bahasa Tamil



Penyaluran Berita di Laman Web Mengikut Ibu Pejabat / Wilayah Maritim




Sepanjang tahun 2010, sebanyak 240 berita dan 412 aktiviti telah disalurkan oleh Cawangan / Wilayah Maritim untuk disiarkan laman web APMM. Berita yang disiarkan merangkumi kes-kes tangkapan dan operasi mencari dan menyelamatkan yang dilaksanakan oleh Wilayah, Daerah dan Pangkalan Maritim APMM di perairan negara. Manakala aktiviti adalah artikel yang meliputi ceramah, kursus, lawatan dan kunjungan hormat dan lain-lain. Paparan informasi tersebut bertujuan untuk mengemaskini warga APMM dan pelanggan APMM tentang perkembangan terkini APMM serta sebagai bahan rujukan.

Pameran

Sebanyak 82 termasuk 2 pameran bertaraf antarabangsa telah dilaksanakan di peringkat ibu pejabat APMM, Wilayah Maritim dan Daerah Maritim. Pameran-pameran ini telah memperkenalkan fungsi dan kerjaya APMM serta meningkatkan kesedaran orang awam terhadap perkara keselamatan dan kesalahan/jenayah maritim.

Jumlah Keseluruhan Pameran Yang Disertai Oleh APMM Tahun 2010



Jumlah keseluruhan: 82 pameran

Aktiviti Bersama Media

Bil	Aktiviti	Tarikh
1	Larian Mendaki Bukit Lisram bersama pihak media, Pulau Langkawi	26 Mei 2010
2	Pertandingan bowling APMM dengan Media Putrajaya	2 Jul 2010
3	Lawatan ke Utusan Melayu (M) Berhad, Jln Chow Sow Lin.	27 Jul 2010
4	Pertandingan bowling APMM dengan Media Kuala Lumpur dan Putrajaya	14 Dis 2010

Kemahiran Staf

Kursus. Di sepanjang tahun 2010, 30 pegawai Penguatkuasa Maritim dan 30 Staf Unit Perhubungan Awam yang dilantik daripada Wilayah, Daerah dan Pangkalan Maritim telah berjaya menghadiri kursus yang dikendalikan oleh Unit Perhubungan Awam Kursus-kursus yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- Pegawai Penyelarasan Pengurusan Aduan Siri 1/2010 pada 24 Julai 2010.
- Kursus Asas Fotografi dan Asas Penulisan Siri 1/2010 pada 22 - 25 April 2010
- Bengkel Asas *Adobe Photoshop*, UITM Semarak Kuala Lumpur pada 24 - 25 Mei 2010
- Teknik Penulisan Teks Ucapan Yang Berkesan pada 10 - 11 Februari 2010.
- Kursus Perhubungan dan Pengendalian Media pada 15 - 18 Julai 2010

Penerbitan Majalah dan Brosur

Penerbitan majalah berkala dan brosur adalah untuk meningkatkan usaha promosi APMM kepada orang ramai. Sebanyak dua majalah Satria Maritim (Edisi Ketiga dan Edisi ke empat) telah diterbitkan secara *in house* yang diedarkan kepada 2,000 kumpulan sasar terdiri daripada *Stakeholder*, komuniti maritim, Intitusi pengajian tinggi dan perpustakaan.




Sementara itu, sejumlah 5,000 keping brosur kerjaya APMM (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) telah dicetak dan diedarkan kepada pengunjung-pengunjung pameran yang disertai di seluruh Negara.


Pengurusan Aduan

Sepanjang tahun 2010 APMM menerima sebanyak 51 kes aduan.


Pecahan Aduan Mengikut Bahagian Tahun 2010



Kategori Aduan Tahun 2010




Sumber Aduan Tahun 2010



JUMLAH ADUAN: 51

Tempoh Penyelesaian Aduan 2010



JUMLAH ADUAN: 51



BAHAGIAN OPERASI

PUSAT OPERASI MARITIM

Malaysia merupakan sebuah negara yang dikelilingi laut yang merentasi dari negeri Perlis menganjur ke Kelantan di Semenanjung dan dari Tg Datu, Sarawak ke Tawau, Sabah di kepulauan Borneo. Keluasan perairan Malaysia dianggarkan berjumlah 614,000 kilometer persegi. Justeru itu, ekonomi Malaysia bergantung penuh kepada pengangkutan laut, sumber hasil laut dan hasil galian laut seperti minyak dan gas. Dalam pada itu, keselamatan kapal dagang yang menggunakan jalan laut di Selat Melaka, Laut China Selatan, dan Laut Sulu tidak boleh diabaikan. Adalah dianggarkan tidak kurang 70,000 buah vesel belayar di Selat Melaka setiap tahun dan jumlah ini dijangka meningkat berdasarkan kepada pertambahan jumlah penduduk dunia, kemajuan ekonomi dunia, serta peningkatan jumlah dagangan antara negara-negara di dunia. Laluan pelayaran timur dan barat melalui Selat Melaka seperti di Rajah 1.



Rajah 1: Laluan pelayaran timur dan barat melalui Selat Melaka

Operasi

Kawasan operasi APMM dibahagikan kepada 5 Wilayah Maritim, 18 Daerah Maritim, 18 Pangkalan dan 7 pos di seluruh Malaysia. Dasar-dasar operasi ditetapkan oleh pengurusan tertinggi di Ibu Pejabat APMM di Putrajaya, sementara 5 Ketua Penguat Kuasa Maritim Wilayah melaksanakan dasar tersebut dalam mengatur gerak aset bagi melaksanakan tugas Penguatkuasaan dan Carilamat. Pembahagian Wilayah Maritim APMM seperti di Rajah 2.



Rajah 2: Pembahagian Wilayah Maritim APMM

Bagi memikul tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan secara berkesan, sebanyak 139 vesel, 2 pesawat kaku amfibia dan 6 helikopter dioperasikan bagi tugas Mengawal, Melindung dan Menyelamat perairan Malaysia bermula dari pantai sehingga 200 batu di Zon Ekonomi Eksklusif. Di samping itu, APMM juga melaksanakan tugas di laut lepas iaitu: sebanyak 30 buah vesel (kapal dan bot) ditempatkan di Wilayah Maritim Utara yang merangkumi perairan negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak, 41 buah vesel di Wilayah Maritim Selatan yang mengawal perairan negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, 21 buah vesel di Wilayah Maritim Timur iaitu di perairan negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan, 18 buah vesel di Wilayah Maritim Sarawak dan 27 buah vesel di Wilayah Maritim Sabah. Jumlah aset APMM seperti di Jadual 1.

KAPAL / BOT / PESAWAT	JUM
KELAS LANGKAWI	2
KELAS MARLIN	1
KELAS SIPADAN	15
KELAS GAGAH 15	15
KELAS RAMUNIA	5
KELAS RHU	2
KELAS SEMILANG	4
KELAS MALAWALI	4
KELAS NUSA 2	2
BOT RHIB (KILAT)	53

KAPAL / BOT / PESAWAT	JUM
BOT PETIR	10
LAIN-LAIN BOT	26
HELIKOPTER (AGUSTA WESTLAND)	3
HELIKOPTER (DAUPHIN)	3
JUMLAH KAPAL / BOT	139
JUMLAH PESAWAT	8

Jadual 1: Jumlah Aset APMM 2010

Sejak mula beroperasi pada tahun 2005, APMM telah menggembeleng sejumlah aset dan anggota dalam menjalankan pelbagai operasi untuk mengekang jenayah maritim dari berleluasa seperti rompakan di laut, penyeludupan senjata api, pengedaran dadah terlarang, pemerdagangan manusia, penyeludupan pasir, penyeludupan barang-barang kawalan, penyeludupan rokok, diesel, petrol, kayu balak, penyeludupan hidupan liar, pencerobohan nelayan asing dan nelayan tempatan, penyeludupan kerang dan penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI). Kawasan-kawasan panas (*hot spot*) di seluruh perairan Malaysia telah dikenal pasti melalui kekerapan tangkapan di kawasan yang sama. Tindakan proaktif yang diambil adalah menempatkan aset-aset mengikut keupayaannya bertindak (respon) dalam masa yang singkat, jangkamasa operasi, kedudukan strategik aset, maklumat perisikan dan pelbagai kriteria lain yang menjurus kepada kejayaan operasi. Hasilnya boleh dilihat melalui statistik pemeriksaan vesel dan kes-kes tangkapan yang telah dilaksanakan pada tahun 2010.

Pencapaian Operasi

Untuk menentukan APMM relevan dan dihormati pelanggan, masyarakat dan kerajaan, operasi yang dilaksanakan mestilah bersandarkan kepada pengurangan jenayah maritim di laut dan meningkatkan pendapatan kerajaan selain memastikan kesejahteraan dan keselamatan laluan perkapalan. Bagi memastikan undang-undang maritim dipatuhi, pemeriksaan dan tangkapan dilaksanakan setiap hari. Berikut adalah statistik-statistik yang berkaitan. Statistik pemeriksaan dan tangkapan vesel di Wilayah-Wilayah Maritim mengikut bulan seperti di Jadual 2 dan Jadual 3.

Statistik Pemeriksaan Vesel Wilayah Maritim Tahun 2010

BULAN	WILUTA	WILSEL	WILTIM	WILSAR	WILSAB	JUMLAH BULANAN
JAN	460	219	204	118	360	1361
FEB	387	163	280	156	279	1265
MAC	275	369	255	180	327	1406
APR	198	417	212	157	211	1195
MEI	200	646	231	173	182	1432
JUN	222	952	180	137	141	1632
JUL	481	986	294	111	281	2153
OGOS	486	1121	311	148	325	2391
SEP	575	954	183	120	207	2039
OKT	583	833	166	119	271	1972
NOV	457	538	113	96	197	1401
DIS	370	512	60	159	208	1309
JUMLAH	4694	7710	2489	1674	2989	19556


Jadual 2. Statistik pemeriksaan vesel di Wilayah-wilayah Maritim mengikut bulan

Statistik Tangkapan dan Penahanan Wilayah Maritim Tahun 2010

BULAN	WILUTA	WILSEL	WILTIM	WILSAR	WILSAB	JUMLAH BULANAN
JAN	60	38	10	17	37	162
FEB	49	12	12	17	39	129
MAC	39	17	18	12	39	125
APR	30	22	11	24	25	112
MEI	29	29	6	29	24	117
JUN	12	12	8	16	18	66
JUL	52	15	22	14	27	130
OGOS	36	18	17	14	28	113
SEP	29	8	13	7	34	91
OKT	56	10	12	21	35	134
NOV	23	27	2	17	17	86
DIS	15	22	8	5	21	71
JUMLAH	430	230	139	193	344	1336

Jadual 3. Statistik kes tangkapan di Wilayah-Wilayah Maritim mengikut bulan


Statistik Pemeriksaan dan Tangkapan 2006-2010



Rajah 3. Statistik pemeriksaan berkadar terus dengan statistik tangkapan setiap tahun.


Adalah diperhatikan, jumlah pemeriksaan APMM meningkat setiap tahun dengan peningkatan jumlah tangkapan tahunan dari 2006-2010 di antara 10% - 15% dari jumlah pemeriksaan. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan aset dalam inventori APMM disamping pertambahan pegawai dan anggota untuk mengendalikan aset-aset tersebut. Ancaman keselamatan yang ditangani oleh APMM merupakan ancaman bukan tradisional (*non traditional threat*); antaranya adalah pelanunan, rompakan di laut, penyeludupan (barang kawalan, dadah, senjata api), pendatang asing tanpa izin dan pelbagai kesalahan lain yang melanggar undang-undang dan peraturan negara. Statistik pemeriksaan berkadar terus dengan statistik tangkapan setiap tahun. seperti di Rajah 3 dan Rajah 4.

Statistik Tangkapan Kes Penyeludupan



Rajah 4. Graf tangkapan kes penyeludupan tertinggi bagi tahun 2010 adalah kes penyeludupan barang-barang kawalan seperti minyak masak, gula, beras, tepung gandum, diesel dan petrol.


Statistik Rompakan Di Laut



Statistik kejadian rompakan di laut yang tertinggi berlaku di perairan Selatan Johor. Kejadian rompakan dilakukan ke atas kapal-kapal terutamanya kapal tangki yang bersaiz di perairan Tanjung Piai dan Pengerang, Johor. Kecurian melibatkan alat ganti jentera, barang-barang persendirian dan wang tunai milik kru kapal. Di perairan pantai timur Semenanjung yang kedua tertinggi berlaku rompakan dan rampasan ke atas bot tunda dan baj, walau bagaimanapun keadaan masih terkawal dengan kehadiran aset APMM yang membuat rondaan di perairan tersebut. Graf menunjukkan statistik rompakan di laut di perairan Selatan Johor seperti di Rajah 5.

Rajah 5. Graf di atas menunjukkan statistik rompakan di laut di mana perairan selatan Johor merupakan kawasan panas. Aset-aset laut dan udara APMM dan STAR TEAM telah ditugaskan untuk menghapuskan kejadian rompakan di laut dari berleluasa. Selain itu, APMM Wilayah Maritim Selatan telah mengambil tindakan proaktif dengan menyebarkan risalah-risalah mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil dalam menangani kejadian rompakan kepada kapal-kapal yang berlabuh di kawasan tersebut.


Statistik Tangkapan Pendatang Tanpa Izin (PATI)



Rajah 6. Carta pai kes tangkapan PATI mengikut warganegara yang berjumlah 545 orang

Adalah diperhatikan bahawa bilangan kes tangkapan dari warganegara Filipina mendahului warganegara lain dari Asia Tenggara. Ini dapat difahami kerana kebanyakan tangkapan dilakukan di perairan pantai timur Sabah terutama di DM 17 SANDAKAN hingga ke DM 18 TAWAU. Sempadan perairan pantai timur Sabah yang hampir dengan sempadan perairan Filipina memudahkan warga Filipina diseludup masuk ke KUDAT, SANDAKAN, LAHAD DATU dan TAWAU. Peluang pekerjaan yang banyak terutama di sektor perikanan dan pusat-pusat hiburan di Sabah membuka ruang bagi penyeludup untuk mengaut keuntungan dengan menyeludup masuk warga Filipina. Pada tahun ini, sebanyak 178 kes tangkapan PATI telah dilaksanakan dengan jumlah keseluruhan sebanyak 545 orang. Taburan kes tangkapan dipecahkan kepada Selat Melaka iaitu 68 kes, perairan Sabah berjumlah 104 kes dan lain-lain perairan sebanyak 5 kes. Pecahan jumlah PATI mengikut warganegara adalah Indonesia (94 orang), Filipina (259 orang), Thailand (18 orang), Myanmar (172 orang) dan Bangladesh (2 orang). Carta pai kes tangkapan PATI mengikut warganegara seperti di Rajah 6.


Statistik Tangkapan Bot Nelayan Asing



Rajah 7. Graf kes tangkapan bot nelayan asing mengikut Wilayah Maritim

Pencerobohan nelayan asing dalam perairan ZMM melibatkan 8 buah Thailand, 60 buah Vietnam, 35 buah Indonesia dan 1 buah Brunei telah ditahan kerana menangkap ikan tanpa permit yang sah. Pencerobohan bot nelayan asing dari Indonesia berlaku di perairan Selat Melaka utara manakala Vietnam dan Thailand di perairan Pantai Timur Semenanjung dan Sarawak. Bot nelayan asing dan awak yang ditahan akan didakwa di mahkamah untuk dilucut hak kemudian akan dilupuskan, manakala awak-awak didenda jika gagal bayar denda dan dikenakan hukuman penjara. Graf kes tangkapan bot nelayan asing mengikut Wilayah Maritim seperti di Rajah 7 dan Rajah 8.

Tangkapan Nelayan Asing Mengikut Negara



Rajah 8. Carta pai menunjukkan jumlah tangkapan bot nelayan asing mengikut negara


Taburan Tangkapan Hidupan Liar



Rajah 9. Peta menunjukkan taburan kes tangkapan haiwan perlindungan iaitu pada tahun 2009 terdapat 3 tangkapan yang melibatkan tenggiling di Johor dan cicak toket di Sabah sementara hanya 1 tangkapan iaitu 160 ekor burung murai berjaya dilakukan di Johor

Taburan Tangkapan Minyak Diesel dan Petrol

Penyeludupan diesel dan petrol kerap berlaku di sempadan perairan Malaysia-Thailand. Perbezaan harga diesel dan petrol yang tinggi di Thailand berbanding Malaysia menyebabkan banyak kes penyeludupan berjaya ditangkap oleh aset APMM di perairan Kuala Perlis dan Pulau Langkawi. Sebanyak 27 kes tangkapan telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2010 dengan jumlah rampasan diesel sebanyak 135,225 liter dan petrol sebanyak 30,995 liter. Nilai hasil rampasan diesel dan petrol adalah RM 308,158.75. Graf menunjukkan taburan kes tangkapan penyeludupan diesel dan petrol di perairan Malaysia seperti di Rajah 10.



Rajah 10. Graf menunjukkan taburan 27 kes tangkapan penyeludupan diesel dan petrol di perairan Malaysia pada tahun 2010

Analisis Pemeriksaan dan Tangkapan Wilayah-wilayah Maritim

Pemeriksaan 2010

Sebanyak 1200 pemeriksaan (*Key Performance Index*) telah ditetapkan untuk tahun 2010 bagi setiap Wilayah Maritim. Rajah di bawah adalah perbandingan peningkatan dan pengurangan jumlah pemeriksaan dalam tempoh satu tahun yang dikira dari 1 Jan – 31 Dis 2010. Wilayah Maritim Utara dan Wilayah Maritim Selatan menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan melebihi 70% dari jumlah pemeriksaan pada tahun 2009 sementara Wilayah Maritim Sarawak dan Wilayah Maritim Sabah menunjukkan peningkatan yang berterusan. Peningkatan yang mendadak di WILUTA dan WILSEL adalah kerana bot-bot yang baru diterima dari perkongsian pintar dan pembelian kerajaan digunakan sepenuhnya dalam operasi harian. Pengurangan jumlah pemeriksaan di Wilayah Maritim Timur berikutan dengan kerosakan dan tempoh masa pembaikan yang lama ke atas kapal-kapal yang telah berusia 20 tahun ke atas. Jadual menunjukkan peningkatan jumlah pemeriksaan dan tangkapan seperti di Jadual 4 dan 5.

WILAYAH	2009	2010	PERBEZAAN	PERATUS PENINGKATAN / PENGURANGAN
WILUTA	2708	4694	+1988	+73.3%
WILSEL	2851	7710	+4859	+170.4%
WILTIM	3801	2489	-1312	-34.5%
WILSAR	1566	1674	+108	+6.8%
WILSAB	2479	2989	+410	+15.9%
JUMLAH	1305	19556	+6051	Peningkatan 44.8%

Jadual 4. Jadual di atas menunjukkan peningkatan jumlah pemeriksaan vesel tahun 2010 sebanyak 44.8% berbanding tahun 2009

Tangkapan 2010

WILAYAH	2009	2010	PERBEZAAN	PERATUS PENINGKATAN / PENGURANGAN
WILUTA	2708	4694	+1988	+73.3%
WILSEL	2851	7710	+4859	+170.4%
WILTIM	3801	2489	-1312	-34.5%
WILSAR	1566	1674	+108	+6.8%
WILSAB	2479	2989	+410	+15.9%
JUMLAH	1305	19556	+6051	Peningkatan 44.8%

Jadual 5. Jadual di atas menunjukkan peningkatan kes tangkapan sebanyak 28.8% berbanding tahun 2009

Siasatan dan Pendakwaan

Setiap tangkapan tidak akan mendatangkan kesan atau deteren kepada pelaku jenayah maritim sekiranya kes tidak disiasat dan dikenakan hukuman selepas didapati bersalah. Justeru itu, prestasi tangkapan, siasatan dan pendakwaan adalah seperti di Jadual 6 di bawah.

KES	WILUTA	WILSEL	WILTIM	WILSAR	WILSAB	JUMLAH
MAHKAMAH	81	11	55	24	26	197
KOMPAUN	198	37	51	94	35	415
AMARAN	7	2	0	4	11	24
DISITA/PELUPUSAN	52	8	2	0	8	70
TIADA TINDAKAN LANJUT (NFA)	13	16	6	8	46	89
KES DISERAH KASTAM	4	1	0	27	3	35
KES DISERAH KPDN KK	18	3	3	2	47	73
KES DISERAH JABATAN LAUT	8	125	20	30	60	243
KES DISERAH PDRM	1	1	0	0	0	2
KES DISERAH JAB TANAH GALIAN	0	2	0	0	3	5
KES DISERAH JAB IMIGRESEN	44	10	2	2	89	147
KES DISERAH JAB PERHILITAN	-	1	0	0	0	1
KES DISERAH SPRM	0	2	-	2	1	5
KES DISERAH JAB ALAM SEKITAR	2	6	-	-	3	11
KES DISERAH JAB VETERINAR	-	-	-	-	1	1
KES DISERAH JAB PERHUTANAN	-	5	-	-	2	7
KES DISERAH JAB KAWALSELIA PADI BERS	1	-	-	-	5	6
KES DISERAH JAB PENDAFTARAN NEGARA	-	-	-	-	2	2
KES DISERAH JABATAN FARMASI	1	-	-	-	-	1
KES DISERAH JABATAN PERIKANAN	-	-	-	-	2	2
JUMLAH	430	230	139	193	344	1336

Kerajaan untuk pendakwaan.

Jadual 6. Jadual menunjukkan kes-kes yang didakwa di mahkamah, dikenakan kompaun dan denda serta kes-kes yang diserahkan kepada Jabatan Kerajaan untuk pendakwaan

Melalui kes-kes yang dinyatakan di atas, kes melibatkan Akta Perikanan 1985 iaitu kompaun dikenakan kepada pemilik vesel dan tindakan mahkamah ke atas pencerobohan nelayan asing mencatatkan jumlah yang tertinggi. Kes kesalahan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 mencatatkan kedua tertinggi dimana semua kesalahan yang dilakukan vesel diserahkan atau dirujuk kepada Jabatan Laut untuk tindakan lanjut. Kes Imigresen iaitu kesalahan tiada dokumen perjalanan atau tamat tempoh dan permit yang tamat tempoh melibatkan warga asing (PATI) melibatkan yang ketiga tertinggi. Kesemua kes Imigresen dirujuk kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan pengusiran ke negara asal. Jadual menunjukkan perbandingan nilai perolehan, kompaun, lelong dan bayaran denda seperti di Jadual 7.

TAHUN	PELUPUSAN	KOMPAUN	LELONG	DENDA YANG DIBAYAR	JUMLAH
2009	1,218,780.01	835,800.00	215,888.95	102,000.00	2,372,468.96
2010	3,206,073.50	1,612,400.00	416,041.00	827,098.40	6,061,612.90
Peningkatan pendapatan	+1,987,293.49	+776,600.00	+200,152.05	+725.098.40	+3,689,143.94

Jadual 7. Jadual di atas menunjukkan perbandingan nilai perolehan, kompaun, lelong dan bayaran denda 2009 hingga 2010

Kes-kes Berprofil Tinggi

Penyeludupan Dadah

- Pada 23 Mei 2010 jam 11.15 malam, sebuah sampan yang tidak bernombor telah ditahan di perairan 6.9 batu nautika dari barat daya Kuala Perlis namun suspek telah terjun ke laut dan melarikan diri. Hasil pemeriksaan mendapati dadah jenis ganja mampat seberat 240 kg yang diisi dalam 8 bungkusan (2 bungkusan di dalam sampan dan 6 lagi dijumpai terapung di laut). Anggaran kasar nilai dadah tersebut berjumlah RM 600,000.00 yang cuba diseludup dari Thailand ke Malaysia. Kes disiasat di bawah Akta Dadah Merbahaya 1952.

Penyeludupan Rokok

- Pada 22 Jan 2010 jam 2.13 petang, sebuah bot pancung telah ditahan oleh bot KILAT 13, di posisi 7.4 batu barat laut Tg Tohor, Batu Pahat kerana cuba menyeludup masuk rokok Kretek Indonesia pelbagai jenama sebanyak 3366 karton bernilai RM 320,572.00 tanpa pelepasan cukai Kastam. Tiga awak-awak ditahan untuk siasatan, rokok dirampas dan bahan dan disiasat di bawah pendakwaan di bawah Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967 kerana cuba mengelak cukai eksais dan duti Kastam.



Kes penyeludupan dadah dan rokok kretek.



Kes penyeludupan haiwan eksotik sugar glider.

- b. Sebuah bot pancung fiber telah ditahan di muara sungai Sepang Besar oleh bot KILAT 45 pada 3 Februari 2010 jam 10.30 malam kerana cuba menyeludup masuk rokok kretek sebanyak 2180 kanton dari Indonesia bernilai RM 188,739.20. Bot ditahan untuk siasatan dan pendakwaan.
- c. Pada 18 April 2010 jam 10.30 malam, sebuah bot pancung dipintas dan ditahan oleh bot KILAT 45 atas cubaan menyeludup masuk rokok Kretek sebanyak 6120 kanton dari Indonesia ke Malaysia bernilai RM 1.1 juta. Bot ditahan di posisi 5 batu nautika barat daya Kuala Linggi, semua rokok disita dan 3 OKT ditahan untuk pendakwaan.
- d. Pada 22 Mei 2010 jam 12.05 malam, sebuah bot pancung ditahan oleh bot KILAT 15 di perairan Tanjung Tongkah, Kelanang, Kuala Langat, Selangor kerana cuba menyeludup masuk 2810 kanton pelbagai jenis rokok kretek dan rokok putih yang bernilai RM 281,446.00 tanpa pelepasan cukai Kastam. Kesemua rokok disita dan bot ditahan untuk siasatan lanjut di bawah Akta Kastam 1967.
- e. Sebuah bot pancung fiber ditahan bot KILAT 32 pada 24 Jun 2010 di posisi 0.5 batu nautika barat Tanjung Sepat, Morib, Selangor kerana cubaan menyeludup masuk rokok Kretek Indonesia pelbagai jenama sebanyak 14 karung guni bernilai RM 128,062.40 tanpa pelepasan cukai Kastam. Bot dan rokok disita untuk siasatan lanjut.
- f. Bot KILAT 6 dari Daerah Maritim 1 LANGKAWI berjaya menahan sebuah sampan fiber nombor pendaftaran PSF 802 kerana cuba menyeludup keluar rokok putin jenama John King berjumlah 400 kanton (80,000 batang) bernilai RM 80,144.00 pada 3 Ogos 2010 jam 10.10 pagi di posisi kerana 4.8 batu nautika timur Pulau Chorong, Langkawi. Bot dan tekong ditahan dan disiasat di bawah Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967 kerana cuba mengelak cukai eksais dan duti Kastam.
- g. Pada 25 Okt 2010 jam 10.20 malam, bot KILAT 18 telah menahan sebuah bot pancung fiber kerana cuba menyeludup masuk rokok kretek dan rokok putih dari Indonesia tanpa pelepasan cukai Kastam yang bernilai RM 123,254.84 iaitu Marlboro hijau (20 BTG) 300 kanton, Marlboro merah (20 BTG) 550 kanton & Gudang Garam Surya (16 BTG) 200 kanton. Bot dan kesemua rokok dirampas. Kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967.

Penyeludupan Ubat-ubatan Terlarang

- a. Sebuah bot *barter trade* telah ditahan pada 2 Jun 2010 jam 1 petang di perairan Pelabuhan Dermaga Laut Dalam, Butterworth kerana menyeludup masuk pelbagai jamu (ubat-ubatan) bernilai RM 30,000.00 dan barangan kosmetik bernilai RM 25,000.00. Kes disiasat di bawah Peraturan 7 (1a) dan 18A(1)(c) Akta Jualan Dadah 1952.



Kes penyeludupan haiwan eksotik sugar glider.

Penyeludupan Benih Kerang

- a. Cubaan menyeludup benih kerang sebanyak 93 guni seberat 4 tan telah dipatahkan oleh bot KILAT 5 di posisi 0.6 batu barat Kuala Perlis pada 28 Jan 2010 jam 10.40 malam. Nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM 55,800.00. Bot nelayan PSF 2484 ditahan untuk siasatan di bawah Akta Perikanan Seksyen Pemulihan dan Kultur Kerang 2002. Benih kerang dilepaskan semula ke laut di kawasan yang telah dikenalpasti.

Penyeludupan Arak dan Minuman Keras

- a. Bot KILAT 8 dari Daerah Maritim 2 Pulau Pinang menggagalkan cubaan menyeludup masuk arak dan minuman keras berjumlah RM 50,255.00 di posisi 0.5 batu nautika dari Jeti Jabatan Laut, Batu Uban, Pulau Pinang pada 1 Februari 2010 jam 10.15 malam. Bot MY MANDALA dan awak-awak ditahan untuk disiasat di bawah Akta Kastam. Sebanyak 95 botol arak, 96 tin beer dan 62 botol dirampas kerana cuba mengelak cukai Kastam. Kes diserahkan kepada JKDM Pencegahan Pulau Pinang seterusnya dikompaun sebanyak RM 40,000.00. Kesemua minuman keras dirampas & dilucut hak kepada kerajaan Malaysia.
- b. Sebuah kapal kargo LADY ORIENT telah ditahan kerana cuba menyeludup masuk pelbagai jenis minuman keras berjumlah 180 botol (arak) dan 15 *crack beer* bernilai RM 30,000.00 tanpa pelepasan

cukai dan duti Kastam. Kapal tersebut ditahan pada 14 Julai 2010 jam 1.15 petang di posisi 0.5 batu dari Weld Quay, Pulau Pinang dan disiasat di bawah Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam.

Penyeludupan Sarang Burung Walit

- a. Pada 8 Dis 2010 jam 4.07 petang, sebuah bot *barter trade*, KM REZEKI BARU telah ditahan oleh bot KILAT 48 di perairan Pintu Gedung, Port Klang kerana kesalahan cuba menyeludup keluar 2 peti sarang burung walit 66.942 kg bernilai RM 203,274.60, 30 tong minyak diesel dan 240 kg gula pasir. Bot ditahan dan disiasat di bawah Seksyen 133 Akta Kastam 1967.

Penyeludupan Pasir

- a. Bot KILAT 21 telah menahan sebuah bot tunda dan baj Singapura, LM POWER SHEPPER 1803 di posisi 0.3 batu barat daya Sungai Layar, Pengerang pada 29 Ogos 2010 jam 6 pagi kerana cuba menyeludup pasir sungai sebanyak 1600 metrik tan dari Sungai Johor ke Singapura tanpa permit yang sah. Kes telah diserahkan kepada JKDM Johor Bahru untuk siasatan dan pendakwaan.
- b. Bot PELINDUNG 1 telah menahan bot tunda dan baj Malaysia, CATHAY 7 CSF 2306 di posisi 0.2 bn Kuala Pahang pada 15 Ogos 2010 jam 10.15 kerana cuba menyeludup pasir sebanyak 1,400,000.00 metrik tan dari Pekan dengan memalsukan dokumen Kastam. Kesemua OKT tidak mengaku salah, kes didakwa di Mahkamah Pekan mengikut Akta Kastam di bawah Seksyen 133 (1), 135 (1) dan 136.
- c. Bot KILAT 49 telah menahan bot tunda dan baj Singapura, VIRGO 9 dan VICTORY 9 di posisi 12 bn Kuala Pahang pada 30 Sep 2010 jam 3.10 kerana menyeludup pasir sebanyak 1,050,000.00 metrik tan dari Pekan dengan memalsukan dokumen Kastam. Kes disiasat mengikut Akta Kastam di bawah Seksyen 133 (1), 135 (1) dan 136. Dijatuhkan hukuman mengikut MSO 1952 seksyen 26, 36 dan 37 dan didenda sebanyak RM 4000.00. Pasir dirampas dan dilucut hak kepada APMM.

- d. KM RENTAP telah menahan bot tunda dan baj Singapura, BINA MARINE 5 dan 6 di posisi 5.8 bn tenggara Kuala Pahang pada 10 Nov 2010 jam 2.00 kerana menyeludup pasir sebanyak 1,006,000 metrik tan dari Pekan dengan memalsukan dokumen Kastam. Kes disiasat mengikut Akat Kastam di bawah Sekysen 133 (1), 135 (1) dan 136. Mahkamah Rompin telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 50,000.00 dan telah dibayar oleh tertuduh. Pasir dirampas dan dilucut hak kepada APMM.
- e. KM SIPADAN telah menahan bot tunda dan baj Singapura, WINSTAR GRACE (bot tunda) dan WINSTAR 2308 (baj) di posisi 5 bn timur Pu. Berhala, Pahang pada 11 Nov 2010 pada jam 8.00 kerana menyeludup pasir 1,001,000.00 metrik tan ke Stulang Laut ke Pekan dengan memalsukan dokumen Kastam. Kes disiasat mengikut Akta Kastam di bawah Sekysen 133 (1), 135 (1) dan 136. Mahkamah Rompin telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 50,000.00 dan telah dibayar oleh tertuduh. Pasir dirampas dan dilucut hak kepada APMM.

Penyeludupan Minyak

- a. Bot KILAT 1 telah menahan bot pukut hanyut Thailand di posisi 1 bn barat Kangar pada 30 Jan 2010 jam 1310 kerana cuba menyeludup keluar diesel sebanyak 3,600 liter ke Thailand yang bernilai RM 6480.00 tanpa permit sah. Kes diserahkan kepada KPDNKK Perlis untuk tindakan lanjut.
- b. Bot KILAT 3 telah menahan bot pukut tunda Malaysia di posisi 4.8 bn barat Kuala Perlis pada 22 Okt 2010 jam 1720 kerana cuba menyeludup keluar diesel subsidi sebanyak 3,000 liter ke Thailand bernilai RM 5,850.00 tanpa permit sah. Kes diserahkan kepada KPDNKK Perlis untuk tindakan lanjut.
- c. Bot KILAT 28 telah menahan bot pukut tunda Malaysia di posisi 38 bn timur laut Tok Bali, Kelantan pada 5 Jun 2010 jam 1340 kerana cuba menyeludup keluar diesel subsidi sebanyak 7,400 liter ke Thailand bernilai RM 13,230.00 tanpa permit sah. Kes diserahkan kepada KPDNKK Kelantan untuk tindakan lanjut.
- d. KM LIGITAN telah menahan bot pukut tunda Thailand, Sirichonnav 12 di posisi 174 bn timur laut Tok Bali, Kelantan pada 25 Okt 2010 jam 7.35 kerana cuba menyeludup keluar diesel sebanyak 30,000 liter ke Thailand bernilai RM 58,500.00 tanpa permit sah. Kes diserahkan kepada KPDNKK Kelantan untuk tindakan lanjut.
- e. Bot KILAT 37 telah menahan bot kumpit Filipina, ML AL-HAFIDZ di posisi berhampiran bandar Sandakan pada 23 Dis 2010 jam 11.10 kerana cuba menyeludup keluar petrol subsidi sebanyak 27,000 liter bernilai RM 51,300.00 tanpa permit sah. Bot ditahan di DM 17 untuk tindakan lanjut.

Kes penyeludupan pasir.



CAWANGAN CARILAMAT DAN BANTUAN BENCANA

Pada tahun 1983 Malaysia sebagai parti kepada Konvesyen Antarabangsa 1974 telah bersetuju dan menerima *Safety of Life at Sea (SOLAS)* mengenai tanggungjawab untuk memberi perkhidmatan Mencari dan Menyelamat (SAR) di kawasan perairan maritim tanggungjawab negara seperti yang dijelaskan dalam SOLAS: *Chapter 5 Safety of Navigation, Regulation 15 (a)* “Each Contracting Government undertakes to ensure that any necessary arrangement are made for coast watching and for the rescue of persons in distress at sea around its coasts. These arrangements should include the establishment, operation and maintenance of such maritime safety facilities as are deemed practical and necessary.”

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah mengambilalih tugas dan melaksanakan peranan sebagai Penyelaras dalam mengkoordinasikan operasi mencari dan menyelamat (SAR) serta memberi perkhidmatan SAR maritim di perairan maritim negara bermula pada 6 Jun 2006. APMM melalui Cawangan CARILAMAT dan Bantuan Bencana (CLBB), bertanggungjawab untuk membangunkan sistem SAR maritim di negara ini selaras dengan fungsi utama agensi.

Jemaah Menteri pada mesyuaratnya pada 13 Ogos 2008 telah bersetuju dengan pengambilalihan tanggungjawab SAR Maritim oleh APMM dan telah memutuskan penstrukturan semula Jawatankuasa Mencari dan Menyelamat Kebangsaan dengan melantik Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Mencari dan Menyelamat Kebangsaan (*National Search & Rescue Committee - NSC*).

Perkhidmatan dan Penyelaras Operasi SAR Maritim

Perkhidmatan Mencari dan Menyelamat Maritim (SAR) secara amnya didefinisikan sebagai satu kegiatan dan usaha mencari, menolong dan menyelamatkan nyawa manusia yang hilang atau dikhuatiri hilang atau berada dalam satu kejadian yang membahayakan nyawa seseorang semasa dalam pelayaran, penerbangan ataupun bencana tanpa mengambilkira kewarganegaraan atau status orang berkenaan atau keadaan orang tersebut dijumpai di laut.

Perkhidmatan Mencari dan Menyelamat (SAR) adalah merangkumi aspek pengawasan kecemasan, komunikasi dan koordinasi operasi mencari dan menyelamatkan. Perkhidmatan ini termasuk juga memberi bantuan mendapatkan nasihat perubatan (*Medical Advice*), bantuan awal perubatan kecemasan dan MEDEVAC (*Medical Evacuation*) melalui penggunaan samada pesawat udara, kapal dan bot dari aset kerajaan dan swasta, termasuk kerjasama sukarela dari lain-lain komuniti dan kapal dagang yang ada berhampiran lokasi kejadian kecemasan.


Selaras dengan peranan sebagai pusat mencari dan menyelamatkan maritim Malaysia, APMM telah menubuhkan sebuah *Maritime Rescue Coordinating Center (MRCC)* di ibu pejabat APMM di Putrajaya yang dinamakan sebagai MRCC PUTRAJAYA dan lima *Maritime Rescue Sub Center (MRSC)* di Wilayah-wilayah APMM iaitu MRSC LANGKAWI di Wilayah Utara, MRSC JOHOR BAHRU di Wilayah Selatan, MRSC KUANTAN di Wilayah Timur, MRSC KUCHING di Wilayah Sarawak dan MRSC KOTA KINABALU di Wilayah Sabah dan Labuan.

MRCC bertanggungjawab menyelaraskan semua operasi Mencari dan Menyelamat (SAR), di kawasan MSSR Malaysia dan juga memantau operasi SAR yang dilaksanakan oleh MRSC di kawasan zon maritim wilayah masing-masing. MRCC juga bertanggungjawab untuk mengkoordinasikan aktiviti bantuan bencana sekiranya diperlukan apabila berlakunya sesuatu bencana.

Perkhidmatan SAR oleh MRCC dan MRSC ini adalah 24 jam 7 hari seminggu demi keberkesanan penyelarasan pelaksanaan operasi SAR dan sentiasa bersedia untuk menyelaraskan dan mengerakkan bantuan mencari dan menyelamat sekiranya berlaku sebarang kecemasan atau bencana di laut.

Perkhidmatan dan pelaksanaan operasi SAR yang cepat dan berkesan ini dapat mengurangkan kesengsaraan mangsa kecemasan dan juga dapat menghindarkan kehilangan nyawa serta harta benda. Di samping itu juga perkhidmatan yang berkesan akan memberikan gambaran yang positif kepada pandangan masyarakat tempatan dan komuniti maritim serta dapat meyakinkan kepada pihak antarabangsa serta organisasi antarabangsa seperti *International Maritime Organisation (IMO)* dan *International Civil Aviation Organisation (ICAO)* berkenaan perairan negara yang selamat dan terkawal serta boleh diharapkan untuk memberi perkhidmatan dan bantuan segera kepada mangsa-mangsa kecemasan di laut. Ini secara tidak langsung akan memberi kebaikan kepada negara dari segi promosi persekitaran maritim yang selamat serta akan menggalakkan pertumbuhan industri pertanian dan pelancongan, perdagangan, rekreasi, perhubungan maritim dan penerbangan sekaligus memberi kesan yang baik kepada pertumbuhan ekonomi negara.


APMM dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab sebagai penyelar operasi SAR telah melalui pelbagai cabaran dalam usaha memenuhi keperluan untuk respon kepada kecemasan yang berlaku di kawasan perairan tanggungjawab negara yang diwartakan. Ini kerana kawasan tanggungjawab mencari dan menyelamat maritim Malaysia (*Maritime Search and Rescue Region – MSSR*) adalah luas di mana ianya meliputi pantai barat Semenanjung Malaysia, dari Selat Melaka hingga ke Laut Andaman, di sebelah Timur Semenanjung Malaysia dari pantai hingga ke Zon Ekonomi Eksklusif (Laut China Selatan) dan di pantai Sabah dan Sarawak hingga ke laut Sulu seperti di Peta 1.




Peta 1: Kawasan MSSR

Statistik Insiden Kecemasan Di Laut

Semenjak mengambil alih peranan sebagai penyelaras SAR Maritim Kebangsaan pada 6 Jun 2006 sehingga sekarang, APMM telah mengkoordinasikan sebanyak 663 kes pelbagai kecemasan yang memerlukan perkhidmatan SAR dan pengaktifan operasi mencari dan menyelamatkan. Kes kecemasan ini dikategorikan seperti pancaran amaran kecemasan kapal (GMDSS), insiden kapal dan bot, insiden melibatkan manusia di laut, bantuan aset (SRU), *medevac* dan *medico* (nasihat perubatan). Dari jumlah 663 kes kecemasan yang dikendalikan, sebanyak 462 kes melibatkan pelaksanaan operasi mencari dan menyelamatkan yang mana telah melibatkan sebanyak 2219 mangsa yang menghadapi kecemasan di laut. Seramai 1740 (79%) dari 2219 mangsa yang terlibat telah berjaya diselamatkan, manakala sebanyak 334 (15%) mangsa mati dan 145 (6%) mangsa masih hilang. Statistik insiden, statistik status mangsa kecemasan dan statistik peratusan status mangsa adalah seperti di Gambarajah 1, 2 dan 3.




Gambarajah 1 - Statistik Kes SAR Yang Dikendalikan Dari Tahun 2006 – 2010.




Gambarajah 2 - Status Mangsa Kecemasan Dari Tahun 2006 – 2010

Tahun 2010 telah mencatatkan jumlah insiden kecemasan di laut yang tertinggi yang telah dikendalikan berbanding dari tahun-tahun sebelumnya iaitu sebanyak 170 kes. Sebanyak 132 kes melibatkan pelaksanaan operasi mencari dan menyelamatkan (termasuk 1 kes bantuan aset (SRU), 14 kes melibatkan operasi pemindahan keluar mangsa kapal yang memerlukan rawatan kecemasan (MEDEVAC) manakala 24 kes adalah pancaran amaran kecemasan kapal GDMSS. Operasi SAR yang dilaksanakan telah membabitkan aset kapal, bot dan aset udara yang ada dari sumber APMM dan agensi bantuan yang lain. Aset yang kerap terlibat untuk bantuan carilamat ialah Bot Kilat kerana ia merupakan aset yang paling sesuai untuk kes kecemasan yang memerlukan kepantasan dan tempoh perjalanan pergi dan balik yang cepat ke tempat kejadian. Statistik insiden kecemasan dan peratusan kes seperti di Gambarajah 4 dan 5. Taburan Vessel In Distress and People In Distress adalah seperti di Carta 1 dan 2.

Peratusan Kes Tahun 2006 - 2010




Gambarajah 3 - Peratusan Status Mangsa Kecemasan Dari Tahun 2006 – 2010



Gambarajah 4 - Jumlah Kes Yang Dikendalikan Pada Tahun 2010

Peratusan Kes Tahun 2010



Gambarajah 5 - Peratusan kes SAR tahun 2010



Carta 1 - Taburan Vessel In Distress dan People In Distress Tahun 2010




Carta 2 - Taburan Vessel In Distress dan People in Distress Tahun 2010

Dari jumlah sebanyak 170 kes insiden kecemasan di laut yang dikendalikan, kes yang paling tinggi iaitu sebanyak 66 kes (39%) adalah berkaitan pelaksanaan operasi mencari dan menyelamatkan yang melibatkan insiden kapal dan bot. Kategori insiden yang melibatkan kapal dan bot dibahagikan kepada beberapa kategori insiden seperti kes tenggelam, kes terbakar, kes bocor, kes berlanggar, kes hilang, kes rosak, kes terbalik dan kes terkandas. Kategori insiden kapal dan bot yang hilang adalah yang paling tinggi iaitu berjumlah 30 kes (35%) daripada 87 kes diikuti oleh kapal atau bot yang karam atau tenggelam berjumlah 22 kes (25%) dan kerosakan kapal atau bot berjumlah 13 kes (15%). Perbandingan kes di antara kapal, bot tunda, feri dan bot (bot nelayan dan bot rekreasi) pula mendapati bot adalah penyumbang utama kategori insiden kapal dan bot iaitu 55 kes (64%) dan diikuti dengan bot tunda dan barge berjumlah 11 kes (13%). Statistik Insiden kapal/bot dan peratusan kategori insiden adalah seperti di Gambarajah 6 dan 7.

KATEGORI INSIDEN	NELAYAN/PEMANCING		FERI/BOT PENUMPANG		KAPAL DAGANG		BOT TUNDA/BARGE		KAPAL LAYAR & REKREASI		PESAWAT		JUM
	TEMPATAN	ASING	TEMPATAN	ASING	TEMPATAN	ASING	TEMPATAN	ASING	TEMPATAN	ASING	TEMPATAN	ASING	
TENGGELEM	10	2	2	1	0	1	2	4	0	0	0	0	22
TERBAKAR	0	1	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	3
BOCOR	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1
PELANGGAR	1	0	2	0	1	3	1	0	0	0	0	0	8
HILANG	24	1	0	0	0	1	0	2	0	2	0	0	30
ROSAK	10	1	0	0	0	0	1	0	0	1	0	0	13
TERBALIK	2	0	2	0	0	0	1	0	0	0	0	0	5
TERKANDAS	1	1	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	4
TERHEMPAS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1
JUMLAH	48	6	6	2	2	8	5	6	0	3	1	0	87

Gambarajah 6 – Kategori dan Jenis Insiden Kapal / Bot Tahun 2010.

Peratus Jenis Kecemasan Yang Melibatkan Kapal dan Bot Tahun 2010




Gambarajah 7 – Peratusan Kategori Insiden Kapal / Bot Tahun 2010

Kes yang kedua terbanyak yang dikendalikan adalah yang melibatkan mangsa hilang di laut iaitu 65 kes (38%) dari 170 kes yang dikendalikan. Kes kapal/bot dan orang hilang di laut telah menyumbang kepada jumlah mangsa kecemasan sebanyak 577 mangsa iaitu yang tertinggi sejak 4 tahun sebelumnya, di mana 443 (77%) mangsa berjaya diselamatkan, Namunpun begitu terdapat 107 (18%) mangsa mati dan 27 (5%) mangsa masih hilang adalah seperti di Gambarajah 8. Kegagalan dalam menyelamatkan mangsa adalah berpunca dari kelewatan menerima laporan kejadian, posisi kejadian yang dilaporkan tidak tepat dan juga keadaan cuaca yang buruk dan laut bergelora. Peratusan mangsa kecemasan adalah seperti di Gambarajah 9. Mangsa-mangsa kecemasan di bahagikan dalam beberapa kategori dan jumlah selamat, mati dan hilang adalah seperti di Gambarajah 10. Manakala untuk melihat peratusan jumlah mangsa mengikut kategori adalah seperti di Gambarajah 11. Gambarajah 12, 13 dan 14 pula menunjukkan statistik dan peratusan jumlah mangsa keseluruhan serta jumlah mangsa yang selamat, mati dan hilang.




Gambarajah 8 - Status Mangsa Kejadian Tahun 2010



Gambarajah 9 - Peratusan Status Mangsa Kejadian Tahun 2010

MANGSA	JUMLAH TERLIBAT	SELAMAT	MATI	HILANG
LEMAS DI PANTAI	31	4	27	-
PENYELAM	1	-	1	-
NELAYAN TEMPATAN	155	119	18	18
NELAYAN ASING	24	23	-	1
FERI/BOT PENUMPANG TEMPATAN	123	97	23	3
FERI/BOT PENUMPANG ASING	42	27	14	1
LAIN-LAIN	201	173	24	4
JUMLAH	577	443	107	27


Gambarajah 10 - Kategori Kes Mangsa Kecemasan Tahun 2010




Gambarajah 11 - Peratusan Kes Mangsa Kecemasan Tahun 2010

WILAYAH	JUMLAH TERLIBAT	SELAMAT	MATI	HILANG
WILUTA	54	32	18	4
WILSEL	222	175	41	6
WILTIM	116	90	16	10
WILSAB	86	62	19	5
WILSAR	99	84	13	2
JUMLAH	577	443	107	27

Gambarajah 12 - Jumlah Mangsa Terlibat Mengikut Wilayah Tahun 2010



Gambarajah 13 - Peratusan Mangsa Terlibat Mengikut Wilayah Tahun 2010




Gambarajah 14 - Graf mangsa terlibat mengikut wilayah tahun 2010

GDMSS. Dari tahun 2006 sehingga 2010, pancaran amaran MRCC Putrajaya menerima sejumlah 135 kes pancaran amaran kecemasan dari kapal melalui sistem GMDSS yang berlaku di kawasan MSRR negara. Respon dan siasatan kepada pancaran amaran kecemasan tersebut mendapati bahawa 118 (87%) pancaran amaran yang diterima adalah pancaran amaran kecemasan palsu. Manakala 17 (13%) pancaran amaran kecemasan yang diterima adalah benar dan bantuan dan operasi mencari dan menyelamatkan telah dilaksanakan. Statistik pancaran amaran kecemasan kapal GMDSS dan status kesahihan adalah seperti di Gambarajah 15 dan 16.



Gambarajah 15 - Amaran Kecemasan GMDSS Kapal Tahun 2006 - 2010




Gambarajah 16 - Status Kesahihan Amaran Kecemasan Tahun 2006 - 2010

Jumlah penerimaan pancaran kecemasan kapal dari sistem GMDSS tahun 2010 adalah 24 kes. Ini merupakan satu peningkatan sebanyak 13 penerimaan pancaran berbanding tahun 2009. Walaubagaimanapun verifikasi pancaran tersebut menunjukkan ianya adalah pancaran kecemasan palsu. Apabila penerimaan pancaran kecemasan diverifikasikan sebagai palsu, kapten kapal atau pemilik kapal tersebut dikehendaki memajukan sebab berlakunya pancaran tersebut. Tindakan ini secara langsung memberi kesedaran kepada semua pemilik kapal yang melalui atau berada di dalam kawasan MSRR Malaysia supaya berhati-hati dan mematuhi peraturan Konvensyen SOLAS.

MEDEVAC. Dari tahun 2006 hingga 2010 sebanyak 55 kes *medevac* yang melibatkan bantuan mengeluarkan mangsa kecemasan dari kapal untuk rawatan di hospital telah dilaksanakan. Ini bermakna purata kekerapan permohonan *medevac* adalah 10 kes setiap tahun. Tahun 2007 mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu 14 kes. MRSC Johor Bahru mencatatkan jumlah bantuan MEDEVAC yang tertinggi iaitu 22 kes dan diikuti oleh MRCC Putrajaya dengan 11 kes. Statistik *medevac* yang dilaksanakan adalah seperti di Gambarajah 17. Jumlah kes *medevac* yang telah dilaksanakan pada tahun 2010 adalah 13 kes di mana 11 kes berlaku di perairan Semenanjung dan 2 kes di Sabah seperti di Gambarajah 18 dan 19.



Gambarajah 17 – Pecahan Operasi Medevac Yang Dilaksanakan Tahun 2006 – 2010




Gambarajah 18 – Kes Medevac di Semenanjung Malaysia Tahun 2010




Gambarajah 19 – Kes Medevac di Sabah Tahun 2010

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Cawangan CLBB telah berjaya mencapai matlamat indeks Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan untuk tahun 2010 iaitu pematuhan tempoh *respond time* tiba di lokasi kecemasan dalam masa 2 jam iaitu 80% seperti di Gambarajah 20. Selain itu KPI juga mengukur pencapaian dalam pengurangan kehilangan nyawa di laut di mana mangsa yang telah diselamatkan adalah seramai 443 (76.6%) orang daripada 577 mangsa yang terlibat seperti di Gambarajah 21. KPI pengurangan nilai harta benda yang hilang di laut pula adalah 90% dengan nilai harta yang dapat diselamatkan berjumlah RM159,016.00 daripada jumlah yang patut diselamatkan iaitu RM177,345.00 seperti di Gambarajah 22. Pencapaian KPI ini memberi pengukuran keberkesanan koordinasi operasi SAR oleh APMM dalam usaha menyelamatkan nyawa dan kehilangan harta benda di laut.



Gambarajah 20 – KPI Respond Time Tahun 2010



Gambarajah 21 – KPI Pengurangan Kehilangan Nyawa Tahun 2010



Gambarajah 22 – KPI Pengurangan Nilai Harta Benda Di Laut Tahun 2010

Program Pencegahan SAR (*Preventive SAR*)

Program ini dilaksanakan dalam bentuk ceramah dan dialog dalam usaha untuk memberi kesedaran kepada pelaut tentang pentingnya membuat persediaan dan persiapan untuk ke laut seperti melengkapi kapal / bot / feri dengan jaket keselamatan, peralatan navigasi, peralatan komunikasi dan juga peralatan mencegah kebakaran. Program ini juga menggalakkan nelayan pantai yang tidak tertakluk kepada undang-undang berkaitan mengambil tindakan untuk memastikan

mereka selamat di laut. Di samping itu, mereka juga disaran untuk menentukan kapal / bot / feri masing-masing berada dalam keadaan yang baik dan diselenggara mengikut rutin selenggaraan yang betul agar tidak mengalami kerosakan semasa di laut. Mereka juga ditegaskan untuk menghubungi APMM secepat mungkin sekiranya terjadi kecemasan atau kecelakaan di laut agar bantuan atau operasi (SAR) dapat dilaksanakan dengan segera.

CLBB dan Wilayah-Wilayah APMM akan terus merancang dan melaksanakan program kesedaran dan pencegahan kemalangan di laut dengan mengadakan program “Preventive SAR” kepada komuniti nelayan tempatan dan pengusaha feri bagi mengurangkan kes kemalangan di kalangan komuniti ini. Pemantauan dalam aspek keselamatan di laut dalam bentuk aktiviti kesedaran keselamatan (*safety awareness*) maritim akan dititik beratkan. Di samping itu, penguatkuasaan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan untuk menghindari kemalangan di laut dan kehilangan jiwa dan harta benda di kalangan komuniti maritim turut juga diberi tumpuan. Program *Preventive SAR* untuk tahun 2010 telah berjaya dilaksanakan oleh Wilayah-wilayah pada tempat dan tarikh seperti di Jadual 1.

BIL	WILAYAH	TEMPAT	TARIKH
1	WILUTA	P.Langkawi	8 Feb 2010
		Lumut	12 Feb 2010
2	WILSEL	Klang	22 Dis 2010
3	WILTIM	P.Redang	4 Mei 2010
		Kuala Besar	13 Jul 2010
4	WILSAR	Bintulu	23 Mac 2010
		Kuching	30 Mac 2010
		Miri	22 Apr 2010
5	WILSAB	Sandakan	10 Mac 2010
		Labuan	19 Mac 2010
		Tawau	26 Mac 2010

Jadual 1 - Pelaksanaan Preventive SAR 2010

Operasi penguatkuasaan dan operasi bersama Jabatan Laut juga telah dilaksanakan oleh wilayah dengan melakukan pemeriksaan ke atas feri dan bot penumpang supaya pemilik dan pengendali perusahaan ini sentiasa mematuhi syarat lesen dan mematuhi semua aspek keselamatan. Pemilik dan pengendali yang gagal mematuhi peraturan sedia ada telah diambil tindakan undang-undang dan kompaun juga telah dikeluarkan untuk pelbagai kesalahan.

Latihan dan Eksesais (SAREX)

Kejayaan operasi Mencari dan Menyelamat mangsa kecemasan tidak akan berhasil tanpa bantuan dan sokongan dari agensi kerajaan yang lain samada dari segi aset, keanggotaan serta perkhidmatan kepakaran

yang sedia ada pada mereka. Usaha mencari dan menyelamatkan memerlukan sokongan dan kerjasama semua agensi bantuan seperti yang terdapat di dalam pelan operasi maritim IAMSAR VOL IV agar operasi SAR dapat dikoordinasi dan dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Sehubungan dengan itu, APMM telah menetapkan bahawa SAREX dilaksanakan oleh setiap Wilayah Maritim satu kali dalam setahun dengan melibatkan semua agensi kerajaan yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung. SAREX ini selain untuk meningkatkan pengetahuan dan kebolehan anggota dalam mengendalikan pelaksanaan operasi SAR, ianya juga adalah untuk menjalinkan jaringan kerja antara agensi terlibat. Di samping itu, ianya juga memberi peluang dalam usaha untuk membangunkan bersama *Standard Operating Procedure (SOP)* agar segala operasi SAR dapat diurus dan dilaksanakan dengan cepat dan berkesan tanpa sebarang kekeliruan.

SAREX telah dilaksanakan dengan jayanya sepanjang tahun 2010 yang melibatkan keanggotaan, aset dari APMM dan juga lain-lain agensi kerajaan dan swasta untuk meningkatkan kerjasama, kecekapan dan pengetahuan peserta yang terlibat. Pelaksanaan SAREX 2010 adalah seperti di Jadual 2. Walau bagaimanapun disebabkan oleh kekangan kewangan, SAREX yang dilaksanakan adalah SAREX di Tahap Dua (*Table Top*) sahaja kecuali di Wilayah Sabah di mana SAREX Tahap Tiga telah dilaksanakan.

BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1	2 – 3 Jun	SAREX WILUTA 1/2010 (Maritime SAR Exercise)	P.Pinang
2	4 – 5 Ogos	SAREX WILSEL 1/2010 (Maritime SAR Exercise)	K.Linggi
3	25 – 26 Mei	SAREX WILTIM 1/2010 (Maritime SAR Exercise)	Kuantan
4	4 – 5 Ogos	SAREX WILSAR 1/2010 (Maritime SAR Exercise)	Bintulu
5	24 – 25 Mei	SAREX SAB 1/2010 (Maritime SAR Exercise)	Sandakan

Jadual 2 - Pelaksanaan SAREX 2010



Demonstrasi menyelamatkan mangsa menggunakan helikopter AW 139.

Analisis Kes Kecemasan

Dari statistik kes-kes kecemasan di laut sepanjang tempoh APMM mengambilalih peranan sebagai Penyelaras SAR Maritim pada pertengahan tahun 2006 sehingga berakhir tahun 2010 sejumlah 663 kes kecemasan di laut telah dikendalikan. Ini bermakna purata kes kecemasan di laut adalah dalam lingkungan 133 kes setahun dan ini menunjukkan terdapat pertambahan sebanyak 10 (8.1%) kes kecemasan jika dibandingkan dengan kes kecemasan yang dikendalikan pada tahun 2009.

Kes melibatkan insiden kapal dan bot di laut menyumbang kepada kes kecemasan yang paling tinggi iaitu berjumlah 235 kes (35.5%) daripada jumlah keseluruhan 663 kes kecemasan yang dikendalikan. Selain dari insiden kapal dan bot, sebahagian besarnya adalah berkaitan dengan insiden melibatkan orang iaitu mangsa lemas di pantai dan juga orang jatuh laut yang mencecah sejumlah 227 kes (34.2 %). Lain-lain kecemasan seperti *Medevac*, GMDSS, *Medico* dan bantuan SRU menyumbang kepada 201 kes (30.3%). Statistik mangsa kecemasan untuk tahun 2010 menunjukkan sebanyak 577 mangsa terlibat. Dari jumlah tersebut 32 mangsa (5.6%) terlibat dalam kejadian lemas di pantai, 344 mangsa (59.6%) terlibat dalam insiden kapal dan bot, manakala 201 mangsa (34.8%) disebabkan oleh lain-lain kategori kejadian.

Kes penerimaan pancaran amaran kecemasan melalui GMDSS untuk 2010 pula menunjukkan peningkatan 13 penerimaan pancaran berbanding penerimaan pancaran pada tahun 2009. Walau bagaimanapun semua pancaran yang diterima telah diverifikasikan sebagai palsu. Statistik menunjukkan kebanyakan penerimaan adalah pada awal dan penghujung tahun iaitu semasa musim tengkujuh. Kemungkinan pancaran berlaku disebabkan oleh cuaca buruk dan juga kerosakan peralatan di kapal atau faktor kesilapan manusia. APMM akan sentiasa membuat verifikasi terhadap setiap pancaran yang diterima dalam menentukan setiap pemilik kapal mematuhi peraturan konvensyen SOLAS. Pemilik kapal akan diminta memajukan sebab sekiranya pancaran diverifikasikan sebagai palsu.

Kes *Medevac* sepanjang tempoh Tahun 2010 menunjukkan peningkatan sebanyak 4 kes menjadikan keseluruhan 13 kes berbanding dengan keseluruhan 9 kes pada tahun 2009. Peningkatan ini adalah disebabkan golongan komuniti maritim telah mengetahui peranan APMM dalam memberi bantuan kecemasan *Medevac*. Wilayah Selatan (MRSC Johor Bharu) telah mengendalikan kes *Medevac* yang paling tinggi berjumlah 7 kes dan diikuti oleh Wilayah Timur (MRSC Kuantan) berjumlah 4 kes. Ini adalah bermungkinan disebabkan lokasi kedua-dua tempat berhampiran dengan pelabuhan besar dan juga laluan kapal-kapal seperti Selat Melaka dan Laut China Selatan.



Demonstrasi operasi mencari dan menyelamat di laut (SAREX)

Walaupun APMM berjaya mencapai matlamat indeks Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan, namun statistik kes insiden melibatkan orang di laut untuk tahun 2010 menunjukkan peningkatan kes berjumlah 10 kes kepada 65 kes berbanding dengan tahun 2009 dengan 55 kes. Secara puratanya dari tahun 2006 hingga 2010 kes kecemasan melibatkan orang di laut adalah berjumlah 47 kes setahun. Untuk kes insiden kapal dan bot pula, statistik menunjukkan penurunan bilangan sebanyak 14 kes dari 80 kes pada tahun 2009 kepada 66 kes untuk tahun 2010. Ini menjadikan purata bilangan kes dari tahun 2006 hingga 2010 kepada 45 kes insiden kapal dan bot di laut.

Statistik juga menunjukkan kebanyakan kes kecemasan berlaku di awal tahun dan di penghujung tahun. Ini bermakna kebanyakan kes kecemasan berlaku semasa musim tengkujuh di mana keadaan laut bergelora dan angin bertiup kencang. Sehubungan dengan itu, program preventive SAR harus terus dilaksanakan oleh Wilayah-wilayah dan Daerah-dearah dalam memberi peringatan kepada komuniti maritim terutama kepada golongan nelayan, pengusaha feri dan bot penumpang tentang pentingnya memberi tumpuan dalam aspek keselamatan di laut seperti mengadakan jaket keselamatan, membuat penyelenggaraan berjadual, mengadakan alat perhubungan yang lengkap dan mematuhi laporan cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi.



Untuk memastikan keberkesanan *preventive SAR*, sesi taklimat perlu disusuli dengan pemeriksaan pematuhan dan seterusnya penguatkuasaan dilakukan berterusan. Operasi bersama agensi kerajaan yang lain juga perlu diadakan dari masa kesemasa dan jika terdapat pelanggaran peraturan, tindakan terhadap mereka yang bersalah perlu diambil tindakan sewajarnya.

SAREX atau latihan SAR yang melibatkan agensi bantuan dan sokongan juga perlu dilaksanakan oleh setiap Wilayah Maritim setiap tahun demi untuk meningkatkan kerjasama, kecekapan dan pengetahuan peserta yang terlibat supaya pengurusan dan pelaksanaan operasi SAR dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan efektif.

CAWANGAN OPERASI UDARA



Cawangan Operasi Udara merupakan satu komponen operasi penguatkuasaan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang bertanggungjawab melindungi kepentingan dan keselamatan Zon Maritim Malaysia. Sokongan operasi dari udara bagi menjamin keberkesanan fungsi dan tugas agensi ini merangkumi penguatkuasaan undang-undang dan peraturan maritim, ketenteraman laut, mencari dan menyelamatkan, menghalang dan membanteras kesalahan. Keupayaan operasi udara bertindak sebagai '*force multiplier*' kepada kekuatan menyeluruh operasi APMM. Justeru itu adalah penting perolehan kelengkapan dan aset udara mempunyai ciri-ciri khas yang sesuai seperti platform-platform dari jenis pesawat fixed-wing, amphibious dan helikopter untuk keperluan operasi udara APMM supaya pelaksanaannya akan lebih berkesan. Aset-aset udara ini akan memberi impak dan kesan yang besar kepada pelaksanaan operasi penguatkuasaan undang-undang di Zon Maritim Malaysia dan di lautan lepas melalui pengawasan udara, penguatkuasaan maritim dan tugas mencari dan menyelamatkan secara terkoordinasi, bersama-sama dengan aset kapal dan bot APMM. Sepanjang tahun 2010 aktiviti-aktiviti Cawangan Operasi Udara tertumpu kepada program pembangunan keupayaan operasi udara dan pelaksanaan operasi menggunakan keupayaan sedia ada.

Program perolehan aset-aset pesawat udara telah menghasilkan penerimaan sebanyak tiga (3) buah pesawat helikopter light-medium jenis Eurocopter AS365 N3 Dauphin sejak Julai, 2007 disusuli sebuah dari dua buah pesawat amfibi jenis Bombardier CL 415MP yang diterima pada Nov 2008. APMM dijangka menerima sebuah lagi pesawat amfibi CL 415MP misi penuh serta tiga buah pesawat helikopter medium-lift jenis AgustaWestland AW 139 menjelang akhir 2010.

Objektif

Objektif Cawangan Operasi Udara adalah untuk mendukung misi APMM melalui pelaksanaan operasi udara yang berkesan.



Fungsi Cawangan

- Menentukan melaksanakan operasi udara di kawasan maritim yang dipertanggungjawab untuk menyokong fungsi penguatkuasaan undang-undang APMM secara efektif.
- Menentukan pelaksanaan operasi udara dilaksanakan dengan efektif dan selamat mengikut dasar piawaian dan peraturan yang dikeluarkan.
- Mengumpul maklumat dan risikan persekitaran maritim melalui penerbangan operasi udara untuk menyokong matlamat operasi APMM dilaksanakan dengan lebih efisien dan efektif
- Menentukan keupayaan udara bersedia melaksanakan tugas mencari dan menyelamat.
- Menyediakan anggota yang terlatih untuk kesiapsiagaan di semua unit udara untuk melaksanakan tugas dan misi penerbangan operasi.

Organisasi

Struktur organisasi Cawangan Operasi Udara telah diluluskan pada melibatkan peningkatan perjawatan dan pengwujudan Skuadron pesawat amfibi dan skuadron pesawat helikopter di Stesen Udara dan Skuadron Helikopter di Stesen Udara Kota Kinabalu. Ketika ini ketiga-tiga pesawat helikopter Dauphin, dua buah pesawat amfibi CL 415MP dan tiga buah pesawat helikopter AW 139 yang baru diterima ditempatkan di kemudahan yang disediakan oleh syarikat yang menyelenggara pesawat-pesawat tersebut di Subang. Sementara itu kemudahan hangar dan ruang pejabat untuk Stesen Udara Subang sedang dibangunkan di tapak seluas 7 ekar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dan dijangka disiapkan pada Jul 2011.

Sebagai sebuah organisasi yang masih baru, APMM belum mampu menyediakan juruterbang dan anak kapal terlatih untuk mengoperasikan pesawat-pesawat yang diperolehi. Pada tahun 2010 APMM telah mendapat gantian dan tambahan khidmat juruterbang dan anak kapal terlatih yang dipinjamkan dari Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Sementara itu juga terdapat empat juruterbang dan 5 anak kapal sedang berkhidmat melalui lantikan kontrak.

Di samping itu mengikut perancangan, APMM bakal menerima sejumlah 20 juruterbang APMM yang telah dihantar menjalani latihan asas penerbangan di Institusi latihan penerbangan tempatan yang dilantik.

Operasi Penerbangan

Operasi Helikopter

Skuadron AS36N3. Skuadron Helikopter Dauphin dalam tahun 2010 telah beroperasi secara terhad dengan kekuatan krew yang terhad. Operasi helikopter sepanjang tahun 2010 melibatkan pencapaian 899 jam penerbangan. Tumpuan utama operasi pesawat adalah pelaksanaan program latihan peralihan operasi juruterbang dan anak kapal dalam operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) dan operasi udara maritim menggunakan khidmat jurulatih dari NAVFCO, Perancis. Kontrak tamat pada September 2010 telah dapat seramai tiga juruterbang, empat krew udara dan tiga perenang penyelamat telah berjaya menamatkan latihan serta berupaya menjalankan tugas mencari dan menyelamat dan operasi maritim siang dan malam. Pencapaian keseluruhan jam penerbangan untuk latihan adalah sebanyak 808.2 jam iaitu 89.9% dari jumlah jam penerbangan yang dicapai.

Skuadron helikopter ditugaskan untuk kesiagaan tugas mencari dan menyelamat. Helikopter Dauphin telah terlibat dalam beberapa penerbangan untuk tugas mencari dan menyelamat. Antaranya penerbangan mencari dan menyelamat insiden pelanggaran bot pancung dengan kapal di luar pantai Port Dickson pada 22 Jun 2010, Pesawat juga telah terlibat dalam pemindahan mangsa kebakaran atas kapal tangki di luar perairan Mersing ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu pada 12 Jun 2010.

Skuadron Amfibi CL 415. Pesawat pertama CL 415 dalam konfigurasi penuh misi pada awal tahun telah memulakan operasi sepenuhnya mulai April 2010. Pesawat asas yang telah diterima telah dihantar ke fasiliti Bombardier di Kanada untuk program pemasangan peralatan misi. Dengan pesawat penuh misi ini pencapaian adalah sebanyak 662 jam penerbangan. Operasi pesawat juga melibatkan penerbangan latihan yang dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan lagi keupayaan anak kapal dalam melaksanakan tugas operasi. Pencapaian jam penerbangan untuk latihan adalah sebanyak 282.7 jam ia itu 42.7% dari jumlah jam penerbangan yang dicapai.

Operasi pesawat dalam tahun 2010 melibatkan tugas penerbangan pengawasan dan rondaan maritim. Pesawat juga terlibat di dalam beberapa tugas mencari dan menyelamat termasuk tugas memadam api dari udara ke atas kebakaran kapal kontena MV Charlotte Mearsk pada 7 Jul 2010. Pesawat juga telah ditugaskan untuk beberapa operasi khas di mana pada 20 Apr 2010 telah berjaya menjejak bot tunda PU2009 yang telah dilarikan oleh lanun di perairan Laut China Selatan.

Skuadron Helikopter AW 139. Tiga buah pesawat yang diterima pada Sep 2010. Sepanjang tahun 2010 melibatkan pencapaian 109.1 jam penerbangan. Sebahagian besar penerbangan pesawat tertumpu kepada penerbangan latihan peralihan anak kapal.





Latihan

Latihan Asas Juruterbang dan Anak Kapal. Bagi menampung keupayaan sumber Juruterbang dan anak kapal yang berterusan APMM telah menghantar pegawai dan anggota yang berjaya menjalani pemilihan untuk menjalani latihan asas penerbangan bagi juruterbang dan anak kapal pada awal tahun 2009 di sebuah akademi penerbangan tempatan. Ia melibatkan 15 pelatih juruterbang helikopter, 5 pelatih juruterbang fixed-wing dan 5 pelatih krew udara. Seramai 21 pelatih krew udara dan 9 pelatih perenang penyelamat telah berjaya menamatkan latihan mereka dan telah ditempatkan di Skudron helikopter untuk menjalani latihan peralihan operasi pesawat helikopter APMM.

Latihan Lanjutan Operasi Pesawat. Bagi melengkapkan keupayaan juruterbang dan anak kapal yang sebahagian besarnya terdiri dari anggota pinjaman dari ATM dalam tugas operasi dan mencari dan menyelamatkan maritim, satu program latihan lanjutan operasi helikopter telah dilaksanakan menggunakan kepakaran yang dilantik dari Perancis. Fasa pertama telah berjaya melatih satu set krew yang terlatih dan sedia beroperasi untuk penerbangan operasi maritim dan mencari dan menyelamatkan untuk siang dan malam pada September 2009.

Cabaran

Berakhir tahun 2010, APMM telah menerima 6 buah pesawat helikopter dan 2 buah pesawat yang dilengkapi dengan keupayaan untuk tugas dan peranan yang dipertanggung jawabkan. Walaubagaimana pun kekuatan anak kapal yang terhad merupakan kekangan utama dalam membangunkan keupayaan operasi udara APMM. Anak kapal memerlukan pengalaman dan kemahiran yang khusus didalam mengendalikan pesawat yang berkeupayaan ini. Kemasukkan anggota-anggota baru memerlukan tumpuan operasi pesawat pada program latihan yang komprehensif untuk membangunkan juruterbang dan anak kapal yang terlatih.

Cabaran yang dihadapi adalah didalam mengurus keperluan latihan anak kapal disamping memenuhi keperluan operasi pesawat untuk menyokong operasi APMM yang semakin meningkat. Cabaran ini akan menjadi lebih signifikan apabila APMM menjadi agensi unggul penguatkuasaan maritim menjelang Ogos 2011. Selain daripada itu juga cabaran operasi udara yang akan dihadapi adalah dari aspek kos operasi yang meningkat dengan peruntukan kewangan yang terhad.

SISTEM PENGAWASAN MARITIM (LAUT) - SWASLA

Sistem Pengawasan Maritim Laut Malaysia (SWASLA) telah ditubuhkan pada 27 Mac 1998 dan diletak di bawah pemerintahan Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM). Setelah penubuhan APMM, SWASLA telah diserahkan ke APMM pada 17 November 2005.

SWASLA adalah merupakan Pusat Pengawasan Utama dalam aspek keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang maritim negara di Selat Melaka. Pusat ini melaksanakan pengawasan dengan mengesan, menganalisis dan menyalurkan maklumat aktiviti maritim melalui sistem maklumat yang berkesan bagi kawasan perairan maritim sepanjang Selat Melaka. Ia merupakan satu rangkaian sistem yang terdiri dari Pusat Kawalan Induk (MCC) di Lumut, 3 buah Pusat Kawalan Daerah (ACC) masing-masing di Langkawi, Pelabuhan Klang dan Tanjung Piai, Pontian, Johor serta merangkumi 9 buah tapak radar (RSS). Lokasi penempatan adalah seperti di Gambarajah 1.



Gambarajah 1 - Lokasi Penempatan

Sistem SWASLA mempunyai dwi fungsi yang melibatkan perkongsian pintar di antara Jabatan Laut Semenanjung Malaysia dan Maritim Malaysia. Pembahagian peranan adalah seperti berikut:

- Keselamatan (*safety*) pelayaran. Ini adalah tanggungjawab VTS (*Vessel Traffic Services*) yang dikendali oleh Jabatan Laut Semenanjung Malaysia.
- Keselamatan (*security*) perairan. Ini adalah tanggungjawab Maritim Malaysia.

Sistem rangkaian radar beroperasi secara berterusan 24 jam sehari 7 hari seminggu bagi tujuan pengawasan agar perairan Selat Melaka sentiasa terjamin dari risiko keselamatan pelayaran/navigasi dan gejala kegiatan haram yang boleh menjurus kepada faktor ancaman ketenteraman negara. Secara tidak langsung SWASLA merupakan *eye in the sky* bagi Maritim Malaysia.

Laporan Bahagian Pengurusan

Organisasi SWASLA


SWASLA merupakan satu cawangan di bawah Ibu Pejabat Maritim Malaysia. Cawangan ini bertanggungjawab secara terus kepada Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dalam semua hal pentadbiran dan operasi SWASLA.

Organisasi Cawangan SWASLA dibentuk dengan diketuai oleh seorang Pengarah berpangkat Kepten Maritim yang bertanggungjawab secara keseluruhannya terhadap operasi dan pentadbiran.

SWASLA terdiri daripada tiga sel penting, iaitu sel operasi, pentadbiran dan material. Ketiga-tiga sel ini seterusnya menjana fungsi bantuan, perancangan strategik dasar sumber manusia, operasi, logistik, latihan dan pentadbiran.

SWASLA telah menerima 2 unit Radar Mudah Alih pada Ogos 2010. Penambahan tugas dan tanggungjawab untuk operasi Radar Mudahalih melibatkan rombakan struktur organisasi SWASLA sedia ada secara dalaman sehingga struktur organisasi baru diluluskan. Carta struktur organisasi SWASLA dengan penambahan Squadron Radar Mudahalih adalah seperti di tunjukkan dalam Jadual 1.

Struktur Organisasi



Jadual 1 – Carta Struktur Organisasi



Pusat Kawalan Induk (ICC),
SWASLA Lumut, Perak

Ibu Pejabat utama SWASLA yang merupakan Pusat Kawalan Induk (MCC), adalah terletak bersama dengan Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM) di Lumut, Perak. Alamat penuh ialah Sistem Pengawasan Maritim (Laut), Jabatan Perdana Menteri, Jalan Iskandar Shah, 32000 Lumut, Perak. Penempatan bagi Pusat Kawalan Daerah (ACC) pula adalah seperti berikut:

Pusat Kawalan Daerah Langkawi

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Pangkalan Marin Kastam Bukit Malut
07000 Langkawi, Kedah
Talian Utama: 04-9662712
Talian Faks: 04-9662718

Pusat Kawalan Daerah Klang

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Peti Surat 12, Jalan Foreshore,
42007 Pelabuhan Klang, Selangor
Talian Utama: 03-31664337
Talian Faks : 03-31664332

Pusat Kawalan Daerah Johor

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Tanjung Piai Serkat
82030 Pontian, Johor
Talian Utama: 07-6961478
Talian Faks : 07-6961480


Fungsi Sel Pengurusan

Sel Pentadbiran dan Kewangan berfungsi untuk menyelaras urusan pentadbiran, kualiti, produktiviti dan keurusetiaan SWASLA. Selain itu, sel ini juga turut bertanggungjawab ke atas urusan kewangan dan belanjawan serta memantau pelaksanaan sistem aplikasi teknologi maklumat di Pejabat SWASLA. Tanggungjawab sel ini juga telah bertambah dengan perolehan 2 unit Radar Mudahalih pada bulan Ogos 2010.

Pencapaian Sel Pengurusan

Perjawatan Sumber Manusia

Sepanjang Tahun 2010, perjawatan telah diisi pada paras 100 % iaitu 63 perjawatan yang diluluskan. Ianya merangkumi 9 Pegawai dan 54 Pegawai LLP. Permohonan untuk perjawatan Radar Mudahalih telah dilaksanakan dan dijangka ambil masa yang lama. Sebagai langkah interim pengoperasian Radar Mudah Alih, rombongan dalaman perjawatan sedia ada telah dilaksanakan. Jadual 2 adalah kedudukan pengisian guna tenaga manusia di SWASLA sehingga 31 Disember 2010.



Jadual 2 – Pengisian Perjawatan Anggota

Aktiviti Sepanjang Tahun 2010

Sel ini telah melaksanakan aktiviti-aktiviti harian bertujuan mempertingkatkan pengetahuan dan ikatan silatut rahim antara warga SWASLA. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan meliputi aktiviti kesukanan, kursus/bengkel dan pameran. Perincian keseluruhan aktiviti yang dijalankan adalah seperti di Lampiran 1 dan 2.

Perolehan Aset Alih Kerajaan

SWASLA telah diserahkan sistem Radar Mudahalih dan proses dokumentasi penyerahan oleh Bahagian Aset masih belum selesai. Berikut adalah Jadual 3 KEW-PA.8 kedudukan aset SWASLA sehingga 31 Disember 2010.

BIL	PEJABAT/ DM	BILANGAN NILAI HARTA MODAL (KEW-PA 4)	HARGA PEROLEHAN ASAL (RM)	BILANGAN NILAI INVENTORI (KEW-PA 3)	HARGA PEROLEHAN ASAL (RM)
1	MCC LUMUT	83	193,918.78	-	-
2	ACC LANGKAWI	12	9,707.00	-	-
3	ACC KELANG	21	6,493.24	-	-
4	ACC JOHOR	20	90,123.00	-	-
	JUMLAH	136	300,242.02		

Jadual 3 – Kedudukan Perolehan Aset Alih

Pelupusan Aset Alih Kerajaan

Sepanjang Tahun 2010, pelupusan yang disyorkan tidak berjaya diselesaikan kerana breukrasi pelupusan dan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan oleh SWASLA. Jadual 4 adalah kedudukan aset alih SWASLA yang dalam proses pelupusan sehingga 31 Disember 2010.

BIL	Aset dilupuskan	Wilayah / DM	Tarikh Selesai	Hasil Pelupusan (RM)	Kaedah Pelupusan/Catatan
1	Peralatan Komputer Sistem MSSS	ACC Johor	Dalam proses	-	Jualan Sisa – Sebutharga semula
2	Seunit Mitsubishi Pajero – AEE 6552	MCC Lumut	Dalam proses	-	Sebutharga semula
3	Seunit Mitsubishi Pajero – ADT 9797	ACC Langkawi	Dalam proses	-	Sebutharga semula
4	Seunit Mitsubishi Pajero – ADY 401	ACC Johor	Dalam proses	-	Sebutharga semula

Jadual 4 – Kedudukan Pelupusan Aset Alih

Kenderaan SWASLA

SWASLA telah menerima 2 lori Hino L300 dan 2 lori Hino L500 yang merupakan sebahagian dari Sistem Radar Mudahalih pada bulan Ogos. Sebagai gantian untuk pacuan 4 roda Mitsubishi Pajero yang menunggu pelupusan di MCC Lumut, pancuan 4 roda Toyota Hilux (baru) telah dibekalkan oleh Ibu Pejabat APMM. Jadual 5 menunjukkan kedudukan bilangan kenderaan SWASLA berakhir 2010.

BIL	Pejabat/DM	Bilangan Kenderaan	Jenis & Bilangan	Catatan
1	MCC	9	Van Toyota Hiace(1) Proton Wira (2) Pajero (1) Toyota Hilux (1) Hino L300 (2) Hino L500 (2)	a. Pajero menunggu proses pelupusan
2	ACC LANGKAWI	2	Proton Wira (1) Pajero (1) Isuzu Trooper (1)	a. Pinjaman dari WILUTA b. Pajero menunggu proses pelupusan
3	ACC KLANG	1	Pajero (1)	a. Pinjaman dari Ibu pejabat APMM
4	ACC JOHOR	2	Proton Iswara (1)	a. Pajero menunggu proses pelupusan b. Proton pinjaman WILSEL
	Jumlah	14		

Jadual 5 – Kedudukan Kenderaan

Perbelanjaan Kenderaan

Kenderaan SWASLA telah banyak digunakan untuk tujuan tugas luar seperti mesyuarat, urusan pentadbiran dan tinjauan senggaraan di *Remote Sensor Site (RSS)*. Kenderaan jenis saloon yang disewa dari Syarikat Spanco didapati banyak digunakan kerana keselesaan anggota, menjimatkan minyak dan tidak melibatkan muatan barang, serta senggaraannya ditanggung oleh syarikat. Secara am, perbelanjaan operasi melibatkan senggaraan, minyak dan tol, serta pecahan adalah seperti di Jadual 6. Sebanyak RM20,336.82 telah dibelanjakan untuk operasi kenderaan untuk tahun 2010.

SIRI	LOKASI	BILANGAN KENDERAAN	MINYAK	SENGGARAAN	TOL	JUMLAH
1	MCC LUMUT	9	4,653.31	437.37	3,942.50	9,033.18
2	ACC LANGKAWI	2	1,388.52	-	-	1,388.52
3	ACC KLANG	1	3,839.81	1,494.00	1,063.70	6,397.51
4	ACC JOHOR	2	2,844.41	-	673.20	3,517.61
JUMLAH			12,726.05	1,931.37	5,679.40	20,336.82

Jadual 6 – Perbelanjaan Kenderaan Swasla 2010

Perbelanjaan Utiliti

Secara am, bukan semua lokasi sistem SWASLA adalah milik APMM. Terdapat RSS dan ACC yang berkongsi tempat dengan Jabatan Laut dan Jabatan Kastam DiRaja. Jesteru, pembayaran bil utiliti telefon, letrik, air dan internet hanya dibayar untuk RSS atau ACC yang dimiliki oleh APMM atau mempunyai meter berasingan sahaja. Perbelanjaan utiliti untuk tahun 2010 adalah seperti di Jadual 7. Sebanyak RM399,569.30 telah dibelanjakan untuk utiliti SWASLA untuk tahun 2010.

SIRI	LOKASI	ELEKTRIK	AIR	INTERNET	TELEFON		JUMLAH
					PEJ	C3I	
1	MCC LUMUT	203,661.00	-	1,776.00	14,196.35	8,171.45	227,804.80
2.	ACC LANGKAWI	11,824.56	-	1,795.75	3,883.10	-	17,503.41
3	ACC KLANG	25,496.65	-	2,087.00	8,964.60	-	36,548.25
4	ACC JOHOR	105,201.66	1,940.43	1,791.00	8,779.75	-	117,712.84
JUMLAH		346,183.87	1,940.43	7,449.75	35,823.80	8,171.45	399,569.30

Jadual 7 – Perbelanjaan Utiliti SWASLA 2010

Keselamatan Instalasi SWASLA

Sistem SWASLA mempunyai sebanyak 9 RSS, 3 ACC dan MCC. Dari jumlah 12 lokasi utama ini, 1 lokasi dikawal oleh Jabatan Kastam Diraja, 7 lokasi dikawal Jabatan Laut dan 4 lokasi dikawal oleh APMM. Perbelanjaan kawalan keselamatan untuk tahun 2010 adalah seperti Jadual 8. Sebanyak RM182,521.20 telah dibelanjakan untuk kawalan keselamatan bagi tahun 2010.

SIRI	LOKASI	PERBELANJAAN	JUMLAH
1	MCC LUMUT	5,518.80	5,518.80
2.	ACC LANGKAWI	70,080.00	70,080.00
3	ACC KLANG	-	-
4	ACC JOHOR	106,922.40	106,922.40
JUMLAH		RM 182,521.20	RM 182,521.20

Jadual 8 – Perbelanjaan Kawalan Keselamatan SWASLA 2010

Sel Operasi

Fungsi

Pusat Operasi MCC berfungsi untuk mengkoordinasi dan menyelaraskan keperluan pengawasan kawasan liputan radar di Perairan Maritim Malaysia. Selain itu, pusat ini juga turut bertanggungjawab terhadap tugas-tugas berikut:

- Menganalisis aktiviti-aktiviti maritim di perairan Selat Melaka.
- Membantu penyelarasan operasi pengawasan di antara Agensi Pencegahan dan Penguatkuasaan Maritim.
- Bertindak sebagai Pusat Maklumat Maritim bagi Pusat Kawalan Lumut dan Pusat Kawalan Daerah.
- Bersiap sedia sebagai Markas Operasi Bersepadu.

Aktiviti Operasi

Sepanjang tahun 2010, SWASLA telah turut terlibat di dalam beberapa operasi yang dikendalikan oleh Wilayah-Wilayah Maritim dan PPPM. Peranan yang dimainkan oleh SWASLA ialah penyaluran maklumat maritim kepada aset-aset yang melaksanakan rondaan semasa pelaksanaan operasi-operasi seperti di Jadual 9:

Bil	Operasi	Anjuran	Tarikh	Tempat
1.	Ops Tambak 25/10	PPPM	1 – 13 Mac	Perairan Linggi - Tioman
2.	Ops Tambak 26/10	PPPM	20 – 30 Sep	Perairan Linggi - Tioman
3.	Ops Marikh 1/10	Ibupejabat APMM	1 Jan	Perairan Tioman dan Tg Stapa


Jadual 9 – Senarai Operasi Dijalankan

Statistik Operasi

Sepanjang tahun 2010, aktiviti maritim di Selat Melaka meliputi penggunaan laluan oleh pelbagai kapal dan bot di *Traffic Separation Scheme (TSS)*. Selain itu, terdapat juga aktiviti-aktiviti lain seperti penangkapan ikan oleh nelayan, *sport fishing*, *water tourism*, *barter trading* dan kegiatan bersauh oleh kapal dagang di sekitar kawasan pelabuhan. Aktiviti pelancongan antarabangsa melalui pergerakan feri juga diperamati dari pantai barat Semenanjung ke Sumatra, dari Pulau Langkawi ke Thailand dan dari selatan Johor ke Pulau Batam. Hasil dari aktiviti pemantauan, terdapat sebanyak 11,343 sasaran telah dikesan, iaitu peningkatan dari pengesanan 7,685 yang dicapai pada tahun 2009. Perincian keseluruhan pemantauan adalah seperti di Lampiran 3 dan 4.

Laluan Selat Melaka oleh Kapal Dagang


Secara keseluruhan sepanjang tahun 2010, sebanyak 74,076 kapal-kapal dan bot-bot telah menggunakan laluan Selat Melaka. Dari keseluruhan jumlah kapal yang memasuki perairan Selat Melaka, sebanyak 15,731 kapal telah memasuki Pelabuhan Klang dan 6,927 kapal memasuki Pelabuhan Tanjung Pelepas. Statistik penggunaan laluan di Selat Melaka seperti di Gambarajah 1.




Gambarajah 1 – Statistik Penggunaan Laluan

Pengesanan Sasaran Curiga

Hasil dari pemantauan yang dilakukan, sebanyak 933 sasaran telah disyaki curiga berdasarkan kriteria sasaran curiga yang ditetapkan. Dari jumlah tersebut sebanyak 324 dapat dikenalpasti oleh kamera/VTS dan 284 melalui pemeriksaan oleh aset-aset Maritim Malaysia di kawasan perairan Selat Melaka. Seterusnya, 15 tangkapan berjaya dilakukan oleh aset Maritim Malaysia, hasil maklumat dari SWASLA. Statistik pengesanan, pemeriksaan dan penangkapan seperti di Gambarajah 2 dan 3.



Gambarajah 2 – Statistik Pengesanan dan Pemeriksaan



Gambarajah 3 – Statistik Tangkapan

Operasi Radar Mudah Alih

Dua unit Radar Mudah Alih (MSU) diperolehi pada bulan Ogos 2010 dengan kos RM15,000,000.00. Pengope-rasian MSU tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini kerana peruntukan operasi Ibu pejabat terhad, kekangan peralatan sokongan operasi dan kerosakan dalam jaminan selepas penerimaan.

Pencapaian Key Performance Indicator (KPI)

Hasil pencapaian Sel Operasi merupakan *benchmark* pencapaian SWASLA secara keseluruhan. Ini adalah kerana, pengesanan unsur curiga menjadi tugas utama kejayaan SWASLA. KPI SWASLA dikira berdasarkan pengesanan curiga yang dikenalpasti berbanding jumlah curiga yang dikesan. Pencapaian KPI bagi 2010 adalah 65.17% iaitu memenuhi tahap 65% yang ditentukan. Walaubagaimanapun, hasil tangkapan adalah tidak setimpal dengan maklumat curiga yang disalurkan kepada Daerah Maritim berkaitan. Ini adalah kerana unsur cuaca, kegiatan tonto, status aset terhad dan kekangan lain yang dihadapi oleh Daerah Maritim berkaitan. Kesemua kekangan ini adalah di luar kawalan SWASLA.

Sel Material

Fungsi

Sel Materiel berfungsi untuk merancang, menyelaras dan mengurus penyelenggaraan peralatan Sistem SWASLA. Sel ini juga turut bertanggungjawab terhadap tugas-tugas berikut:

- Mengendali pelaksanaan kontrak senggaraan, alatganti dan perkhidmatan. Mengurus keperluan materiel bagi keseluruhan sistem.
- Menyedia dan mengawal stor alatganti serta, menyediakan rekod yang teratur.
- Menyedia dan mengawal belanjawan bagi segala aktiviti penyelenggaraan.

Aktiviti Material

Sebagai usaha menentukan kesiagaan Sistem Pengawasan Maritim kekal berfungsi, penyelenggaraan secara outsourcing telah dilakukan melalui kontrak yang dimenterai dengan kontraktor berikut:

Syarikat AMP Corporation Sdn. Bhd.


- Kontrak Senggaraan Sistem Bulanan dari Januari 2010 hingga Jun 2010.
- Kontrak Senggaraan Komprihensif Sistem bernilai RM29,985,000.00 bagi tempoh 1 Julai 2011 hingga 30 Jun 2013.
- Kontrak Pembekalan Alatganti Sistem Bulanan dari Januari 2010 hingga Jun 2010.

Syarikat Telekom Malaysia Berhad


- Kontrak Sewaan Litar bernilai RM9,970,032 bagi tempoh 22 Disember 2008 hingga 21 Disember 2010.
- Kontrak Senggaraan Peralatan Microwave berjumlah RM2,158,326 bagi tempoh 2 November 2008 hingga 1 November 2010.

Sepanjang tahun 2010, semua peralatan sistem yang berada di Pusat Kawalan Induk/Daerah dan tapak radar telah diselenggara dengan memuaskan secara berterusan oleh kontraktor yang dilantik. Sebanyak RM7,776,374.54 telah dibelanja untuk senggaraan dan RM93,961.00 untuk alat ganti melalui kontrak bersama AMP Corporation.

Manakala bagi rangkaian sistem komunikasi, sebanyak RM4,396,753.44 dibelanjakan untuk sewaan Litar Suwa dan perbelanjaan senggaraan Sistem Microwave berjumlah RM863,430.05 yang telah dilaksanakan melalui kontrak bersama Telekom Malaysia. Kos senggaraan sistem MSSS seperti di gambarajah 4.



Gambarajah 4 – Kos Senggaraan Sistem MSSS



Gambarajah 5 – Kerosakan Sistem MSSS

Secara keseluruhannya, Unit Material telah memantau dan menentukan pelaksanaan senggaraan berkala, pengurusan bekalan dan alatganti dilaksanakan dengan berkesan. Sepanjang Tahun 2010, sebanyak 368 kerosakan telah berlaku dan dari jumlah ini, 313 merupakan kerosakan peralatan sistem tanggungan AMP Corporation, manakala 52 kerosakan berlaku kepada rangkaian sistem komunikasi tanggungan Telekom Malaysia dan 3 kerosakan melibatkan kerosakan Tenaga National Berhad. Kelewatan pembaikan jika terdapat adalah kerana keperluan alatganti atau cuaca buruk di laut yang menghindarkan pergerakan juruteknik ke instalasi, khasnya di pulau-pulau. Masalah alat ganti diatasi dengan menyimpan alatganti kritikal dan rutin untuk menentukan operasi sistem tidak tergendala demi mengurangkan *down-time*. Jumlah kerosakan sistem MSSS seperti di Gambarajah 5.

PUSAT PENYELARASAN PENGUATKUASAAN MARITIM (PPPM)

Sejarah PPPM bermula pada 9 Ogos 1983 hasil daripada rumusan mesyuarat pertama Jawatankuasa Penyelaras Maritim Kebangsaan (JPMK - NMCC) yang mencadangkan penubuhan sebuah agensi pelaksana untuk menyelaras aktiviti-aktiviti agensi-agensi penguatkuasaan dalam menguatkuasakan undang-undang maritim Malaysia.

PPPM telah mula beroperasi pada 1 Ogos 1984 dan dirasmikan pada 31 Disember 1985 dengan beribu pejabat di Lumut. PPPM telah diwujudkan di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk melaksanakan peranan utamanya sebagai badan penyelaras antara jabatan/agensi yang bertanggungjawab dalam hal ehwal maritim bersabit tugas-tugas penguatkuasaan khususnya dalam operasi bersepadu. Pada 12 Jun 2008, sidang Majlis Keselamatan Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah membuat keputusan PPPM diserahkan kepada APMM. Penyerahan PPPM dari MKN ke APMM telah dilaksanakan pada 1 Jun 2009.



Majlis menandatangani penyerahan PPPM dari MKN kepada APMM pada 1 Jun 2009.

Fungsi PPPM

Melaksanakan operasi bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan maritim dan operasi terkoordinasi dua hala dengan negara-negara luar. Semasa operasi bersepadu dilaksanakan PPPM bertanggungjawab kepada perkara-perkara berikut:

- Mengawasi semua kapal/bot dan pesawat udara kerajaan yang ditugaskan untuk rondaan.
- Menyelaras aktiviti tinjauan udara maritim.
- Menyelaras tangkapan ke atas pencabulan undang-undang maritim negara.
- Menyelaras perhubungan komunikasi di antara kementerian/jabatan dengan kapal/bot.
- Mengumpul data ke atas kejadian/aktiviti di kawasan maritim, mengkaji gaya dan kemungkinan corak pergerakan serta membuat cadangan untuk tindak balas.
- Memperkenal, mengadakan dan mengemaskinikan prosedur bersama bagi kemudahan operasi di antara agensi supaya lebih efektif dan memuaskan kehendak pelanggan.

Pencapaian PPPM 2010

PPPM telah melaksanakan program yang dirancang pada tahun 2010. Semua aktiviti mesyuarat, operasi, eksekusi dan latihan telah berjaya dilaksanakan. Laporan pencapaian PPPM pada tahun 2010 seperti di Lampiran 2.

Lampiran 2 - Laporan Pencapaian PPMM

Bil	Aktiviti	Sasaran	Pencapaian	Catatan
BAHAGIAN OPERASI (PENYELARASAN DAN OPERASI)				
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Operasi Maritim (JBOM). Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Setiausaha MKN. JBOM adalah bertujuan membincangkan isu-isu keselamatan dan penguatkuasaan maritim negara.	6 kali setahun	100 % (i) JBOM di The Royale Bintang Resort and Spa Seremban pada 25 Februari 2010. (ii) JBOM di Hotel Imperial International Kota Kinabalu, Sabah pada 10 Mei 2010. (iii) JBOM di Bilik Mesyuarat Tanjung, MKN, Putrajaya pada 8 Julai 2010. (iv) JBOM di Bilik Mesyuarat MKN Kuching, Sarawak pada 2 September 2010. (v) JBOM di Bilik Mesyuarat Wisma Kastam Tawau, Sabah pada 22 Oktober 2010. (vi) JBOM di Bilik Mesyuarat Wisma Kastam Port Dickson, Negeri Sembilan pada 9 Disember 2010.	
2.	Mesyuarat Kumpulan Bertindak Maritim (KPBM). Mesyuarat ini membincangkan perkara yang diputuskan pada mesyuarat JBOM untuk tindakan susulan dan persediaan perancangan oleh agensi untuk melakukan perancangan dan pelaksanaan operasi. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah PPPM.	4 kali setahun	100 % (i) KPBM di Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Dengkil pada 14 April 2010. (ii) KPBM di Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim, Lumut pada 6 Julai 2010. (iii) KPBM di Jabatan Laut Malaysia, Kuching, Sarawak pada 25 Ogos 2010. (iv) KPBM di Pasukan Gerakan Marin, Putrajaya pada 2 Disember 2010.	
3.	Mesyuarat 'O' Group. Mesyuarat membincangkan perkara yang diputuskan di mesyuarat JBOM untuk tindakan susulan dan persediaan oleh agensi melakukan perancangan dan pelaksanaan operasi di Sabah dan Sarawak. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pengarah Penyelarasan dan Operasi PPPM.	4 kali setahun	50 % (i) 'O' Group di Jabatan laut Malaysia, Kuching, Sarawak pada 23 Oktober 2010. (ii) 'O' Group di Jabatan kastam Diraja Malaysia, Tawau, Sabah pada 14 Disember 2010.	Diadakan di Sabah dan Sarawak sahaja. Diadakan hanya 2 kali, atas dasar langkah penjimatan.
4.	Mesyuarat Pra BPCG PHIMAL bil. 16/2010.	1 kali setahun	100 % Mesyuarat diadakan di pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kota Kinabalu, Sabah pada 20 Mei 2010	

5.	Mesyuarat BPCG PHIMAL bil. 16/2010.	1 kali setahun	0 % Mesyuarat yang dirancang di Puerto Princessa, Filipina ditangguh atas permintaan pihak Filipina ekoran pergolakan yang berlaku di Mindanao dan penglibatan aset-aset dalam operasi berkenaan.	
6.	Mesyuarat Pra TPOM MALINDO bil. 19/2010.	1 kali setahun	100% Mesyuarat diadakan di JKDM, Dengkil pada 24 Mei 2010	
7.	Mesyuarat TPOM MALINDO bil. 19/2010 Mesyuarat dua hala antara Malaysia dan Indonesia ini membincangkan mengenai hal-hal berkaitan keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang maritim di sempadan perairan Selat Melaka, serta pembentukan tim perancang teknikal untuk melaksanakan operasi maritim.	1 kali setahun	100% Bagi tahun 2010, mesyuarat TPOM telah dilaksanakan di Bandung, Indonesia pada 25 hingga 27 Mei 2010.	
KESEDARAN MARITIM (PENYELARASAN DAN OPERASI)				
8.	Interaksi Nelayan Program Interaksi Nelayan adalah program anjuran PPPM yang bertujuan membentuk kerjasama di antara nelayan dengan agensi penguatkuasaan maritim bagi menangani isu-isu keselamatan dan penguatkuasaan maritim.	2 kali setahun	100 % (i) Interaksi Nelayan di Terengganu pada 22 November 2010. (ii) Interaksi Nelayan di Kota Bharu pada 23 November 2010	
9.	Seminar Perundangan Maritim. Seminar ini dilaksanakan dengan tujuan untuk memberi pendedahan/ ulangkaji peranan dan tugas agensi penguatkuasaan dalam aspek perundangan dan penguatkuasaan sebelum sesuatu operasi dilaksanakan	7 kali setahun	70 % Diadakan semasa Operasi Samudera Gagah X 2, Operasi Tambak X 2 dan Operasi PATKOR OPTIMA X 1.	5 kali berjaya dilaksanakan
PENGURUSAN OPERASI DUA HALA (PENYELARASAN DAN OPERASI)				
10.	Operasi PATKOR OPTIMA 19/2010. Operasi Patroli Terkoordinasi Indonesia-Malaysia adalah operasi bersepadu dan bersama yang melibatkan semua agensi penguatkuasaan maritim Malaysia dan Indonesia. Operasi ini dijalankan bagi menjaga keselamatan, keamanan dan sekuriti di sepanjang persempadanan perairan Selat Melaka.	1 kali setahun	100% Melaksanakan Operasi PATKOR OPTIMA bil. 19/2010 di perairan Selat Melaka pada 14 hingga 28 Jul 2010.	
11.	Operasi PHIMAL ke 16A/2010 dan 16B/2010. Operasi Patroli Terkoordinasi Filipina-Malaysia adalah operasi bersepadu dan bersama yang melibatkan semua agensi penguatkuasaan maritim dari Malaysia dan Filipina. Operasi ini dijalankan bagi menjaga keselamatan, keamanan dan sekuriti di sepanjang perairan persempadanan maritim Malaysia-Filipina di Sabah Timur.	2 kali setahun	0 % Operasi yang dirancang di perairan Sabah Timur tidak dapat dilaksanakan kerana pihak Filipina mengalami masalah kewangan.	

PENGURUSAN OPERASI BERSAMA (PENYELARASAN DAN OPERASI)				
12.	Operasi Samudera Gagah (OSG). Operasi Samudera Gagah adalah operasi bersepadu yang melibatkan semua agensi penguatkuasaan maritim Malaysia. Operasi ini dijalankan bagi menjaga keselamatan dan kedaulatan perairan Malaysia .	2 kali setahun	100 % (i) OSG di perairan Laut China Selatan pada 2 hingga 11 Ogos 2010. (ii) OSG 52/2010 di perairan Selat Melaka Selatan pada 18 hingga 27 Oktober 2010.	
13.	Operasi Tambak. Operasi bertujuan membentaras penyeludupan pasir ke Negara Singapura.	2 kali setahun	100 % (i) Operasi Tambak di perairan Johor pada 1 hingga 13 Mac 2010. (ii) Operasi Tambak di perairan Johor pada 20 hingga 30 September 2010.	



Mesyuarat TPOM Malindo bil. 19/2010 di Bandung, Indonesia pada 25 - 27 Mei 2010.

CAWANGAN PERISIKAN

Pencapaian Operasi

Sepanjang tahun 2010, aktiviti pemantauan terus dipertingkatkan bagi mengawasi kegiatan sindiket mahupun individu yang terlibat dengan aktiviti jenayah maritim di kawasan perairan negara. Berikutan itu, beberapa tangkapan berjaya dihasilkan daripada maklumat yang disalurkan kepada pihak operasi di Wilayah/Daerah/Pangkalan Maritim. Kejayaan aktiviti pemantauan perisikan tahun 2010 seperti di Gambarajah 1.

Tapisan Keselamatan


Cawangan ini telah melaksanakan 2 kali tapisan keselamatan iaitu pada 5 Jan 2010 tapisan keselamatan dilakukan ke atas Pelatih Siri 8/2010 melibatkan seramai 174 orang di Pusat Latihan Rekrut TLDM di Tg Penggelih, Johor, manakala pada 4 Okt 2010 pula melakukan tapisan keselamatan kepada calon Pegawai Siri 4/2010 yang melibatkan seramai 90 orang di Pusat Latihan APMM di Kuantan, Pahang.

Kursus Asas Perisikan

Bagi menentukan anggota penguat kuasa APMM beroleh ilmu di dalam bidang perisikan, Kursus Asas Perisikan khusus kepada Ketua-Ketua Bot telah dilaksanakan di Sanctuary Resort Cherating, Pahang pada 7 hingga 16 Jun 2010 membabitkan seramai 30 orang Ketua-Ketua Bot dari semua Wilayah Maritim. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan dengan aspek asas perisikan yang dapat dipraktikkan ketika mereka melaksanakan tugas penguatkuasaan di perairan negara.

Program Komuniti Maritim

Program seumpama ini terus dilaksanakan di perkampungan-perkampungan nelayan bertujuan untuk mewujudkan kerjasama dan perhubungan yang baik dengan komuniti maritim khususnya melalui pelaksanaan program-program jiwa murni dan khidmat kemasyarakatan. Sepanjang tahun 2010 telah melaksanakan sebanyak 15 program kemasyarakatan/ jiwa murni di mana 4 daripadanya adalah merupakan program mega dan 1 program Sekolah Angkat APMM. Antara program yang telah dilaksanakan adalah melibatkan aktiviti-aktiviti gotong-royong, membersihkan kawasan tanah perkuburan, membaiki dan membaik pulih bangunan sekolah, surau, jeti nelayan yang telah uzur bagi kegunaan masyarakat setempat. Pada masa yang sama sejumlah 27 aktiviti berupa program Maritime Community Policing turut sama dilaksanakan bertujuan untuk mendampingi komuniti maritim melalui komunikasi dua hala agar kehadiran APMM dapat diterima dengan baik di kalangan mereka. Antara program yang dilaksanakan melibatkan sesi dialog, program preventive SAR, taklimat/ceramah keselamatan di perairan negara, majlis-majlis perjumpaan dan suaikenal serta pameran APMM. Dengan adanya program seumpama ini dapat memberi penerangan dan penjelasan secara terus kepada golongan sasar berkaitan masalah/isu yang berbangkit yang dihadapi oleh mereka dan langkah-langkah penyelesaiannya. Antara program komuniti dan kemasyarakatan yang telah dilaksanakan adalah seperti di Lampiran 2.



Gambarajah 1: Kejayaan Aktiviti Pemantauan Perisikan.

Bil	Program Mega Jiwa Murni/Dialog	Tarikh
1.	Program Mega Jiwa Murni di Sekolah Kebangsaan Seberang Ramai Kuala Perlis, Perlis.	25 April 2010
2.	Program Mega Jiwa Murni di Kg Batin, Kuala Terengganu, Terengganu.	26 Jun 2010
3.	Program Mega Jiwa Murni di Kg Litong, Mukah, Sarawak.	25 Nov 2010
4.	Program Mega Jiwa Murni di Kg Air, Sandakan, Sabah.	27 Nov 2010

Jadual 1: Program Mega Jiwa Murni bersama Komuniti Maritim

Bil	Program Mega Jiwa Murni/Dialog	Tarikh	Wilayah
1.	Sesi Dialog bersama Persatuan Nelayan Kg Tampi-Tampi, Semporna, Sabah	24 Feb 2010	Wilayah Sabah
2.	Sesi Dialog bersama Persatuan Nelayan Kuala Perlis di Sekolah Kebangsaan Seberang Ramai Kuala Perlis, Perlis.	25 April 2010	Wilayah Utara
3.	Sesi Dialog bersama Persatuan Nelayan di Bintulu, Sarawak	3 Ogos 2010	Wilayah Sarawak
4.	Sesi Dialog bersama Persatuan Nelayan Kg Teluk Tempoyak, Pulau Pinang	8 Ogos 2010	Daerah Maritim 2 Pulau Pinang
5.	Sesi Dialog bersama Persatuan Nelayan Kuala Linggi, Melaka	11 Nov 2010	Daerah Maritim 5 Kuala Linggi
6.	Sesi Dialog bersama Persatuan Nelayan di Chendering Kuala Terengganu, Terengganu.	23 Nov 2010	Wilayah Timur

Jadual 2: Program Dialog Bersama Komuniti Maritim



BAHAGIAN LOGISTIK

BAHAGIAN LOGISTIK

Organisasi

Bahagian Logistik terdiri dari 5 cawangan iaitu:

- a. Cawangan Kejuruteraan.
- b. Cawangan Bekalan.
- c. Cawangan Angkut.
- d. Cawangan Pengurusan Projek.
- e. Cawangan Bangunan & Aset.

Fungsi

Fungsi utama Bahagian Logistik adalah seperti berikut:

- a. Menyediakan anggaran belanjawan untuk pembelian, penyelenggaraan dan pembaikan kapal / bot, alat kelengkapan dan infrastruktur operasi.
- b. Menyediakan spesifikasi teknikal mengenai pembelian dan penguatkuasaan kapal / bot, alat kelengkapan operasi dan infrastruktur.
- c. Membuat laporan dan penilaian mengenai kapal / bot dan alat kelengkapan baru.
- d. Merancang dan mengurus stor alat ganti bagi keperluan operasi.
- e. Menentukan segala kerja pembaikan dan / atau pembinaan kapal / bot, alat kelengkapan dan infrastruktur dijalankan dengan teratur, mengikut jadual dan memenuhi spesifikasi.
- f. Memelihara rekod penyelenggaraan dan kerja-kerja pembaikan mengikut arahan dan peraturan yang ditetapkan.
- g. Menyedia dan mengemaskini inventori kelengkapan dan publikasi kapal / bot, alat kelengkapan dan infrastruktur.
- h. Mengemukakan laporan tahunan ke Perbendaharaan sebelum 15 Mac tahun berikutnya:
 - i) Laporan Harta Modal dan Inventori.
 - ii) Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Inventori.
 - iii) Laporan Tahunan Pelupusan Aset Alih Kerajaan.
 - iv) Laporan Tindakan Surcaj dan Tatatertib.

Pencapaian 2010

Cawangan Kejuruteraan Marin

- a. Jumlah aset kapal dan bot APMM pada 31 Disember 2010 adalah sebanyak 137 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 buah Bot (Kelas Petir) adalah merupakan aset terbaru yang memasuki inventori APMM pada hujung 2010. Kapal dan bot tersebut telah disenggarakan melalui kontrak yang dimeterai dengan Syarikat MTU Services (M) Sdn.Bhd. Memandangkan kontrak senggaraan telah tamat pada 31 Jul 2010, senggaraan telah dilaksanakan melalui Pesanan Rasmi Kerajaan (LPO) sehingga akhir 2010.
- b. Kaedah senggaraan sedemikian adalah bersesuaian dengan sasaran APMM yang mana tahap pencapaian kesiapsiagaan operasi – *operational availability* yang dicapai sepanjang tahun 2010 adalah 78.1%. Pencapaian ini boleh dibanggakan kerana peratus pencapaian telah melebihi sasaran sebenar APMM iaitu 70%.
- c. Sepanjang tahun 2010, 33 buah kapal dan bot telah menjalani senggaraan dengan sempurna di limbungan di mana kesemuanya menjalani pembaikan kecemasan. Tiada kapal dan bot menjalani senggaraan berjadual (annual docking) kerana ketiadaan peruntukan kewangan dan kontrak yang tamat pada 31 Julai 2010.
- d. Pada 31 Disember 2010, sebanyak 103 aset adalah di dalam status beroperasi dan selebihnya menjalani senggaraan. Pecahan adalah seperti berikut:
 - i) WILUTA – 20 beroperasi, 9 senggaraan.
 - ii) WILSEL – 29 beroperasi, 5 senggaraan.
 - iii) WILTIM – 17 beroperasi, 4 senggaraan.
 - iv) WILSAR – 16 beroperasi, 2 senggaraan.
 - v) WILSAB – 19 beroperasi, 8 senggaraan.
- e. Terdapat tiga jenis kerosakan yang sering dilaporkan dan direkodkan. Berikut adalah pengkelasan 3 kerosakan utama mengikut kelas kapal / bot seperti di Jadual 1.

KELAS KAPAL/BOT	KEKERAPAN TAHAP 1	KEKERAPAN TAHAP 2	KEKERAPAN TAHAP 3
(a)	(b)	(c)	(d)
LANGKAWI	Electrical Power	Main Propulsion	Life Saving Equipment
GAGAH	Electrical Power	Main Propulsion	Hull & Outfit
RAMUNIA	Main Propulsion	Electrical Power	Hull & Outfit
SIPADAN	Electrical Power	Main Propulsion	Hull & Outfit
RHU	Main Propulsion	Electrical Power	Navigation
MALAWALI	DCFF	Main Propulsion	Electrical Power
NUSA	DCFF	Main Propulsion	Electrical Power
SEMILANG	Main Propulsion	Electrical Power	DCFF
PENGGALANG	Main Propulsion	Sanitary & Drainage System	Fuel & Lubricant
PENYELAMAT	Main Propulsion	Electrical Power	Hull & Outfit
PENGAWAL	Main Propulsion	Electrical Power	Hull & Outfit
PELINDUNG	Hull & Outfit	Outboard Motor	Battery
KILAT	Outboard Motor	Hull & Outfit	Inflatable Collar

Jadual 1: Kerosakan Utama Mengikut Kelas / Bot

f. Kursus-Kursus

- Chief of The Boat (COB)* – Kursus COB telah berjaya dilaksanakan pada 18-29 Oktober 2010 di Lumut Perak yang melibatkan seramai 29 anggota. Dua lagi kursus sedemikian dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2011.
- Bofors Gun Operator and Maintainer Training (BGOMT)* – Pada tahun ini, hanya KM SIANGIN menerima latihan ini dan seterusnya melaksanakan ujian penembakan meriam.
- Level 1 Maintenance Training* – Latihan ini bertujuan untuk menimbulkan kesedaran mengenai betapa pentingnya senggaraan di kalangan warga kapal sendiri. Pada tahun 2010, sebanyak 6 buah kapal telah menjalani latihan ini.

Cawangan Kejuruteraan Udara

Pada tahun 2010, APMM telah menerima dan mengoperasi semua pesawat yang dirancang untuk diperolehi pada rancangan Malaysia ke 9. Pesawat-pesawat itu ialah helikopter jenis AS365N3, helikopter AW139 dan pesawat Amphibious Bombardier CL415. Kecuali pesawat AW 139 yang diterima pada tahun 2010 pesawat-pesawat lain telah diperolehi pada tahun 2007, 2008 dan 2009. Pesawat-pesawat ini disenggarakan secara sepenuhnya oleh pihak kontraktor selaras dengan dasar yang ditetapkan oleh APMM. Pihak kontraktor telah berjaya melaksanakan tanggungjawab mereka dalam menyenggara pesawat-pesawat tersebut di mana pada keseluruhannya tahap “serviceability” pesawat

yang dicapai ialah 87.7% iaitu melebihi dari keperluan kontrak (80%).

Pesawat Dauphine AS365N3

- Pesawat ini tidak menghadapi apa-apa masalah serius pada tahun 2010 dan telah memberi jumlah jam penerbangan yang diperlukan untuk operasi dan latihan. Jumlah jam penerbangan yang dicapai ialah seperti di Jadual 2.

No Helikopter	Jumlah jam tercapai sejak 2007	Jam penerbangan 2010
M70-01	783.10	203.60
M70-02	982.90	521.30
M70-03	917.50	306.40

Jadual 2: Jumlah penerbangan Pesawat Dauphine AS365N3

- Kontrak semasa penyenggaraan pesawat ini dengan syarikat Eurocopter Malaysia tamat pada 5 Ogos 2010 tetapi telah disambung sehingga 31 Dis 2010 dan had bumbung kontrak RM 30 juta tidak ditambah. Had bumbung ini telah habis dibelanjakan menjelang 15 Okt 2010 (RM29,996,990). Kontrak baru masih belum ditandatangani sehingga tamat tahun 2010.

Pesawat Bombardier CL415

Pada tahun ini hanya sebuah saja pesawat CL415 beroperasi iaitu pesawat M71-02. Pesawat M71-01 telah dikembalikan ke Bombardier Canada untuk pemasangan peralatan-peralatan misi. Pesawat M71-02 telah mencapai sebanyak 619.60 jam penerbangan sepanjang tahun ini. Menjadikan jumlah keseluruhan jam pesawat ini kepada 710.90 jam. Kontrak senggaraan pesawat ini tamat pada 5 Dis 2010 dan masih lagi belum disambung menyebabkan pesawat tidak boleh beroperasi. Pembayaran yang dibuat untuk kontrak senggaraan pesawat ini pada tahun ini ialah sebanyak US\$2,679,496.30 sehingga kontrak tamat.

Isu-isu senggaraan pesawat CL415

- Masalah Hakisan (*Corrosion*) – Pesawat M71-01 yang digunakan secara pesat untuk melatih juruterbang APMM telah membuat hampir 1000 pendaratan dalam air terutamanya dalam air masin. Ini menyebabkan pesawat ini mengalami masalah *corrosion* yang serius pada badan dan enjin. Untuk mengatasi pihak Bombardier telah memperkenalkan prosidur pencegahan *corrosion* yang lebih meluas untuk pesawat APMM yang mana ianya dipraktikkan oleh pihak APMM ketika ini.
- Kegagalan *Main Landing Gear*. Kegagalan ini disebabkan oleh kegagalan meletakkan gris pada bearing semasa pemasangan tayar. Perkara ini diakui oleh pihak Bombardier.
- Insiden *Dummy Landing Gear* patah. Kejadian berlaku di premis kontraktor di Canada. Kos pembaikan ditanggung oleh pihak Bombardier.
- Kegagalan *Sistem Air Condition* dan *Auxiliary Power Unit*. Kedua-dua peralatan ini mengalami kerosakan berulang kali dan sehingga sekarang sebab kerosakkannya tidak dapat dikenalpasti. Ini adalah masalah “*warranty*” dan pihak pembuat mengaku bertanggungjawab untuk menyelesaikan perkara ini.

Pesawat Agusta Westland AW139

APMM telah menerima tiga pesawat baru AW139 pada bulan Sep 2010 (M72-01) dan pada hujung bulan November 2010 (M72-02 dan M72-03). Kontrak senggaraan pesawat ini telah diberikan kepada syarikat

Agusta Westland Malaysia bertempat di Subang. Sehingga akhir tahun pesawat ini beroperasi dengan baik dengan pesawat M71-01 mencapai 117.40 jam penerbangan dan pesawat M72-02/03 mencapai 13 jam (hanya terbang untuk tujuan ujian dan penerimaan).

Pembinaan Hangar /Stesen Udara APMM Subang

Tarikh siap projek ini telah dilanjutkan dari Mac 2011 kepada 31 Julai 2011. Walau bagaimanapun kemajuan projek ini tidak menggalakkan. Kemajuan projek ini hanya mencapai 37% pada hujung Januari 2011. Pihak JKR sedang berusaha untuk menentukan kontraktor menyiapkan projek ini seperti yang dirancang.

Cawangan Bekalan

Cawangan Bekalan bertanggungjawab dalam menyediakan maklumat dan dokumen bagi tujuan perolehan inventori dan harta modal peralatan operasi APMM. Untuk Tahun 2010 pengurusan perbelanjaan di bawah harta modal OS35000 Anggaran Belanja Mengurus (ABM) Bahagian Logistik telah diperuntukkan sejumlah RM359,840.00 daripada keseluruhan RM500,000.00.

Terdapat 4 perolehan harta modal yang telah diluluskan dalam tahun 2010. Peralatan yang berjaya diperolehi ialah 2 set *Tote tank* untuk simpanan petrol, 1 set *Search Rescue Kit* dan 2 bilah pedang *Scimitar*. Walau bagaimanapun perolehan peluru (berjumlah RM127,840.00 atau 35% daripada jumlah keseluruhan peruntukan harta modal Tahun 2010) tidak dapat dilaksanakan kerana kontrak pusat telah tamat tempoh pada 31 Mac 2010 dan sementara menunggu kontrak jangka panjang termeterai telah melepasi tahun perolehan 2010.

Prestasi pencapaian perolehan harta modal bagi tahun tersebut hanyalah 65%.

Cawangan Angkut

Teras utama cawangan ini ialah memastikan kenderaan beroperasi sekurang-kurangnya 75% daripada keseluruhan pegangan, cawangan ini juga memberi bantuan anggota dan kenderaan dalam aktiviti APMM dan Jabatan di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri. Antaranya menyediakan kenderaan dan pemandu bagi Majlis Plan Hala Tuju Program Transformasi kerajaan di KLCC, Ex Maritim Perkasa, Hari Ulang Tahun APMM, Hari Kemerdekaan, Aktiviti Puspanita JPM, lawatan deligasi luar negara ke APMM dan bantuan



Kenderaan lori Hino milik APMM.

menyambut kepulangan Sukarelawan GAZA. Cawangan ini juga membantu keperluan kenderaan bagi cawangan-cawangan yang memerlukan kenderaan bagi tujuan kursus, lawatan dan latihan.

Bagi memastikan anggota berupaya melaksanakan tugas pengurusan dan pengendalian kenderaan, cawangan ini telah menganjurkan Kursus Pengurusan dan Senggaraan Kenderaan dengan menjemput penceramah-penceramah dari Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengangkutan jalan, Syarikat SPANCO Sdn.Bhd dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya.

Bagi menentukan pengurusan dokumentasi dan senggaraan kenderaan APMM sentiasa dilaksanakan dengan baik, pemeriksaan ke atas kenderaan di wilayah dan Ibu Pejabat dilakukan setahun sekali.

Cawangan ini juga berjaya menguruskan pembaikan 2 x bas mini Cawangan Pentadbiran yang telah lama mengalami kerosakan dan telah beroperasi semula seperti biasa.

Pada masa ini aset kenderaan APMM telah mencapai kepada 142 buah, satu pencapaian yang begitu membanggakan berbanding dengan usia APMM yang baru menjangkau 6 tahun ditubuhkan.

Cawangan Pengurusan Projek

Kesemua kontrak peralatan seperti RHIB, ROV H300, EOS dan VDR telah siap dipasang dan ditauliahkan pada 2009. Untuk tahun 2010, tempoh kerosakan jaminan projek telah tamat dan Cawangan ini telah memajukan laporan/penyerahan peralatan kepada Cawangan Kejuruteraan dan BHEPMM setelah tamat tempoh jaminan. Tempoh-tempoh jaminan tamat adalah seperti berikut:

- a. RHIB - 31 Mac 2010.
- b. ROV H300 - 24 Apr 2010.
- c. EOS - 27 Mei 2010.
- d. VDR - 15 Jun 2010.

